

BAB I

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Masalah Kajian

Apabila dicermati kedudukan masyarakat Islam di dunia akhir-akhir ini, sama ada di timur mahupun di barat, mereka berada dalam keadaan yang sangat merisaukan. Akhlak mereka telah jauh tersasar, tidak sejalan bahkan bertentangan dengan nilai dan norma-norma Islam. Hal ini menjadi fenomena dan realiti kehidupan umat Islam yang tersesat jalan keluarnya.

Sebagai cerminan awal, Nabi Muhammad SAW dilahirkan di tengah-tengah umat jahiliyah, akhlak masyarakatnya sangat buruk, tidak banyak berbeza dengan kondisi umat sekarang. Adapun tugas Nabi SAW pada masa itu sangat berat, kerana Baginda diutus oleh Allah kepada golongan yang rosak akhlaknya. Baginda diutus untuk membina akhlak, sebagaimana Baginda sendiri telah menjelaskan dalam hadith

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ¹

Maksudnya ialah:
Aku diutus tiada lain kecuali untuk memperbaiki akhlak.

¹Al-Shaybanī, Ahmad ibn Hambal (1377), *Musnad*, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, j. 2, h. 381. Al-Hākim, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn ‘Abd Allah al-Naisabūriy (t.t), *Mustadrak*, Beirut: Maktabah al-Bukhārī, j. 2, h. 613, Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, kitab *Adāb al-Mufrad*, Istanbul: Al-Maktabah al-Islamī, hadith no. 273. Ibn Hajar dalam kitabnya *Fath al-Bārī* berkata, bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad ibn Hambal dengan lafadh ini dlm Musnadnya adalah hadith *ṣaḥīḥ liḡhairih*. Ibn Hajar, Ahmad ibn ‘Alī Al-Asqalānī (1420H/2000M), *Fath al-Bārī*, c. I, Beirut : Dār al-Fikr, Li al-Tibḡah, wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ j. 6, h. 575

Ungkapan ini menjadi penanda aras untuk Baginda berjuang dengan sedaya upaya, sehingga dakwah Baginda berjaya dengan gemilangnya hanya dalam tempoh masa yang cukup singkat iaitu selama 23 tahun.

Adapun persoalan yang timbul sekarang ialah dengan metode apa yang telah digunakan oleh Nabi SAW dalam membina akhlak masyarakat pada masa tersebut. Apakah ada panduan yang diberi oleh Baginda untuk dapat kita guna dalam menyelesaikan persoalan yang sedang kita hadapi ini?.

Maka melalui susur galur sejarah dakwah Nabi SAW, akan didapati berbagai-bagai metode dakwah yang diguna pakai oleh Baginda, dan di antara metode dakwah tersebut adalah melalui penyampaian kisah-kisah nyata kepada para *mad'unya*.

Baginda menceritakan tentang kisah dan peristiwa sebagai penyampai mesej-mesej dakwah tertentu yang diinginkan oleh Baginda. Dalam melaksanakan tanggung jawab Baginda, menjadikan dakwah melalui kisah merupakan salah satu cara yang sangat berkesan digunapakai oleh Nabi SAW lalu diwujudkan dalam *al-sunnah*. Hingga sekarang kisah sangat disukai oleh seluruh masyarakat dan memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi masyarakat.

Akhirnya dengan berpandukan kepada pokok-pokok permasalahan tersebut di atas, menyebabkan tajuk ini dipilih sebagai tajuk disertasi bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Usuluddin dalam Program Pengajian Islam di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur Malaysia.

Adapun tumpuan disertasi ini, akan diberikan kepada pengumpulan kisah-kisah hadith dalam penerapan akhlak yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, kerana kitab

tersebut memuat hadith-hadith sahih, sebagaimana ahli-ahli hadith berpendapat demikian iaitu hadith-hadith yang terkandung dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* adalah sahih. Perkara ini dapat dilihat kepada pengakuan Imam al-Bukhārī sendiri yang dipetik Ibn Hajar, dia berkata: Aku tidak meriwayatkan hadith dalam kitabku ini kecuali hadith sahih.²

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan selain menjadi syarat bagi melengkapkan untuk memperoleh Ijazah Sarjana di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, ianya juga dilakukan untuk mencapai objektif berikut:

1. Untuk mengenal pasti penggunaan metode dakwah Nabi Muhammad SAW dalam penerapan akhlak.
2. Untuk mengenal pasti penggunaan metode kisah dalam gaya persembahan dakwah Nabi Muhammad SAW .
3. Untuk mengetahui hadith-hadith yang mengandungi metode kisah dalam penerapan akhlak yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

1.3 Kepentingan Kajian

Pemilihan tajuk ini sebagai satu langkah untuk melihat beberapa kepentingan dan keperluan yang mesti diwujudkan dalam kehidupan beragama, di antaranya ialah :

²Ibn Hajar, Ahmad ibn ‘Alī al-‘Asqalānī (1379H), *Hady al-Sārī*, Riyad : Dār Nasr wa Tawzī‘, j. 1, h. 5, Al-Dhahabī, Muhammad ibn Ahmad ibn ‘Uthmān (1401H/1981M), *Siyar A‘lām al-Nubalā*, Beirut: Muassasah al-Risālah, j. 12, h. 40 2, Ibn Abī Ya‘‘ (1952), *Tabaqāt al-Hanābilah*, c.1, Kaherah: Dār al-Tawz‘, j. 1, h. 275, Al-Khatīb al-Baghdādī (1350H), *Tārikh Baghdād*, Kaherah: Dār al-Kutub al-Misriyyah, j. 2, h. 9.

1. Dakwah Nabi SAW kepada para sahabat, memberi kesan yang sangat besar dalam penerapan akhlak Islam. Salah satu metode dakwah Nabi SAW adalah menggunakan kisah dalam penyampaiannya, kerana ia lebih berkesan dalam jiwa jika dibandingkan dengan sekadar disampaikan melalui hakikat tanpa adanya cerita. Kajian ini memiliki kepentingan untuk mengetahui metode dakwah Nabi SAW dengan menggunakan kisah dalam penerapan akhlak.
2. Kajian ini dimaksudkan untuk mengambil kesimpulan atau *istinbat* nilai akhlak yang terdapat dalam kisah, dan untuk memberi tumpuan agar mampu mengamalkan akhlak baik dan meninggalkan akhlak buruk, sehingga terbentuk pribadi muslim yang dapat membantu manusia untuk hidup dengan masyarakat.

1.4 Pengertian Istilah

Tajuk disertasi ini adalah: “METODOLOGI DAKWAH NABI MUHAMMAD SAW MELALUI PENGKISAHAN : KAJIAN TENTANG PENERAPAN AKHLAK DALAM *ṢAHĪḤ AL-BUKHĀRĪ*”.

Huraian tajuk ini akan diterangkan dalam beberapa pengertian seperti berikut:

Metodologi; Metodologi berasal dari perkataan metode. Metode bererti cara melakukan sesuatu, sistem.³⁴ Dengan demikian dapat diertikan bahawa metode adalah cara atau sistem yang dilakukan.

Dakwah; Dalam kamus *Lisān al-‘Arab* dakwah artinya ialah menjemput, mengajak, memanggil, menyeru⁵. Dalam *Kamus Dewan*, dakwah adalah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.⁶

³ Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan*, c. III, Kuala Lumpur: DBP, h. 887.

⁴ Ibn Manzūr, Muhammad ibn Mukarram ibn Manzūr al-Afrīqī al-Miṣrī (1990), *Lisān al-‘Arab*, Dār al-Fikr, Beirut, h. 383.

⁵ *Ibid.* j.14, h. 257.

Metodologi Dakwah; Metode dakwah dapat diertikan sebagai cara-cara atau sistem yang dilakukan oleh para pendakwah atau *dā'i* untuk mengajak atau menyeru kepada objek dakwah.⁷

Kisah; Kisah dari segi bahasa adalah khabar-khabar yang diriwayatkan dan berita-berita yang dihikayatkan.⁸ Adapun kisah dari segi istilah adalah apa-apa yang diceritakan dari berita-berita yang telah lalu.⁹ Menurut *Kamus Dewan*, kisah ialah hikayat.¹⁰

1.5 Skop Kajian

Skop kajian disertasi ini, hanya mengkaji kisah-kisah Nabi yang ada dalam *Ṣahīh al-Bukhārī* sebanyak 20 hadith kisah daripada 97 hadith dari jumlah keseluruhan daripada kisah mengenai akhlak. Dipilihnya hadith-hadith ini kerana ianya telah mencukupi perbincangan keseluruhan mengenai akhlak.

Bertumpu kajian ini hanya kepada kitab *Ṣahīh al-Bukhārī*, kerana kedudukan hadith dalam kitab tersebut para pakar Hadith berpendapat bahawa hadith-hadith yang terkandung dalam *Ṣahīh al-Bukhārī* adalah sahih. Perkara ini dapat dilihat kepada pengakuan Imam al-Bukhārī sendiri yang dipetik oleh Ibn Hajar, katanya: “Aku tidak meriwayatkan hadith dalam kitabku ini kecuali hadith sahih.¹¹ Dan seterusnya beliau berkata lagi: “Aku tidak memasukkan hadith ke dalamnya sehinggalah aku beristikharah

⁶ Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan*, c. III, Kuala Lumpur: DBP, h. 514.

⁷ Rafi'udin, S.Ag (2001), *Prinsip Dan Strategi Dakwah*, c. II, Bandung: Pustaka Setia, h. 48.

⁸ Batras 'Abd. Malik (tt), *Qāmūs al-Kutub al-Muqaddas*, c. IX, Kaherah: Hai'ah al-Tahrīr, h. 112.

⁹ Al-Ashqar, 'Umar Sulaymān 'Abd Allah al-Ashqar (tt), *Ṣahīh al-Qaṣaṣ al-Nabawī*, Jordan : Dār al-Nafāis li al-Nasr wa al-Tawzi'

¹⁰ Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *op.cit*, h. 21

¹¹ Ibn Hajar, Ahmad ibn 'Alī al-'Asqalānī (1379), *op.cit*, j. 1, h. 5, Al-Dhahabī, Muhammad ibn Ahmad ibn 'Uthmān (1401H/1981M), *op.cit*, j. 12, h. 40 2, Ibn Abī Ya'lā āl-Mūsili (1952), *Tabaqāt al-Hanābilah*, c.1, Kaherah : Dār al-Tawz@', j. 1, h. 275, Al-Khatīb al-Baghdādī (1350H), *op.cit*, j. 2, h. 9.

kepada Allah SWT dengan sembahyang dua rakaat dan aku yakin akan kesahihan hadith-hadith itu”.¹²

Kesahihan hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, boleh dibuktikan berdasarkan tajuk asal bagi hasil susunan Imam al-Bukhārī iaitu *al-Jami‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar al-Musnad min Hadīth Rasūlillāh SAW wa Sunanih wa Ayyāmih*. Melalui tajuk asal ini, menunjukkan bahawa matlamat penyusunan Imam al-Bukhārī ialah mengumpulkan hadith-hadith yang sahih sahaja. Oleh kerana itu, jika terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* hadith yang tidak memenuhi syarat-syarat hadith sahih, maka Hadith tersebut diriwayatkan sebagai *Mutabi‘āt*, bukan matlamat penyusunan Imam al-Bukhārī.¹³

1.6 Metode Kajian

Metodologi kajian bermaksud ilmu tentang cara mengadakan kajian.¹⁴ Metode memainkan peranan yang penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek sasaran penelitian.¹⁵ Sesuatu penyelidikan akan tinggi mutunya apabila metode-metode yang dipakai tepat dan sesuai dengan objek mahupun tujuan penyelidikan.

Pada asasnya kajian ini merupakan kajian dokumen (Library Research). Fakta-fakta bagi disertasi ini diperolehi melalui pembacaan dan penelitian kritis terhadap kitab *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ* karya Imam al-Bukhārī. Serta merujuk kepada kitab *mu‘tabar* dalam bahasa Arab yang berhubungkait dengan *Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, juga sumber

¹²Ibn Abī Ya‘lā āl-Mūṣili (1952), *op.cit*, j. 1, h. 106, Ibn Hajar, Ahmad ibn ‘Alī al-‘Asqalānī (1379), *op.cit*, j.1, h. 6, Al-Khatīb al-Baghdādī (1350H), *op.cit*, j. 1, h. 195, Al-Dhahabī, Muhammad ibn Ahmad ibn Uthmān (1401H/1981M), *op.cit*, j. 12, h. 402.

¹³ ‘Abd al-Majīd al-Husaynī (tt), *op.cit*, h. 312-314.

¹⁴ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, h. 51.

¹⁵ Koentjaraningrat, ed. (1997), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia, h.16.

rujukan lain tentang dakwah, akhlak dan juga kisah. Data-data yang diperoleh daripada bahan-bahan berbentuk dokumen seperti buku, jurnal, risalah dan lain sebagainya, samada dalam rujukan berbahasa Arab, Melayu, mahupun bahasa Inggeris.

Selain metodologi kajian ini menggunakan beberapa pendekatan yang mengandungi kaedah, tatacara dan program sebagai suatu medium yang digunakan dalam melakukan satu hasil kajian¹⁶ yang baik dan sempurna. Dalam kajian ini, penulis menggunakan beberapa pendekatan bagi membantu penulis untuk memahami permasalahan yang dikaji dengan lebih mudah dan berkesan.

Adapun pendekatan tersebut penulis akan menggunakan metode utama, ialah metode pengumpulan data dan analisa kandungan berikut huraianya:

a. Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data iaitu pelaksanaan pengumpulan data dalam rangka untuk dikaji dan dipelajari. Dalam sebuah karya ilmiah adalah merupakan keniscayaan, kerana pengumpulan data merupakan langkah yang paling strategik dalam kajian.¹⁷ Tujuan utama dari sebuah kajian adalah mendapatkan data, tanpa melakukan pengumpulan data, maka karya tulisnya tidak akan mendapatkan data yang memenuhi standar data yang telah ditetapkan.¹⁸

Sebagai usaha pengumpulan data, penulisan telah mendapatkannya daripada beberapa sumber. Sumber-sumber tersebut kebanyakannya merupakan sumber primer (*primery materials*). Penulis juga turut menggunakan data-data dari sumber sekunder. Dengan demikian diharapkan penyelidikan ini akan mempunyai nilai yang dapat

¹⁶ Mohd. Najib A. Ghafar (1998), *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai: Penerbit UTM, h. 151.

¹⁷ Samarudin Rejab dan Nazri ‘Abd Allah (1982), *Panduan Menulis Tesis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 50.

¹⁸ Sugiyono (2006), *Metode Penulisan Karya Ilmiah*, Yogyakarta: Tp, h. 236.

dipertanggungjawabkan daripada sudut objektiviti dan validitinya sebagai sebuah karya ilmiah.

Dalam pengumpulan data, penulis menggunakan metode dokumentasi. Metode ini sangat membantu penulis untuk mendapatkan maklumat daripada bahan-bahan rujukan (*reference*), yang berbentuk dokumen dan buku-buku, serta majalah atau jurnal. Metode ini amat penting sehingga hampir semua kajian setiap bab metode ini digunakan oleh penulis.

Perbahasan dalam disertasi ini, penulis telah mengumpulkan data-data yang dirujuk daripada berbagai perpustakaan, sesuai dalam kaedah kajian kepustakaan. Adapun Perpustakaan yang telah dirujuk oleh penulis, di antaranya ialah :

- i. Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- ii. Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- iii. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak Selangor.
- iv. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selango

b. Analisa Kandungan

Setelah terkumpul semua data yang diperlukan, penulis akan menganalisa kandungan daripada data yang didapati, sampai kepada pengambilan kesimpulan yang dikehendaki. Hal ini dilakukan guna mengetahui kandungan data yang sudah terkumpul, sekaligus menjawab pertanyaan serta permasalahan dalam penelitian ini.¹⁹

Dengan demikian tahapan dalam analisa kandungan ini telah terhasilkan sebagai berikut :

¹⁹ Sugiyono (2006), *op.cit*, h. 275.

Pertama: Analisa kandungan hadith. Kedua : Penulisan hadith. Dalam hal ini, penulis akan mula dengan mengemukakan *matan* hadith. **Ketiga: Terjemahan hadith.** Jika terdapat lafaz yang sukar atau *gharīb* (asing) dalam himpunan hadith, maka penulis akan memberikan terjemahan yang sesuai daripada hadith tersebut. **Ketiga: Penjelasan hadith.** Penulis akan memberikan penjelasan tentang kisah-kisah Nabawiyah, dengan berpandukan kepada kitab *syarh* (huraian) hadith atau pandangan ulama yang muktabar. **Keempat: Ulasan penulis.** Setelah penulis memberikan penjelasan tentang hadith, maka penulis akan cuba mengemukakan ulasan penulis secara peribadi dan membuat satu kesimpulan.

Melalui metode ini, penulis gunakan dalam bab keempat, yang mana penulis menghurai hadith-hadith yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dari sini penulis dapat mengambil beberapa kesimpulan daripada huraian tersebut.

1.7 Kajian Terdahulu

Setelah penulis teliti mengenai perbahasan ini, daripada beberapa kajian atau penulisan terdahulu yang mempunyai kaitan dengan tajuk penyelidikan ini. Penulis telah dikenalpasti bahawa sampai setakat ini, belum didapati kajian tentang metodologi dakwah Nabi Muhammad SAW dengan menggunakan kisah dalam penerapan akhlak. Yang pernah ada, sepengetahuan penulis adalah buku yang memuat sebahagian kecil daripada kisah-kisah Nabi SAW, iaitu :

1. Kajian dalam *Min Badā' al-Qaṣ' as al-Nabawī al-Ṣaḥīḥ*

Kitab ini adalah karya tulis Syekh Muhammad Ibn Jamīl Zaynū, salah seorang ulama Saudi Arabia, yang didapat daripada laman web site: www.sultan-org/a.

Hasil kajian Syekh Muhammad Ibn Jamīl Zaynū, seperti yang beliau huraikan dalam mukadimah kitab *Min Badā'ī al-Qaṣ'as al-Nabawī al-Ṣahīh*, bahawa hikmah Rasulullah SAW bercerita tentang umat terdahulu, kerana ianya penuh dengan pengajaran dan teladan bagi yang membaca dan mendengarkannya. Kisah tersebut Nabi SAW ceritakan dengan lafaz yang fasih dan jelas. Keistimewaan daripada kisah ini adalah ianya realiti bukan ilustrasi atau khayalan semata.

Beliau juga mendapati, bahawa pada masa ini sebahagian daripada pemuda Islam lebih menyukai kisah-kisah yang datang daripada barat, yang sudah tentu banyak mudaratnya, ia mengandungi tentang pergaulan bebas, kejahatan dan lain sebagainya. Perkara tersebut menyebabkan mereka termotivasi untuk melakukan keburukan dan penyimpangan seperti apa yang dikehendaki oleh musuh-musuh Islam.

Oleh kerana itu, wajib bagi penulis Islam, menyampaikan contoh daripada kisah-kisah yang sahih, kerana di dalamnya mengandungi penerapan akhlak, dan mendekatkan para pemuda kepada Islam.

2. Kajian dalam kitab *Ṣahīh al-Qaṣ'as al-Nabawī*

Kitab *Ṣahīh al-Qaṣ'as al-Nabawī* adalah karya Dr. 'Umar Sulaymān 'Abd. al-Ashqār, seorang ulama yang terkenal sangat teliti dan cermat yang berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, kitab ini diterbitkan oleh Dār al-Nafāis, Beirut.

Dr. ‘Umar Sulaymān ‘Abd. al-Ashqār berkata dalam mukadimah kitab *Ṣaḥīḥ al-Qaṣ̣ aṣ̣ al-Nabawī*, bahawa kisah dalam al-Qur’an adalah kalam Allah, sedangkan kisah dalam hadith adalah wahyu daripada Allah SWT. Kedua-duanya memiliki kesamaan dalam sumber dan matlamatnya iaitu untuk menambah bekal dan kekuatan bagi para *dā’ī* dan orang salih, bekal bagi roh, akal dan hati mahupun jiwa mereka.

Peringatan melalui pengkisahan, kisah juga berperanan sebagai *maw‘īzah* dan banyak manfaat, memberi arahan kepada kebaikan, dan menghalang orang mukmin daripada berbuat dosa dan kerosakan di muka bumi ini.

Namun Syekh Muhammad Ibn Jamīl Zaynū dan Dr. ‘Umar Sulaymān ‘Abd. al-Ashqār belum membahas kaitan kisah dalam hadith tersebut, dengan metode dakwah yang telah dilaksanakan Nabi SAW.

Adapun matlamat dari kajian, menyatakan hubungkait antara kisah dalam hadith Nabi SAW dengan metode dakwah, khususnya dalam penerapan akhlak, kerana penulis ingin mendapatkan rahsia dan juga kesan daripada kisah terhadap dakwah, yang mana ia akan bermanfaat untuk para *dā’ī* di masa sekarang.

Selanjutnya, belum adanya seorang pengkaji yang mengkaji karya ini dalam bentuk karya ilmiah secara serius. Apatah lagi mengkajinya dengan menggunakan metodologi kajian yang lebih terperinci. Oleh kerana itu, kajian ini dianggap sangat penting untuk mengisi kekosongan tersebut dalam khazanah keilmuan Islam di masa sekarang dan di masa-masa mendatang.

1.8 Sistematika Penulisan

Untuk lebih sistematisnya kajian ini, maka penulis perlu membahagi penulisan ini menjadi beberapa bab. Melalui Bab Pendahuluan, tulisan akan membicarakan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, pengertian istilah, skop kajian, metodologi kajian, kajian terdahulu dan sistematika penulisan, serta rumusan.

Perbahasan dalam bab kedua, penulis membincangkan pengertian metode dakwah, bentuk-bentuk metode dakwah Nabi SAW, peranan dakwah, keperluan dakwah, pencapaian matlamat dakwah, istilah akhlak, metode penerapan akhlak, dan rumusan.

Bab ketiga, penulis menghuraikan tentang uslub pengkisahan sebagai metode dakwah, pengertian kisah, matlamat kisah, ciri-ciri kisah dan bentuk-bentuk kisah, dan rumusan.

Adapun perbahasan dalam bab keempat, penulis menghurai metodologi dakwah Nabi Muhammad SAW dalam penerapan akhlak, akhlak kepada Allah SWT, akhlak kepada manusia dan akhlak kepada haiwan, dan juga rumusan.

Perbahasan terakhir dalam kajian ini, penulis akhiri dengan bab kelima sebagai bab penutup. Dalam bab ini, penulis membuat kesimpulan-kesimpulan umum mahupun khusus daripada keseluruhan perbincangan dalam kajian ini.

1.9 Rumusan

Pendahuluan yang telah dipaparkan dalam kajian ini, sedikit sebanyak dapat mendedahkan pengenalan awal metode kajian yang akan di jalankan oleh penulis dengan menitik beratkan kepada metode penulisan. Oleh itu, penulis berharap semoga

menjadi sebagai usaha sungguh-sungguh dilakukan sebagai kajian pendahuluan yang dapat menjadi paparan awal penelitian dan boleh mewakili gambaran keseluruhan kajian sehingga ke akhir perbahasan, sekaligus menjadi penyelidikan berwibawa dan memiliki kedalaman dan ketajaman hasil yang baik dan berkualiti.

BAB II

BAB II
METODOLOGI DAKWAH NABI MUHAMMAD SAW DALAM
PEMBENTUKAN AKHLAK

2.1 Pendahuluan

Perbahasan dalam bab kedua ini, adalah bertujuan untuk memenuhi objektif kajian yang pertama, iaitu untuk mengenal pasti penggunaan metode dakwah Nabi Muhammad SAW dalam penerapan akhlak. Metode yang digunakan untuk tujuan tersebut ialah metode perpustakaan sebagaimana telah diterangkan pada bab sebelumnya.

2.2 Metode Dakwah Nabi Muhammad SAW

2.2.1 Pengertian Metodologi Dakwah

Metodologi berasal dari perkataan metode. Metode bererti cara melakukan sesuatu, sistem.²⁰ Metode dalam bahasa Inggeris adalah *method* yang bererti sistem, aturan atau kaedah²¹. Dalam bahasa Arab disebut *tariq, manhaj*.²² Dengan demikian dapat di artikan bahawa metode adalah cara atau sistem yang harus dilalui untuk mencapai suatu tujuan.

Adapun dakwah dalam kamus *Lisān al-‘Arab*, artinya ialah menjemput, mengajak, memanggil, menyeru.²³ Dalam *Kamus Dewan*, dakwah adalah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.²⁴

²⁰ Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *op.cit*, h. 887.

²¹ Dewan Bahasa dan Pustaka (1985), *Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur: DBP, h. 781.

²² Ibn Manzūr, Muhammad ibn Mukarram ibn Manzūr al-Afrīqī al-Miṣrī (1990), *op.cit*, j. 2, h. 383.

²³ Ibid. J. 14, h. 257.

²⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan*, c. III, Kuala Lumpur: DBP, h. 514.

Adapun da'wah mengikut pendapat Al-Bahī al-Khūlī, adalah satu proses menghidupkan peraturan-peraturan Islam dengan maksud memindahkan umat dari satu keadaan kepada keadaan lain.²⁵

Syekh al-Islam Ibn Taymiyah menjelaskan, dakwah adalah mengajak seseorang agar beriman kepada Allah dan apa yang dibawa oleh para rasul-Nya dengan cara membenarkan apa yang mereka beritakan dan mengikuti apa yang mereka perintahkan.²⁶

Ahmad Ahmad Ghulūsh menerangkan, dakwah adalah menyebarkan dan menyampaikan ajaran Islam dengan jelas.²⁷ Adapun mengikut pendapat Syekh 'Alī Mahfūḥ, da'wah adalah mengajak manusia untuk mengerjakan kebaikan dan mengikuti petunjuk, menyuruh mereka berbuat baik dan melarang mereka dari perbuatan jelek, agar mereka memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.²⁸ Pendapat ini juga selaras dengan pendapat Abū Hāmid al-Ghazālī (450H – 505H) bahawa *amr al-mar'uf nahy 'an al-munkar* adalah inti gerakan dakwah dan penggerak dalam dinamika masyarakat Islam.²⁹

Sedang Jamaluddin Chafe berpendapat, dakwah adalah menyeru, mengajak, memanggil, mengundang, mendoakan, yang terkandung di dalamnya arti menyampaikan sesuatu kepada orang lain untuk mencapai tujuan tertentu.³⁰ Menurut

²⁵ Al-Bahī al-Khūlī (tt), *Panduan Para Pendakwah*, Ismail bin Mohd. Hassan (terj.), Malaysia: Penerbit Yayasan Islam Terengganu, h. 7.

²⁶ Ahmad ibn Taymiyah (1398), *Majmū' al-Fatāwā*, j. 5, c. 1, Beirut: Dār al-Iftā', h. 157.

²⁷ Ahmad Ahmad Ghulūsh (1978), *Al-Da'wah al-Islamiyah*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Misr, h. 12.

²⁸ Syekh 'Alī Mahfūḥ (1975), *Hidāyah al-Murshidīn*, Kaherah : tp. h. 17.

²⁹ Abū Hāmid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazālī (1967), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, j. 2, Kaherah: Mu'assasah al-Halabī wa Shirkah li al-Nashr wa al-Tawzī' h. 279.

³⁰ Jamaluddin Chafe (1993), *Psikologi Dakwah*, Surabaya: Penerbit, Surabaya Indah, h. 29

pendapat Toto Tasmara, beliau menambahkan bahwa proses memanggil, mengajak atau menyeru juga merupakan suatu proses penyampaian (*tabligh*).³¹

Dari pengertian di atas dapat diambil pengertian bahawa, metode dakwah adalah cara-cara yang dilakukan oleh pendakwah kepada objek dakwah, untuk menghidupkan peraturan-peraturan Islam dengan maksud agar mereka beriman kepada Allah dan mengerjakan kebaikan, bahagia di dunia dan akhirat.

2.2.2 Bentuk-bentuk Metode Dakwah Nabi SAW

Metode dakwah adalah sesuatu yang diguna pakai oleh seorang *da'i*, sehingga dia boleh menyampaikan dakwahnya, dan dengannya dia boleh meraih tujuan yang diharapkan, kejayaan yang baik dalam arena berdakwah, iaitu membimbing manusia kepada jalan yang lurus.

Hal ini menuntut para *da'i* untuk bertauladan kepada Nabi SAW dalam melakukannya, beliau telah menyampaikan dakwah dari barat ke timur, dengan berbagai materi mulia, manhaj yang agung, dengan semangat yang besar, dan dengan menggunakan berbagai metode. Beliau adalah tauladan bagi para *da'i*, orang yang beramal, para mujahid, dan bagi orang yang menegakkan *amr al-ma'rūf nahy 'an al-munkar*.

Syekh ʿĀlih al-Fawzān berkata: “Tidak diragukan bahawa metode dakwah mesti bersumber kepada al-Quran dan al-Sunnah. Rasulullah SAW berdakwah semenjak beliau diangkat menjadi Nabi hingga wafat, dan beliau telah menggunakan

³¹ Toto Tasmara (1997), *Komunikasi Dakwah*, Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama, h. 31

berbagai metode dakwah yang sempurna, lalu para sahabat telah memahami dan mengamalkannya”.³²

Suatu fakta menyatakan bahawa Nabi SAW sempat memimpin kaumnya hanya selama 23 tahun. Meskipun demikian, beliau telah berhasil membuat suatu revolusi maha hebat yang tiada taranya dalam sejarah. Beliau telah berhasil mendidik kelompok-kelompok penggembala onta di padang pasir tandus, menjadi suatu masyarakat beradab yang sanggup memimpin dunia. Dalam seperempat abad, ajaran Rasulullah SAW telah berhasil menyatukan dunia Arab. Dalam setengah abad, beliau telah berhasil menewaskan kekuasaan Imperium Parsi dan Rumawi.

Dalam melukiskan hasil dan sukses dakwah Nabi SAW, I.N. Anderson mengatakan, bahawa dalam satu abad dari kematian pendirinya, Imperium Islam telah terbentang dari Perancis selatan melalui Spanyol, Afrika utara, daerah Levant dan Asia tenggara hingga keperbatasan Cina, dan walaupun pada hakikatnya Islam telah terusir dari Eropa barat serta telah banyak telah banyak kehilangan kekuasaan politik dimana-mana, namun lambat laun ia telah membuat kemajuan-kemajuan penting di Eropa timur, Afrika, India dan Asia tenggara. Kini Islam telah meluas sejak dari Atlantik sampai kepulauan Philipina, lebih dari 350 juta penganut yang terdiri dari pelbagai ras. Sejak ras Eropa sampai Bantu, ras Indian Arian sampai suku primitif Philipina. Meskipun demikian, kita masih bisa menyebutnya dengan dunia Islam.³³

³² ‘Ādil al-Furaidan (1417), *Al-Muntaqā min Fatawā Fadīlah Syekh Sālih Fawzān*, Kaheerah: Maktabah al-Gurabā, h. 174

³³I.N. Anderson (1963), *The World's Religions*, Michigan, h. 52.

Sehubung dengan hasil dakwah Nabi SAW, *Encyclopedia Britannica* mengatakan, bahawa sedikit sekali orang berkebolehan seperti Muhammad, yang berhasil menanamkan dakwah demikian dalam, kemudian mempertahankannya.³⁴

Metode yang beliau gunakan dalam menyampaikan dakwah adalah selaras dengan firman Allah, iaitu:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ
بِأَتَى هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

Surah al-Nahl (16) : 125

Ayat tersebut mengemukakan bahawa asas dakwah yang harus dilakukan oleh para pendakwah meliputi tiga hal yang merupakan asas utama kepada metode dakwah, iaitu: *Al-Hikmah*, *al-Maw'izah al-Hasanah*, dan *al-Mujādalah bi allatī Hiya Ahsan*. Ketiga asas diaplikasikan oleh Nabi SAW dalam berbagai metode dakwah, diantaranya iaitu:

a. *Al-Hikmah*

³⁴*Encyclopedia Britannica* (1998), USA : *Encyclopedia Britannica*, Inc, j. 17, h. 640.

Menurut Ahmad Ibn Munīr al-Muqrī al-Fayūmī bahawa *hikmah* ialah dapat mencegah dari perbuatan yang hina.³⁵ M. Abduh berpendapat bahawa, *hikmah* adalah mengetahui rahasia dan faedah dalam setiap hal.³⁶ Atau meletakkan sesuatu pada tempatnya.³⁷

Dalam metode dakwah, *al-hikmah* diartikan bijaksana, baik sangka, hati bersih, lapang dada. Ibn Qayyim berpendapat bahawa *al-hikmah* adalah pengetahuan tentang kebenaran dan pengamalan, hal ini dicapai dengan memahami al-Quran, mendalami syariat Islam serta hakikat iman.³⁸ Mengikuti pendapat Imam ‘Abd Allah Ibn Ahmad Mahmūd al-Nasafī bahawa, arti *hikmah* perkataan yang benar dan pasti.³⁹

Dari beberapa pengertian dan pendapat di atas, dapat dipahami bahawa, *al-hikmah* adalah merupakan kemampuan *da‘i* dalam menyesuaikan metode dakwah dengan kondisi *mad‘u*.

Dalam metode dakwah *bi al-hikmah* Nabi SAW melakukan beragam cara diantaranya adalah:

- **Dakwah dengan bentuk teladan**

Dakwah yang dilakukan Nabi SAW tidak hanya secara lisan ataupun ucapan, akan tetapi juga berbentuk dakwah dengan memberi contoh dan kerja nyata di hadapan para sahabat. Metode dakwah ini dapat dikategorikan dalam metode dakwah *bi*

³⁵ Ahmad Ibn Munīr al-Muqrī al-Fayūmī (1995), *Al-Miṣbāh al-Munīr*, Beirut : Dār al-Fikr, h. 120

³⁶ Sa‘ad Abū Habīb (tt), *Al-Qamūs al-Fiqh*, Beirut : Dar Ifta’, h. 97

³⁷ ‘Abd al-Karīm Zaidān, Dr (2004), *Al-Da‘wah bi al-Hikmah*, Beirut : Muassasah al-Risālah, h. 26

³⁸ Ibn Qayyim (tt), *Al-Tafsīr al-Qayyim*, Kaherah: tp, h. 226

³⁹ Hasanuddin (1996), *Hukum Dakwah*, Jakarta : Pedoman Ilmu Jaya, h. 44

al-hikmah. Hal ini di mana Nabi SAW menggunakan pendekatan melalui perbuatan nyata dalam dakwah, tanpa melalui kata-kata, dengan memperhatikan kondisi dan keadaan *mad'u* Baginda.⁴⁰

Sebagai contoh adalah Perjanjian Hudaibiyah, adalah salah satu aplikasi metode dakwah dengan memberi contoh dan kerja nyata yang dilakukan oleh Nabi SAW. Ketika itu, Perjanjian Hudaibiyah selesai ditandatangani, maka Nabi SAW memerintahkan kepada seluruh rombongan untuk mengikutinya supaya bercukur serta menyembelih kambing, sebagaimana lazimnya haji dan umrah terhalang kerana tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Akan tetapi kejadian tersebut memberikan kekesalan di hati Nabi SAW, kerana setelah tiga kali berturut-turut Baginda memberikan perintah tersebut, tidak seorangpun yang mematuhi perintahnya.

Para pengikutnya sangat kesal melihat sikap Nabi SAW, yang mahu menerima perjanjian yang dianggap sangat merugikan dan sangat menekan kaum muslimin, sehingga menimbulkan keraguan dalam hati mereka.⁴¹

Kekesalan Nabi SAW tadi disampaikan pada isterinya Ummu Salamah yang ikut serta pada masa itu. Atas nasihat isterinya, Nabi SAW pun keluar dengan diam-diam tanpa memberi perintah lagi, dan beliaupun menyembelih kambing dan bercukur.

Melalui tindakan Nabi SAW tersebut, ternyata mampu menyentuh hati sanubari para sahabat yang tidak mahu melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Baginda, maka mereka semuanya berbuat demikian. Walaupun pada mulanya mereka kesal, tetapi mereka sedar bahawa tindakan Nabi SAW tersebut pasti berjalan di atas jalan yang benar.⁴²

⁴⁰ Yusūf al-Qaraḍawī (1989), *Al-Qur'an Berbicara Tentang Akal dan Pengetahuan*, Jakarta: Gema Insani, h. 222, M. Natsir (1996), *Fiqh al-Da'wah*, Jakarta: Yayasan Capita Selecta, h. 62.

⁴¹ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar al-Qurasyī al-Damsiqī (2001), *Al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*, Kaherah : Maktabah Dār Al-Salām, j. 3, h. 323.

⁴² Mustafā al-Sibā'ī (1972), *Al-Sīrah al-Nabawiyah Durus wa 'Ibr*, Beirut : Maktabah al-Islāmī, h. 98.

Selain perjanjian Hudaibiyah, dakwah Nabi SAW yang menggunakan metode dakwah dengan memberi contoh dan kerja nyata di hadapan para sahabat masih sangat banyak, di antaranya ialah ketika pembangunan masjid Quba ketika Nabi SAW baru tiba di Kota Madinah, dengan mempersatukan kaum Ansar dan Muhajirin dalam ikatan ukhuwah Islamiyah dan lain sebagainya.⁴³ Tidak diragukan lagi, bahawa dakwah dengan perbuatan dan kerja nyata ini akan lebih kuat dan lebih sesuai bagi jiwa dan hati setiap manusia, kerana ia lebih membantu dalam hal pemahaman.

Menurut ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, dalam bukunya *al-Rasūl al-Mu‘allim wa Asālibuh fī al-Ta‘līm* bahawa: “Dakwah melalui perbuatan dan kerja nyata adalah metode yang dijalankan dengan melalui sentuhan naluri dalam mentarbiyah”.⁴⁴ Metode dakwah ini yang lebih istimewa dan besar pengaruhnya daripada metode-metode dakwah Nabi SAW yang lainnya.

- **Dakwah dengan cara melunakkan hati**

Selain metode dakwah dengan contoh, Nabi saw juga telah menempuh dakwah dengan cara melunakkan hati yang di dakwahi, dengan harapan agar kebenaran boleh diterima dan diikuti. Seorang manusia yang telah lunak dan lembut hatinya akan kebenaran Islam, maka dengan senang dia akan menerima ajaran mulia ini.

Salah satu amalan mulia Baginda SAW dalam melunakkan hati ialah ketika Nabi SAW sedang membahagikan harta kepada kabilah Hawazin, sahabat kalangan Ansar merasa ditinggalkannya, kemudian Nabi SAW meyakinkan mereka, bahawa apa yang Beliau lakukan adalah memberikan harta kepada orang yang baru sahaja masuk Islam, untuk melunakkan hati mereka. Dan apa yang sahabat Ansar dapatkan adalah lebih baik, iaitu Rasulullah SAW.⁴⁵

⁴³ Siti Muriah (2000), *Metodologi Dakwah Kontemporer*, c. 10, Yogyakarta: Mitra Pustaka, h. 75, Mustafā al-Sibā‘ī (1972), *op.cit*, h. 67.

⁴⁴ ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah (1997), *Al-Rasūl al-Mu‘allim wa Asālibuh fī al-Ta‘līm*, Beirut: Dār al-Ba‘āshir al-Islāmiyyah, h. 65.

⁴⁵ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abū Zakariya yahyā ibn Syaraf (1995), *Syarh Ṣaḥīḥ Muslim, Kitab al-Zakāh*, Beirut: Dār Ihya’ Al-Turath Al-‘Arabī, j.7, h. 212

Dari hadits di atas bahwa Nabi memberikan harta rampasan perang bagi orang yang baru masuk Islam, dengan tujuan untuk melunakkan hati mereka. Dengan demikian, seorang *da'i* mesti melakukan pendekatan hati dan melunakkannya sehingga dakwahnya diterima dan mereka mengikuti kebenaran.

- **Lembut dan meyakinkan**

Selain kedua cara di atas yang mengikut metode dakwah dengan *al-hikmah*, maka Nabi saw juga telah menggunakan cara lembut dan meyakinkan *mad'u*. Baginda SAW pernah melakukan cara ini kepada seorang pemuda. Pemuda tersebut datang berjumpa Nabi SAW meminta kebenaran untuk berzina, maka Nabi SAW berbincang dengan kebijaksanaan Baginda dan memberikan dalil-dalil yang meyakinkan.

Nabi SAW telah menggunakan cara dakwah ini kepada seorang lelaki muda. Lelaki tersebut datang kepada Nabi SAW dengan meminta kebenaran untuk berzina, maka Nabi SAW berbincang dengan kebijakan baginda dan memberikan dalil-dalil yang meyakinkan bagi pemuda tersebut, sebagaimana dalam riwayat daripada Abi Umamah, bahawa seorang lelaki muda datang kepada Rasulullah saw dan berkata:

إِنَّ فَتَى شَابًّا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَتَذَن لِي بِالزُّنَا، فَأَقْبَلَ الْقَوْمُ عَلَيْهِ فَزَجَرُوهُ وَقَالُوا: مَهْ. مَهْ. فَقَالَ: «ادَّئِنَا، فَدَنَا مِنْهُ قَرِيبًا». قَالَ: فَجَلَسَ قَالَ: «أَتُحِبُّهُ لِأُمَّكَ؟» قَالَ: لَا. وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ. قَالَ: «وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأُمَّهَاتِهِمْ». قَالَ: «أَفَتُحِبُّهُ لِابْنَتِكَ؟» قَالَ: لَا. وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ قَالَ: «وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِابْنَاتِهِمْ». قَالَ: «أَفَتُحِبُّهُ لِأُخْتِكَ؟» قَالَ: لَا. وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاكَ. قَالَ: «وَلَا النَّاسُ

يُحِبُّونَهُ لِأَخْوَاتِهِمْ» . قَالَ: «أَفْتَحِيهِ لِعَمَّتِكَ؟» قَالَ: لَا. وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ. قَالَ: «وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِعَمَّاتِهِمْ» . قَالَ: «أَفْتَحِيهِ لِخَالَاتِكَ؟» قَالَ: لَا. وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ. قَالَ: «وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ» . قَالَ: فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ وَقَالَ: «اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَنْبَهُ وَطَهِّرْ قَلْبَهُ، وَحَصِّنْ فَرْجَهُ» فَلَمْ يَكُنْ بَعْدَ ذَلِكَ الْفَتَى يَلْتَفِتُ إِلَى شَيْءٍ⁴⁶

Maksudnya:

Wahai Nabi Allah, bolehkah engkau memberi kebenaran kepadaku untuk berzina? Orang ramai pun datang kepadanya dan melarang serta menjauhkannya, maka Rasulullah SAW pun bersabda: Mari sini, dan lelaki muda itu pun menghampirinya dan duduk dihadapannya. Rasulullah SAW bersabda lagi: Adakah kamu suka orang yang melakukan zina dengan ibunya? Pemuda itu berkata: Tidak! katanya lagi: sama sekali tidak. Rasulullah SAW bersabda: Maka begitu jugalah orang lain, tidak suka engkau melakukan zina dengan ibu-ibu mereka. Rasulullah SAW bertanya lagi: Adakah kamu suka jika ia dilakukan kepada saudara perempuan kamu? pemuda itu menjawab: Tidak. Kemudian Rasulullah SAW bersabda lagi: Maka begitulah juga orang lain tidak suka perbuatan ini dilakukan kepada saudara perempuan mereka. Rasulullah SAW kemudian mengulang soalan itu tetapi digantikan dengan isteri dan anak perempuannya dan lelaki muda itu menjawab: Tidak. Rasulullah SAW kemudian meletakkan tangannya di atas dada lelaki muda itu dan berkata: Ya Allah, bersihkanlah hatinya dan ampunkanlah dosanya dan lindungilah maruahnyanya. Lelaki itu pergi dan semenjak hari itu perkara yang paling dibenci oleh pemuda itu ialah zina.

Ternyata dakwah dengan penuh kelembutan dan meyakinkan ini, mampu mengubah *mad'u* untuk menerima apa yang disampaikan dengan hati lapang, dan tidak merasa kecil hati dalam menerimanya.

Tidak boleh bayangkan apabila Nabi SAW langsung menghalau pemuda tersebut. Tentunya pemuda itu bukan sahaja tidak selesa bahkan mungkin tidak akan menerima larangan Nabi SAW akan zina. Seandainya pemuda itu tidak berzina, mungkin lebih kerana takut dan bukan kerana sedar dan faham serta yakin akan

⁴⁶Al-Shaybānī, Ahmad ibn Hambal (1377), *op.cit.*, j. 5, h. 256-257. Syekh al-Albanī berkata dalam kitabnya, bahawa *sanadnya* sahih. Muhammad Nāsir al-Dīn al-Albānī (1999), *Silsilah al-Ahādīth al-Ṣaḥīḥah*, c. I, Damaskus : al-Maktab al-Islāmī, j. 3, h. 86

larangan zina tadi. Inilah kesan daripada cara lembut dan meyakinkan *mad'u*, sehinggakan *mad'u* ikut dengan apa yang dikatakan oleh para *da'i* kerana yakin akan penjelasan kebenaran Islam.

Nabi SAW juga telah menggunakan metode ini ketika berhadapan dengan al-Hussain. Al-Hussain ialah seorang yang mulia dan dihormati oleh orang-orang Quraisy. Oleh itu, orang-orang Quraisy menghantar al-Hussain untuk berjumpa dengan Nabi saw dan meminta Nabi untuk menghentikan dakwahnya. Namun Nabi SAW melayaninya dengan baik dan lembut, sehingga al-Hussain memeluk Islam dan Nabi saw meminta para sahabat menghantar al-Hussain ke rumahnya.⁴⁷

Daripada peristiwa di atas, maka pelajaran bagi *da'i* adalah bagaimana keberkesanan kesantunan akan *mad'u*. Ketika berdakwah para *da'i* seharusnya menggunakan kata-kata yang sopan, bertutur kata yang baik, dan lembut, kerana dengan cara ini akan membuat mereka lebih tertarik dan meyakinkan. Kata-kata kasar hanya akan menjadikan orang jauh dari Islam. Kerana *mad'u* tidak melihat keindahan Islam wujud dalam tutur kata sang *da'i*. Kesan negatif akan tertanam lebih dahulu daripada isi kebenaran yang disampaikan oleh *da'i*. Sehingga objek dakwah lari dari ajakan *da'i*.

- **Tegas kepada yang berbuat maksiat**

Namun kelembutan berdakwah berbeza dengan ketegasan memberi sanksi dalam menegakan hukuman Allah. Selain itu memberi pelajaran akan tidak adanya tolak angsur bagi mereka yang telah lama hidup dalam ajaran Islam. Juga agar tidak menjadi contoh buruk terhadap orang lain. Kerananya terkadang Nabi SAW menggunakan ketegasan

⁴⁷Ahmad Mahmūd Abū Zaid (1996), *Minhaj al-Dā'iyah*, Makkah : Rabi'ah 'Alam Islāmī, h. 115

dalam dakwahnya. Yang dimaksud dengan menggunakan ketegasan dalam dakwah ialah metode praktikal yang digunakan oleh Nabi SAW kepada orang yang berbuat maksiat untuk menyedarkan mereka bertaubat kepada Allah SWT.

Cara ini pernah Nabi SAW amalkan terhadap *al-mukhallafīn ‘an al-jihād*. Nabi SAW tidak berhubungan dengan tiga orang yang tidak menyertai perang Tabuk tanpa memberi sebarang alasan. Diantaranya ialah sahabat Ka‘ab ibn Mālik. Nabi saw juga telah melarang seluruh umat Islam daripada bercakap dan berurusan dengan mereka. Beliau juga memerintahkan istri mereka supaya tidak mencampuri mereka dan memutuskan hubungan sehingga 40 hari.⁴⁸

Akhirnya ketiga sahabat tersebut merasakan dunia ini semakin sempit dan diri mereka juga semakin kecil, maka turunlah ke atas mereka ayat untuk bertaubat, dan Allah juga telah memberi ampunan serta menerima taubat mereka iaitu:

وَعَلَى الثَّلَاثَةِ الَّذِينَ خَلَفُوا حَتَّىٰ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ
وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوا أَن لَا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ ثُمَّ تَابَ عَلَيْهِمْ
لِيَتُوبُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿١١٨﴾

Maksudnya ialah :

Dan terhadap tiga orang yang ditangguhkan (penerimaan taubat) mereka, hingga apabila bumi Telah menjadi sempit bagi mereka, padahal bumi itu luas dan jiwa merekapun Telah sempit (pula terasa) oleh mereka, serta mereka Telah mengetahui bahwa tidak ada tempat lari dari (siksa) Allah,

⁴⁸Abū Muhammad ‘Abd al-Mālik ibn Hishām (tt), *Al-Sīrah al-Nabawiyah*, taḥqīq: Muṣṣafā al-Saqā dkk, j. 2, Riyad: Al-Muassasah al-‘Ammah li Idārah al-Buhūth al-‘Ilmiyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah wa al-Irshād, h. 531, dan al-Bukhārī Abū ‘Abd Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit.*, j. 14, h. 248.

melainkan kepada-Nya saja. Kemudian Allah menerima Taubat mereka agar mereka tetap dalam taubatnya. Sesungguhnya Allah-lah yang Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.

Surah al-Taubah (9) : 118

Dari hadith di atas, Nabi berlaku tegas terhadap orang yang berbuat maksiat atau menyimpang dari ajaran Islam, Nabi lakukan hal ini kerana baginda sayang kepada para sahabatnya, dan agar mereka insaf sehingga kembali kepada Allah SWT.

Demikianlah diantara metode dakwah *bi al-Hikmah* yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, menjadi inspirasi bagi para *da'i* ketika akan berdakwah.

b. Al-Maw'izah al-Hasanah

Secara bahasa, *maw'izah al-hasanah* terdiri dari dua kata *maw'izah* dan *hasanah*. Kata *maw'izah* artinya ialah nasihat, bimbingan, pendidikan dan peringatan.⁴⁹ Sedangkan *hasanah* ialah kebaikan.⁵⁰

Adapun secara istilah, ada beberapa pendapat, antara lain: Menurut Imam Imam 'Abd Allah Ibn Ahmad Mahmūd al-Nasafī bahawa *al-maw'izah al-hasanah* adalah

⁴⁹Ibn Manzūr, Muhammad ibn Mukarram ibn Manzūr al-Afriqī al-Misrī (1990), *op.cit*, h. 466

⁵⁰ *ibid*

perkataan yang tidak tersembunyi bagi mereka, bahawa engkau memberikan nasihat dan menghendaki manfaat kepada mereka atau dengan al-Quran.⁵¹

Mengikut pendapat ‘Abd al-Hamīd al-Bilālī, *al-maw‘izah al-Hasanah* merupakan salah satu *manhaj* dalam dakwah untuk mengajak ke jalan Allah dengan memberikan nasihat atau membimbing dengan penuh kasih sayang agar mereka mau berbuat baik.⁵²

Dengan demikian *Al-Maw‘izah al-Hasanah* dapat diartikan sebagai ungkapan yang mengandung unsur bimbingan, pendidikan, pengajaran, kisah-kisah, berita gembira, peringatan, wasiyat yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan agar mendapatkan keselamatan dunia dan akhirat.

Ada beragam cara yang diguna pakai oleh Nabi saw dalam *al-maw‘izah al-hasanah*. Yang paling sering diguna baginda saw ialah :

- **Dengan menarik perhatian**

Dalam menggunakan cara ini Nabi saw tidak menasihati secara langsung, tetapi beliau mengemukakan soalan-soalan yang dapat menarik perhatian orang ramai kepada perkara yang ingin dikatakan, sehingga fikiran mereka bersedia untuk menerima pengetahuan, nasihat dan pengajaran.

Contoh tersebut banyak sekali terdapat dalam *al-sunnah*. Dalam satu hadith diriwayatkan bahawa Nabi saw bersabda:

⁵¹ Hasanuddin (1996), *op.cit*, h. 37

⁵² ‘Abd al-Hamīd al-Bilālī (1989), *Fiqh al-Da‘wah Fī ingkar al-Mungkar*, Kuwait : Dar al-Dawah, h. 260

أَتَدْرُونَ مَنْ الْمُفْلِسُ؟ قَالُوا: الْمُفْلِسُ فِينَا يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ لَّا دِرْهَمَ لَهُ وَلَا مَتَاعَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الْمُفْلِسُ مِنْ أُمَّتِي مَنْ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَاتِهِ وَصِيَامِهِ وَزَكَاتِهِ، وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ هَذَا وَقَذَفَ هَذَا، وَأَكَلَ مَالَ هَذَا، وَسَفَكَ دَمَ هَذَا، وَضَرَبَ هَذَا فَيَقْعُدُ فَيَقْتَصُّ هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، فَإِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ يُقْتَصَّ مَا عَلَيْهِ مِنَ الْخَطَايَا أُخِذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَ عَلَيْهِ ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ»⁵³

Maksudnya:

Adakah kamu semua tahu siapakah muflis?” Mereka menjawab: “Orang yang muflis diantara kami ialah orang yang tidak mempunyai wang atau harta.” Nabi saw bersabda: “Tidak, orang yang muflis dikalangan umatku ialah orang yang datang pada hari kiamat dengan amalan sembahyang, zakat, puasa, haji dan sedekah, dan dia juga datang dengan perbuatan mengata orang, memukul, membunuh, menggunakan wang orang dan memfitnah. Maka perbuatan ini akan mengambil pahala amalan orang itu, dan jika pahalanya habis sebelum sempat dia membayar dosa dan keburukannya, maka kejahatan mereka pula dilonggokkan ke atasnya dan dicampakkan ke dalam api neraka.

Daripada contoh di atas kita mendapati bagaimana kecerdasan Nabi SAW.

Baginda tidak langsung memberi keterangan akan siapa yang dimaksud dengan muflis.

Melainkan Nabi SAW bertanya terlebih dahulu, untuk menarik perhatian. Menyiapkan fikiran mereka. Dengan demikian ianya akan lebih berkesan dengan dalam di hati dan fikiran *mad'u*.

- **Dengan menegur**

Kepada para sahabat yang sudah lama berinteraksi dengan Nabi SAW dan sudah banyak mendapat pengajaran daripada Baginda, maka Nabi berdakwah kepada mereka dengan menegur sebahagian sahabatnya manakala dalam salah satu kejadian yang tidak

⁵³ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit*, j. 19, h. 163, hadith no. 6182

kena dengan ajaran suci Islam. Imam al-Bukhārī telah meriwayatkan daripada Abū Dhar ra katanya:

إِنِّي سَابَيْتُ رَجُلًا فَعَيَّرْتُهُ بِأُمَّهِ، فَقَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا أَبَا ذَرٍّ
أَعَيَّرْتَهُ بِأُمَّهِ؟ إِنَّكَ أَمْرٌ فِيكَ جَاهِلِيَّةٌ.⁵⁴

Maksudnya:

Saya telah mencela seorang lelaki dengan berkata kepada lelaki itu, Wahai anak kepada si hitam.” Maka Nabi saw berkata, “Wahai Abū Zar, kamu mencela lelaki itu dan ibunya, sesungguhnya kamu masih berperangai semasa kamu berada dalam kejahilan.

Dalam kejadian ini, Nabi langsung menasihati Abū Dhar ra. Kerana Baginda telah mengenal psikologi sahabat ini dan juga sudah lama belajar daripada Nabi SAW. Maka Nabi menegurnya dengan langsung sehingga nilai-nilai Islam yang pernah dia ketahui, kembali teringat lalu diamalkan.

- **Dengan tunjuk ajar**

Masih mengikut metode *al-maw'izah al-hasanah* ialah memberi nasihat dengan gaya bahasa yang tegas. Nabi pernah memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam bentuk perintah dan arahan kepada orang-orang mukmin diantara umatnya. Sebagaimana Abū Dhar meriwayatkan daripada Mu'ādh ibn Jabal, bahawa Nabi SAW bersabda:

⁵⁴ *Ibid*, j. 1, h. 15, hadith no. 30

اتق الله حيث ما كنت، وأتبع السيئة الحسنة تمحها، وخالق الناس بخلق
حسن⁵⁵

Maksudnya :

Bertaqwalah kepada Allah di mana juga kamu berada, dan ikutilah perbuatan buruk dengan perbuatan yang baik supaya yang pertama terhapus, dan berakhlaklah dengan manusia dengan akhlak yang baik.

Perintah Nabi SAW kepada Mu'adh Ibn Jabal mengandung pelajaran bahawa nasihat akan akhlak, samada perintah atau arahan mesti disampaikan dengan bahasa yang tegas. Sehingga dapat dengan mudah dikerjakan oleh *mad'u*. Apabila bahasa yang diguna tidak jelas, maka hanya akan membuat banyak pertanyaan di hati dan fikiran *mad'u*, yang kemudian mereka sukar untuk mengamalkan.

- **Dengan perumpamaan**

Termasuk cara memberi nasihat yang baik ialah nasihat dengan perumpamaan. Memberikan perumpamaan ialah salah satu metode dakwah yang datang dari Nabi SAW. banyak sekali hadith Nabi yang memberikan perumpamaan kepada para pendengarnya. Sebagaimana sabdanya:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَّكَ أَصَابِعُهُ⁵⁶

Maksudnya :

Orang mukmin terhadap orang mukmin lainnya bagaikan bangunan, yang saling menguatkan satu sama lainnya, kemudian baginda merapatkan dan merasuk antara jari-jemarinya.

Nabi SAW telah memberikan perumpamaan kepada orang yang beriman, bahawa mereka itu seperti satu jasad dalam satu ikatan anggota badannya. Apabila salah

⁵⁵ *Ibid*, j. 8, h. 417, hadith no. 366

⁵⁶ *Ibid*, j. 1, h. 103, hadith no. 481

satu anggota badan sakit, maka terasa sakitlah anggota badan selainnya. Dengan perumpamaan, maka seorang pendengar akan termotivasi untuk mencontoh apa yang diumpamakan. Sehingga tidak ada kesan dipaksa. Bahkan sekiranya ada yang tidak serupa dengan apa yang diumpamakan, maka hatinya tidak terlukai kerana kata-kata kasar. Sebaliknya ianya akan memberi kesan macam mana untuk merubah kekurangannya.

- **Memberikan kegembiraan (*targīb*)**

Dalam cakupan yang lain, maka metode *al-maw'izah al-hasanah* juga bahawa Nabi SAW mengguna metode memberikan kegembiraan atau *targīb* dalam dakwah beliau.

Targīb atau memberikan kegembiraan iaitu semua yang dapat menarik dan mengarahkan orang untuk menerima kebenaran dan mengikutinya. Tujuan-tujuan dari *targīb* antaranya:

- a. Menguatkan atau mengokoh keimanan
- b. Memberikan harapan
- c. Menumbuhkan semangat untuk beramal
- d. Menghilangkan sifat keragu-raguan
- e. Memberikan kegembiraan tentang pahala yang akan didapat dihari akhirat

Dalam sunnah diterangkan bahawa Nabi SAW menjanjikan kepada orang yang membaiaatnya dengan surga. Demikian Nabi saw berkata kepada orang-orang yang membaiaatnya dalam *Bay'ah al- 'Aqabah* pertama.⁵⁷

Begitu juga ketika Nabi melalui tempat keluarga Yasir yang sedang menderita gangguan kaum Quraisy, beliau bersabda:

صبرا آل ياسر فإن موعدكم الجنة⁵⁸.

Maksudnya:

Bersabarlah wahai keluarga Yasir, Allah menjanjikan syurga untukmu.

Dapat dirasakan bahawa janji-janji syurga ini diucap oleh seorang Nabi yang terkenal *al-Amin*, iaitu yang dipercayai. Manakah lagi setiap orang yang mendengar mesti tergerak hatinya untuk mengamalkan apa yang dikatakan oleh Nabi SAW. Demikianlah semestinya seorang *da'i* memotivasi pendengarnya dengan sesuatu yang amat berharga yang diharap oleh sang pendengar. Namun, untuk kegunaan memotivasi dengan pahala atau syurga, mestilah para *da'i* berdasar ke atas hadith sahih.

- **Dengan menakut-nakuti (*Tarhib*)**

Tarhib adalah menyampaikan dakwah dimana isinya berupa peringatan terhadap manusia tentang kemaksiatan dan yang akan diterimanya akibat perbuatannya.⁵⁹

⁵⁷ Abū Muhammad ‘Abd Mālik ibn Hishām (tt), *op.cit*, j. 2, h. 41

⁵⁸ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit*, j. 1, h. 190, hadith no. 20

Dengan mendengar *tarhīb* daripada Nabi SAW, maka orang yang mendengar akan terbayang betapa besar murka Allah yang akan diberikan kepada mereka yang melakukan larangan-Nya. Dengan demikian cara menakut-nakuti atau *tarhīb* ini akan memberi kesan kehati-hatian dalam diri pendengar akan maksiat kepada Allah dan Rasul-Nya. Pada masa yang sama menjadikan hati pendengar terarah untuk melaksanakan setiap ajaran Islam.

Di samping itu, tujuan daripada *tarhīb* adalah untuk menakutkan dengan azab yang pedih, dan kemungkinan juga terjadi di dunia ialah kebaikan bagi yang menerimanya dan kesengsaraan bagi yang menolaknya.

- **Dengan menyampaikan kisah umat terdahulu**

Dakwah dengan kisah merupakan salah satu cara berdakwah Nabi saw yang terdapat dalam *al-sunnah*. Nabi saw menceritakan tentang kisah dan peristiwa adalah untuk menyampaikan mesej-mesej tertentu.⁶⁰

Metode ini mempunyai pengaruh yang sangat baik bagi para pendengar, memiliki keutamaan dalam memberikan taujih, ada keinginan dari pendengar untuk terus mendengarkan kisah dengan penuh perhatian, hati sangat menerima, karena taujih dengan kisah tidak memberi perintah dan larangan, tetapi hanya bercerita tentang umat lain, yang boleh dijadikan nasihat, pengalaman, contoh bagi pendengar.

⁵⁹ ‘Abd al-Fattāh Abū Guddah (1997), *op.cit*, h. 193,dan M. Munir, S.Ag (2003), *op.cit*, h. 265, Al-Naisabūrī, Abū al-Hasan, Muslim ibn Hajjaj al-Qushairī (tt), *op.cit* , j. 12, h. 394

⁶⁰ Ahmad Ibn ‘Abd. ‘Azīz al-Khalaf (1998), *Manhaj Ibn al-Qayyim Fī Da’wah Ilā AllāhTa’ālā*, c. 1, Riyad: Maktabah Adwā’ al-Salaf, j. 1, h. 320

Dari hadith di atas, Nabi berdakwah kepada para sahabat dengan mengemukakan kisah, sehingga para pendengar menyimaknya dengan baik dan berusaha untuk mengambil pelajaran dari kisah yang di sampaikan Nabi SAW.

c. *Al-Mujādalah bi allatī Hiya Ahsan*

Dari bahasa *al-mujādalah* dari *jādala* yang bermakna berdebat, dan *mujādalah* adalah perdebatan.⁶¹ Quraisy Shihab berpendapat *mujādalah* bermakna menarik tali dan mengikatnya guna menguatkan sesuatu.⁶² Menurut ‘Ali al-Jarīṣah *mujādalah* bermakna datang untuk memilih kebenaran.⁶³

Sedang pengertian *mujādalah* secara istilah ialah usaha tukar pendapat yang dilakukan oleh dua pihak secara sinergi, tanpa ada permusuhan.⁶⁴ Sedang mengambil pendapat Sayyid Muhammad Ṭaṇṭawī ialah, suatu usaha yang bertujuan untuk mengalahkan pendapat lawan dengan memberikan pendapat dan bukti yang kuat.⁶⁵ Menurut al-Nasafi *al-mujādalah bi allatī hiya Ahsan* adalah berbantahan dengan baik.⁶⁶

Dari pengertian di atas, *al-mujādalah* adalah tukar pendapat yang dilakukan dua orang secara sinergi, yang tidak melahirkan permusuhan, dengan tujuan agar lawan bicara menerima pendapatnya.

Adapun metode yang diguna oleh Nabi SAW adalah *Al-Mujādalah bi allatī Hiya Ahsan*. Ada beragam cara yang diguna pakai oleh Nabi SAW dalam metode ini,

⁶¹ Ahmad Warson al-Munawwir (1997), *al-Munawwir*, c. 14, Jakarta : Pustaka Progresif, h. 14

⁶² Qurais Shihab (2000), *Tafsir al-Misbah*, c. I, Jakarta : Lentera Hati, h. 553

⁶³ ‘Ali al-Jarīṣah (1998), *Adab al-Hiwār wa al-Muhāḍarah*, c. I, Makkah : Dār al-Wafā, h. 19

⁶⁴ WAMY (2001), *Fī Usūl al-Hiwār*, Kaheerah : Maktabah Wahbah, h. 21

⁶⁵ Sayyid Muhammad Ṭaṇṭawī (2000), *Adab al-Hiwār Fī Islām*, Kaheerah : Dār al-Nahḍah, h. 1

⁶⁶ Hasanuddin (1996), *op.cit*, h. 38

diantaranya adalah : berdialog, diskusi dengan cara yang baik. Dalam metode dakwah ini, Nabi juga melakukan dengan toleransi terhadap lawan dialog atau diskusinya.

Hal ini beliau lakukan ketika dalam sebuah pengejaran sisa-sisa gerombolan musuh dalam peperangan Ghaṭfān. Nabi SAW berteduh seorang diri dibawah pokok, terpisah daripada sahabat-sahabatnya. Da'thur, pemimpin gerombolan musuh melihat ini dari kejauhan dan dengan diam-diam mendekatinya. Setelah dekat, Da'thur menyentakkan pedangnya lalu berkata:

Sekarang ya Muhammad, siapakah yang akan melepaskanmu dari pedangku ini?" Dengan tenang Nabi menjawab: "Hanya Allah." Mendengar itu Da'thur menggeletar ketakutan sehingga pedang jatuh dari tangannya, Nabi mengambil pedang itu lalu berbuat pula seperti yang Da'thur lakukan dan bersabda: "Engkau ya Da'thur, siapa yang akan melepaskanmu dari pedang ini?" Da'thur bertambah takut dan dengan tertegun menjawab: "Tidak ada." Melihat hal ini, Nabi saw tersenyum dan memintanya pergi dengan meninggalkan pedangnya. Da'thur lalu pergi kepada kaumnya dan meminta mereka untuk pergi dengan meninggalkan senjata. Lalu Da'thur masuk Islam dan menjadi pengikut Nabi saw yang setia.⁶⁷

Dalam hal ini, Nabi melakukan dialog dengan sangat baik, sehingga lawan bicara bisa menyimaknya dan menerima apa yang dikatakan Nabi, sehingga pada akhirnya menerima kebenaran dan masuk Islam dengan *kaffah*.

Nabi SAW juga melakukan toleransi kepada Fuḍalah ibn Umar seorang munafik yang berpura-pura mengaku Islam. Suatu ketika dia bermaksud membunuh Nabi SAW ketika sedang berkhalwat di Baitullah pada zaman permulaan Islam. Ketika dia mendekat, Nabi melihat maksudnya yang jahat terbayang pada mukanya. Nabi segera bertanya:

⁶⁷Toha Jahja Umar (tt), *Ilmu Dakwah*, Jakarta : Penerbit Widjaya Djakarta, h. 124

Engkaukah itu Fudalah?” Dengan terkejut Fudalah menjawab: “Benar ya Rasulullah.” Nabi bertanya lagi: “Apa yang sedang terjadi pada dirimu”. Dengan gugup Fudalah menjawab: “Tidak apa-apa, saya...saya sedang mengenang Tuhan”. Dengan tertawa Nabi saw berkata: “Hai Fudalah, minta ampunlah engkau kepada Tuhan”. Nabi meletakkan tangannya kepada Fudalah, hatinya menjadi tenang dan niatnya yang jahat menjadi hilang. Dalam menceritakannya Fudalah berkata: “Demi Allah, ketika tangannya ditarik dari dadaku, timbullah kecintaanku padanya, sehingga dialah rasanya yang paling aku cintai”.⁶⁸

Nabi SAW melakukan toleransi dalam dakwahnya, bahkan kepada orang yang hendak melakukan kejahatan kepadanya. Para *da'i* hendaknya mengikut apa yang telah di contohkan Nabi SAW dalam berdakwah, toleransi dan pemaaf.

Kesuksesan dakwah Nabi SAW membuktikan keunggulan dan kemampuan baginda dalam berdakwah, beliau menyampaikan dakwahnya dengan cara *Hikmah, Maw'izah, dan Mujādalah* yang baik. Nabi saw telah menggunakan pelbagai cara untuk menyeru kepada manusia, menunjukkan mereka jalan yang benar, membetul dan mengajar mereka serta menanam kebaikan dan kelebihan dalam diri mereka. Perbezaan cara-cara baginda berdakwah ini meninggalkan kesan yang besar kepada manusia dan menambah keyakinan mereka kepadanya.

2.2.3 Peranan Dakwah

Kedatangan ajaran Islam adalah untuk membersihkan dan menerangi hidup ini dengan cahaya ajarannya. Ia datang mengajak kepada *manhaj* dan sistem yang berbeda dengan *manhaj*, sistem dan filsafat manapun yang pernah dibuat manusia. *Manhaj ilmiah* yang tidak membiarkan prinsip dan ajarannya menjadi teori akan tetapi harus

⁶⁸ *Ibid*

ada tampilan zahir, dan langkah-langkah operasional yang harus dilakukan umat dan masyarakat penganutnya, memperhatikannya, berjalan di atas petunjuknya, dan menampilkannya dalam bentuk nyata. Sehingga menjadi teladan dan contoh bagi ajaran dan prinsip-prinsipnya. Menyadari bahwa dirinya akan diperhitungkan atasnya, diberi pahala ketika melaksanakannya dan berdosa ketika mengabaikannya.

Risalah Islam datang kepada umat ini, dan menghidupkannya lewat manhajnya. Allah himpun di dalamnya seluruh perangkat perbaikan sosial yang komprehensif.⁶⁹ Risalah yang telah Allah unggulkan dengan penjelasan segala sesuatu.

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

Maksudnya :

Tiadalah kami alpakan sesuatupun dalam al-Kitab.

Surah al-An'am (6) : 38

Peranan dakwah ini menfokus pada kepemimpinan manhaj ini, menyerukan kepadanya, menampilkannya dalam kehidupan nyata, mengukuhkannya di muka bumi, memimpin manusia dengannya, sehingga menikmati dan berbahagia dengan keberadaannya. Di antara peranan dakwah ialah :

- ***Al-Rabbāniyah***⁷⁰

⁶⁹ ‘Abbās al-Sīsī (1995), *Al-Ṭarīq ilā al-Qulūb*, Kaheerah : Dār al-Salām, h. 3

⁷⁰ Taufīq al-Wā‘ī (1999), *Al-Da‘wah ilā Allah*, Beirut : Maktabah al-Amānah, h. 12

Al-Rabbāniyah artinya memperkenalkan manusia akan rabbnya, membebaskan nafsu dan nuraninya dari dunia menuju manusia yang bersih, mulia dan suci. Dengan amal perbuatannya dapat bebas dari syahwat dan nafsu, serta kepatuhan kepada syetan.

وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيِّينَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ

تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

Maksudnya :

Akan tetapi (Dia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang rabbani, Karena kamu selalu mengajarkan al-Kitab dan disebabkan kamu tetap mempelajarinya.

Surah Ali Imran (3) : 79

- **Pemuliaan manusia**⁷¹

Pemuliaan dan peningkatan nilai manusia ini karena Allah swt telah memuliakannya, sebagaimana firman Allah SWT :

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ

الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya :

Dan sesungguhnya telah kami muliakan anak-anak Adam, kami angkut mereka di daratan dan di lautan, kami beri mereka rezki dari yang baik-baik dan kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah kami ciptakan.

Surah Al Isra (17) : 70

⁷¹ *Ibid*, h. 15

Manusia itu telah memiliki kemuliaan, dan kehormatan dalam hidup ini tidak ada yang menghilangkannya kecuali orang durhaka dan tidak ada yang menyia-nyiakannya kecuali orang fasik.

- **Penetapan balasan**⁷²

Sesungguhnya manusia akan dibangkitkan di hari yang agung. Sebagaimana firman Allah SWT :

يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

(yaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam?

Surah al-Mutaffifin (83) : 6

Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati, dan sesungguhnya pada hari kiamat akan disempurnakan pahala. Sesiapa dijauhkan dari api neraka dan dimasukkan ke dalam syurga, maka sungguh ia telah beruntung. Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan.

Agar manusia tahu bahwa akan ada kehidupan setelah kematian yang harus dipersiapkan, tidak ada yang berguna itu kecuali amal salih. Maka ia akan bergegas beramal, dan meningkatkan kualitasnya.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ « بَادِرُوا
بِالْأَعْمَالِ سَبْعًا هَلْ تَنْظُرُونَ إِلَّا فَقْرًا مُنْسِيًّا أَوْ غِنًى مُطْعِيًّا أَوْ مَرَضًا

⁷² Fathī yakan (1987), *Kayfa Nad ū al-Nās*, Beirut : Dār al-Fikr, h. 15

مُفْسِدًا أَوْ هَرَمًا مُفْنَدًا أَوْ مَوْتًا مُجْهِزًا أَوْ الدَّجَالَ فَشَرُّ غَائِبٍ يُنْتَظَرُ أَوْ
السَّاعَةَ فَالسَّاعَةُ أَذْهَى وَأَمْرٌ⁷³

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah ra bahwa Rasulullah saw bersabda: Bergegaslah beramal sebelum datang tujuh perkara: apakah kalian menunggu kemiskinan yang melupakan, atau kaya yang membuat durhaka, sakit yang membuat binasa, pikun yang tak berdaya, kematian yang telah dipersiapkan, atau dajjal gaib terburuk yang ditunggu, atau kiamat dan kiamat itu lebih pahit dan membingungkan.

- **Ukhuwwah dan Persamaan**⁷⁴

Sesungguhnya keutamaan itu hanya ada dengan amal shalih, manfaat yang merata, kesungguhan yang disyukuri, perbuatan baik, hati yang bertaqwa.

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا
وَقَبَايِلَ لِتَعَارَفُوا^ج

Maksudnya:

Hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal.

Surah Al-Hujurat (49) : 13

⁷³ Al-Tirmidhī, Muhammad ibn ‘Isā ibn Sūrah (1937), *Al-Jāmi‘*; tahqīq : Ahmad Shākir dan kawan-kawan, Kaherah : Maktabah Mustafā al-Bānī al-Halabī, j. 9, h. 78, Ibn Hajar berkata: Hadith *hasan sahih*. Ibn Hajar, Ahmad ibn ‘Alī Al-Asqalānī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 3, h. 112

⁷⁴ Muhammad Ibn Luṭfī al-Ṣibaghī (2006), *al-Jānib al-Da‘awī Fī Sīrah al-Nabawiyah*, Riyad : al-Maktab al-Ta‘āwuni li al-Da‘wah wa al-Taw‘iyah al-Jāliyat bi al-Rabwah

Ta'aruf memberikan makna ukhuwwah *imaniyah*, ikatan *rabbaniy* dan memperhatikan hak setiap muslim atas sesama saudaranya. Sehingga cinta dan kasih sayang bertahan di antara kaum muslimin.

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ⁷⁵

Maksudnya:

Tidak beriman salah seorang di antaramu sehingga ia mencintai saudaranya sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri.

Dari ayat ini, Allah memerintahkan kepada kaum muslimin dengan sesama saudaranya seiman untuk saling mencintai, sebagaimana mereka mencintai diri sendiri.

انصُرْ أَهْلَكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا . فَقَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْصُرُهُ إِذَا كَانَ

مَظْلُومًا ، أفرأيتَ إِذَا كَانَ ظَالِمًا كَيْفَ أَنْصُرُهُ قَالَ : تَحْجُزُهُ أَوْ تَمْنَعُهُ مِنْ

الظُّلْمِ ، فَإِنَّ ذَلِكَ نَصْرُهُ⁷⁶

Maksudnya :

Tolonglah saudaramu yang berbuat zalim atau dizalimi. Seseorang bertanya: Ya Rasulullah saya bisa menolongnya ketika dizalimi, bagaimana jika ia berbuat zalim? Jawab Nabi: Kau cegah, dari kezalimannya maka itulah pertolongannya.

Dari hadith di atas, Nabi SAW memerintahkan kaum muslimin untuk saling menolong dan mengingatkan.

- **Kebersamaan lelaki wanita⁷⁷**

⁷⁵Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit*, j. 1, h, 12, no hadith 13, Muslim Al-Naisabūrī, Abū al-Hasan, ibn Hajjaj al-Qushairī (tt), *op.cit*, j. 1, h. 67, hadith no 71.

⁷⁶Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit*, j. 23, h. 66

⁷⁷Taufiq al-Wā‘ī (1999), *op.cit*, h. 27

Memotivasi secara bersama-sama laki-laki dan wanita dengan ilmu yang menjadi senjata kemuliaan. Memberikan batas peran pria wanita secara detail sesuai dengan ajaran Islam yang hanif, dan memberikan hak masing-masing, sehingga tidak ada fitnah yang dapat memecah belah umat bahkan antara suami dan isteri.

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ

Maksudnya:

Niscaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat.

Surah Al-Mujadilah (58) : 11

Allah SWT akan meninggikan derajat orang-orang yang berilmu, baik lelaki mahupun perempuan sama sahaja.

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ⁷⁸

Maksudnya :

Dari Abu Hurairah ra bahwa Rasulullah saw bersabda: Dan barang siapa yang merambah jalan menuntut ilmu maka Allah memudahkan baginya jalan ke surga.

Allah SWT akan memudahkan jalan ke syurga bagi sesiapa yang merambah menuju ke tempat menuntut ilmu.⁷⁹

Dari itulah setiap *da'i* harus mengetahui, bahwa dakwahnya memiliki *manhaj* yang sudah digariskan dan harus diamalkan. *Tabligh* sudah jelas tujuannya, telah

⁷⁸Muslim Al-Naisabūrī, Abū al-Hasan, ibn Hajjaj al-Qushairī (tt), *op.cit*, j. 17, h. 310

⁷⁹Taufiq al-Wā'ī (1999), *op.cit*, h. 30

digariskan programnya. Tidak boleh diambil hanya sebagian dan meninggalkan bagian lainnya. Akan tetapi dengan tahapan-tahapan yang mengantarkan sampai ke tujuan dan sasaran utamanya, yaitu agar agama ini semuanya hanya milik Allah, agar kalimat Allah yang lebih tinggi dan kalimat orang kafir menjadi rendah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha bijaksana.

وَلْيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ

Maksudnya :

Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa,
Surah al-Hajj (22) : 40

Hanya Allah SWT yang akan menolong orang-orang yang terus berjuang di jalan dakwah.

2.2.4 Keperluan Dakwah

Saat ini masuknya berbagai ajaran dan pemahaman yang tidak sesuai dengan nilai agama, membuat agama tidak berdaya dan tidak lagi dijadikan *manhaj al-hayah* dalam berbagai-bagai bidang kehidupan. Hal ini juga terjadi pada umat Islam, dimana agama tidak lagi berfungsi secara baik dalam kehidupan individu dan masyarakat. Di samping terlihat saat ini, kehidupan umat manusia telah terpengaruh oleh modernisme yang membawa nilai-nilai baru yang bertentangan dengan nilai Islam.

Melihat keadaan di sekitar, sudah tentu umat Islam prihatin melihat rosak moral keimanan sehingga harus dicari solusi terbaik yang dikehendaki Islam iaitu melaksanakan dakwah secara baik serta berkesinambungan.

Islam adalah agama dakwah artinya agama yang selalu mendorong pemeluknya untuk senantiasa aktif melakukan kegiatan dakwah, bahkan maju mundurnya umat Islam sangat tergantung dan berkaitan erat dengan kegiatan dakwah yang dilakukan.⁸⁰

Islam merupakan suatu kebenaran, maka ia harus tersebar luas, penyampai kebenaran merupakan tanggung jawab umat Islam seluruhnya, sesuai dengan misinya sebagai *Rahmatan li al-‘Ālamīn*, Islam adalah pembawa kedamaian dan ketentraman dalam kehidupan manusia, dan sebagai pengantar menuju kebahagiaan kehidupan dunia dan akhirat.

Implikasi dari pernyataan Islam sebagai agama dakwah, menuntut umatnya agar senantiasa menyampaikan dakwah, kegiatan ini merupakan aktiviti yang tidak akan pernah usai selama kehidupan dunia masih berlangsung.

Dakwah Islam adalah tugas suci yang dipikul kepada setiap muslim dimana sahaja berada. Hal ini termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah, kewajiban dakwah menyerukan, dan menyampaikan agama Islam kepada masyarakat.

Syekh al-Islam Ibn Taymiyah (590H - 652H) berkata, bahawa dakwah merupakan kewajiban seluruh umat Nabi Muhammad saw.⁸¹

⁸⁰ Didin Hafiduddin (1988), M.Sc, *Dakwah Aktual*, Jakarta : Gema Insani Press, h. 76, M. Masyhur Amin (1997), *Dakwah Islam dan Pesan Moral*, Jakarta : Al-Amin Press, h. 8

⁸¹ Ibn Taymiyah (1398), *Majmū‘ Fatāwā*, c. 1, Beirut: Dār al-Iftā’, j. 5, h. 20.

Rasulullah saw merupakan pendakwah yang paling unggul. Beliau merupakan contoh pendakwah yang paling kental berdepan dengan dugaan dan tidak dapat ditandingi oleh siapapun. Kata-katanya penuh hikmah, wajahnya yang penuh ceria, air mukanya yang jernih, akhlaknya yang sangat terpuji melambangkan keindahan peribadi miliknya. Meskipun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan tribulasi dalam menyampaikan risalah dakwah, beliau tetap utuh dan teguh berdiri demi untuk menaikkan syiar Islam hingga kekal dan tersebar luas pada masa ini.⁸²

Setiap insan yang bergelar pendakwah hendaklah mengikuti semua metode Rasulullah dalam menyampaikan dakwah. Syekh Ibn Uthaymin mengungkapkan, pendakwah bersikap lembut, manis muka dan lapang dada sehingga lebih mudah diterima oleh orang yang didakwahnya. Hendaklah ia mengajak ke jalan Allah SWT, bukan kepada dirinya, tidak perlu mengancam atau mendendam terhadap orang yang menyelisih jalan ini, karena jika ia memang mengajak ke jalan Allah, berarti ia memang ikhlas.⁸³

Dakwah kepada Allah adalah dalam konteks *amr al-ma'ruf nahyu al-munkar* merupakan satu tugas yang sangat penting dan merupakan asas kepada kebangkitan para nabi. Ia bertujuan untuk memakmurkan negara dan menanam asas keimanan kepada umat dan memberi keadilan kepada umum.⁸⁴

⁸²Mustafā al-Rāfi'ī (2004), *Dakwah dan Keunggulan Para Da'ī*, diterjemahkan oleh Abd. Wahab Latif dkk, Selangor : Penerbit Karisma Publications Sdn Bhd,c. I, h. 1

⁸³Ibn Uthaymin, Syekh (2003), *Al-lajnah al-Dāimah li al-Buhūth wa al-fatwā*, Mekkah: Maṭbu'ah majma al-Buhūts wa al-Fatwā, h. 35

⁸⁴ Mustafā al-Rāfi'ī (2004), *op.cit*, h. 5

Tiada kalimat yang lebih indah daripada menyeru kepada Allah, sebagaimana Allah SWT berfirman:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي
مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya:

Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang saleh, dan berkata: "Sesungguhnya Aku termasuk orang-orang yang menyerah diri?"
Surah Fussilat (41) : 33

Kemuliaan ucapan tergantung pada kemuliaan yang diucapkannya. Secara khusus berbicara indah karena membawa dakwah yang paling mulia, menyampaikan petunjuk paling utama. Dakwah yang mendapatkan kemuliaan melekat kepada Allah SWT, hidayah yang bebas dari kesalahan, noda dan pembelokan.

Pemilihan dan seleksi para *da'i* karena sikap rabbaniyahnya, kemampuan, dan kecermatannya mengemban amanah, kesabarannya dalam menyampaikan risalah.

Maha Benar Allah yang berfirman:

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ
قَضَىٰ حُبَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ يَنْتَظِرُ ۗ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا ﴿٣٣﴾

Maksudnya:

Di antara orang-orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah; maka di antara mereka ada yang gugur, dan di antara mereka ada (pula) yang menunggu-nunggu dan mereka tidak merubah (janjinya).

Surah Al-Ahzab (33) : 23

Dan Allah swt telah memilih Muhammad saw untuk membawa dakwah terbesar, petunjuk yang paling bersih, risalah paling lengkap, kitab paling abadi dan syariah paling kekal ini, dan Allah telah memilih umatnya untuk menyampaikan kitab yang paling suci, menerangkan jalan yang paling lurus, mengajarkan sasaran paling agung dan tujuan paling tinggi. Firman Allah:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي
وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya:

Katakanlah: "Inilah jalan (agama) ku, Aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujjah yang nyata, Maha Suci Allah, dan Aku tiada termasuk orang-orang yang musyrik".

Surah Yusuf (12) : 108

Maka menjadi kewajiban umat Islam hari ini untuk segera mengemban amanah ini, menyampaikan risalah, meninggikannya pada posisinya, memenuhi cakrawala, menampakkan matahari kebenaran agar gelapnya kebatilan dan kesesatan segera sirna. Sehingga berguguran senandung syetan dan golongannya, kesesatan para pembual dan dustanya. Manusia hari ini, dan kaum muslimin secara khusus sangat membutuhkan cahaya kebenaran, pancaran iman, sejuaknya keyakinan sehingga mereka dapat berjaya, mulia, bahagia, dan aman.

Dari sini dapat disimpulkan, bahawa setiap orang mesti mengerti tentang metodologi dalam berdakwah kerana ia sangatlah penting, sehingga dakwah yang disampaikan memberikan kesan yang membawa kepada kejayaan Islam.

2.2.5 Pencapaian Matlamat Dakwah

Mengenal pasti matlamat dakwah merupakan persoalan yang penting. Tanpa mengetahui matlamat dakwah dengan jelas, setiap dakwah itu tidak akan dapat berjalan dengan baik dan akan merugikan. Setiap orang Islam khususnya pendakwah mesti mengetahui sejelas-jelasnya ke manakah matlamat dakwah yang hendak dituju dan peringkat-peringkatnya. Untuk mengetahui matlamat dakwah, persoalan pertama yang harus dipecahkan ialah untuk apa manusia dicipta di muka bumi ini?

Menyingkap kembali matlamat dakwah ialah menyeru atau mengembalikan manusia ke arah pengabdian yang mutlak atau menyeluruh hanya kepada Allah SWT. Ini bermaksud segala yang dirangka dalam gerak kerja dakwah perlu bermatlamatkan perkara ini iaitu mengajak manusia ke arah *ubudiyah* atau bertakwa kepada Allah dan menolak *thaghut* yang mana merupakan intipati dalam dakwah.⁸⁵

Maka segala strategi dakwah perlu disusun dan dirangka mengandungi intipati ini iaitu, takwa kepada Allah yang mana jelas dan terang matlamat akhirnya nanti manusia atau *mad'u* akan terjurus untuk kembali mengabdikan diri secara mutlak kepada Allah.

Pengabdian yang menyeluruh kepada Allah SWT boleh dicapai tertegaknya Islam dalam *fard al-muslim*, *bayt al-muslim*, *mujtama' muslim* dan yang paling berkesan dengan terbinanya daulah Islamiyah yang mana peringkat-peringkat ini merupakan matlamat khusus sesuatu harakah atau jemaah islamiyyah.

⁸⁵ M. Masyhur Amin (1997), *op.cit*, h. 15

Dalam kondisi semasa ini untuk menegakkan Islam kita tidak mampu untuk berdakwah berseorangan. Maka berdasarkan kaedah fikh di atas, berjemaah yang asalnya hanya perkata hajiati menjadi wajib untuk melaksanakan dakwah yang wajib kerana dakwah tidak sempurna dilakukan secara berseorangan.

Untuk menjalankan dakwah yang mana intipati dakwah itu perlu berasaskan taqwa untuk mengembalikan umat manusia ke arah pengabdian yang semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa.⁸⁶

Konklusinya, setiap strategi dakwah perlu disusun, dirangka dan jelas matlamat serta halatuju akhirnya iaitu mengajak manusia kembali ubudiah secara mutlak kepada Allah SWT.

Dakwah bukan hanya sekadar mengajak manusia kepada syiar-syiar yang bersifat *juz'i* seperti penghayatan beberapa sunnah kecil daripada sunnah Rasulullah. Tetapi dakwah Islam bermatlamat mengajak manusia hidup berdasarkan sistem Allah dan memperjuangkannya sebagai *al-Dīn* yang *syāmil* dan *kāmil*.⁸⁷

Oleh itu dakwah mestilah dilihat sebagai kerja besar yang sangat penting dan mulia untuk membawa manusia hidup di bawah sistem Allah serta menghapuskan kezaliman dan kepalsuan *taghut*. Untuk sampai kepada objektif yang betul dan matlamat yang tinggi seperti dikehendaki Allah, para pendakwah perlu memahami dan menghayati *fiqh al-Da'wah* dengan cara yang betul dan bersungguh-sungguh. Dengan

⁸⁶ Fathī yakan (1987), *Kayfa Nad'ū al-Nās*, Beirut : Dār al-Fikr, h. 15

⁸⁷ Muhammad Ibn Luṭfī al-Ṣibaghī (2006), *al-Jānib al-Da'awī Fī Sīrah al-Nabawiyah*, Riyad : al-Maktab al-Ta'āwuni li al-Da'wah wa al-Taw'iyah al-Jāliyat bi al-Rabwah h. 21

kehendak Allah segala usaha akan mencapai kejayaan dengan kemenangan serta keredaan Allah SWT.

2.5 Metode Penerapan Akhlak Nabi Muhammad SAW

2.5.1 Pengertian Istilah Akhlak

Akhlak secara etimologi diambil dari bahasa Arab dalam bentuk jamak. *Al-Khulq* merupakan bentuk *mufrad* dari *akhlāq* yang memiliki arti kebiasaan, perangai, tabiat, budi pekerti.⁸⁸ Mengikuti *Kamus Dewan*, bahawa akhlak adalah tingkah laku yang telah menjadi kebiasaan dan timbul dari diri manusia dengan sengaja.⁸⁹

Kata *akhlaq* dalam pengertian ini disebutkan dalam al-Qur'an dalam bentuk tunggal. Kata *khulq* dalam firman Allah SWT merupakan pemberian kepada Muhammad sebagai bentuk pengangkatan menjadi Rasul Allah.⁹⁰

Akhlak sering dikaitkan dengan etika dan moral. Etika dan moral berasal dari bahasa Yunani yang memiliki arti yang sama; kebiasaan. Sedang budi pekerti dalam bahasa Indonesia merupakan kata majemuk dari kata budi dan pekerti. Budi berasal dari bahasa Sansakerta yang berarti yang sadar, pekerti berasal dari bahasa Indonesia sendiri yang berarti kelakuan.⁹¹

⁸⁸ Ibn Manzūr, Muhammad ibn Mukarram ibn Manzūr al-Afrīqī al-Misrī (1990), *op.cit*, j. 1, h. 115

⁸⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *op.cit*, h. 25

⁹⁰ Abdullah (2005), *op.cit*, h. 73-74

⁹¹ Djabatika (tt), *Etika dan Moral*, Bandung : Mizania, h. 25

Sedangkan moral berasal dari bahasa Latin ialah mores, jamak dari mos yang berarti adat kebiasaan. Di dalam *Kamus Indonesia* dikatakan bahawa moral adalah baik buruk perbuatan dan kelakuan.⁹²

Adapun kata etika Menurut Bertens, mengungkapkan bahawa, etika berasal dari bahasa Yunani Kuno, iaitu ethos dalam bentuk tunggal mempunyai banyak arti; tempat tinggal yang biasa, padang rumput, kandang, kebiasaan, adat, akhlak, watak, perasaan, sikap, dan cara berpikir. Dalam bentuk jamak (ta etha) artinya adat kebiasaan.⁹³

Di dalam *Kamus Ensiklopedia Pendidikan* diterangkan bahawa etika adalah filsafat tentang nilai, kesusilaan tentang baik buruk, mengajarkan keluhuran budi.⁹⁴

Secara etimologi kedua istilah akhlak dan etika mempunyai kesamaan makna iaitu kebiasaan dengan baik dan buruk sebagai nilai kontrol. Untuk mendapatkan rumusan pengertian akhlak dan etika dari sudut terminologi, ada beberapa istilah yang dapat dikumpulkan. Imam Al-Ghazālī menyatakan bahawa, *Khuluq* yakni sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong lairnya perbuatan dengan mudah dan ringan, tanpa pertimbangan dan pemikiran yang mendalam. Al-Ghazālī berpendapat bahawa adanya perubahan-perubahan akhlak bagi seseorang adalah bersifat mungkin, misalnya dari sifat kasar kepada sifat kasian.⁹⁵

Disini Imam al-Ghazālī membenarkan adanya perubahan-perubahan keadaan terhadap beberapa ciptaan Allah, kecuali apa yang menjadi ketetapan Allah seperti langit dan bintang-bintang. Sedangkan pada keadaan yang lain seperti pada diri sendiri

⁹² Poerwardarminta (1982), *Kamus Indonesia*, Jakarta : Pustaka Firdaus, h. 654

⁹³ Bertens (2004), *The Science of Moral philosophy*, England : tp, h. 4

⁹⁴ Sastrapradja (1981) , *Kamus Ensiklopedia Pendidikan*, Surabaya : CV. Aman ah Press, h. 144

⁹⁵ Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad ibn Muhammad (1967), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, Kaherah: Muassasah al-Halabī wa Shirkah li al-Nashr wa al-Tawzi' ﷺ h. 24

dapat diadakan kesempurnaannya melalui jalan pendidikan. Menghilangkan nafsu dan kemarahan dari muka bumi sungguh tidaklah mungkin namun untuk meminimalisir keduanya sungguh menjadi hal yang mungkin dengan jalan menjinakkan nafsu melalui beberapa latihan rohani .⁹⁶

Sementara Ibn Maskawayh dalam kitab *Tahdhīb al-Akhlāq* menyatakan bahawa, *Khuluq* ialah keadaan gerak jiwa yang mendorong kearah melakukan perbuatan dengan tidak menghujat pemikiran”.⁹⁷

Selanjutnya Ibnu Maskawayh menjelaskan bahwa keadaan gerak jiwa dipengaruhi oleh dua hal. **Pertama**, bersifat alamiah dan bertolak dari watak seperti marah dan tertawa. **Kedua**, tercipta melalui kebiasaan atau latihan.⁹⁸

Sementara kata etika berdasarkan terminologi didapatkan beberapa istilah, di dalam *New Masters Pictorial Encyclopaedia* dikatakan, Ethics is the science of moral philosophy concerned not with fact, but with values, not with character of, but the ideal of human conduct; Etika adalah ilmu tentang filsafat moral, tidak mengenal fakta, tetapi tentang nilai-nilai, tidak mengenal sifat tindakan manusia, tetapi tentang idenya.⁹⁹

Dalam *Kamus Induk Istilah Ilmiah* dinyatakan bahwa etika adalah ilmu yang membahas atau menyelidiki nilai dalam tindakan moral: pengkajian soal keakhilkan dan moralitas.¹⁰⁰

⁹⁶ *Ibid*

⁹⁷ Ibn Maskawayh (1995), *Tahdhīb al-Akhlāq*, Beirut : Dār al-Fikr, h. 56

⁹⁸ *Ibid*

⁹⁹ Adam (1965), *New Masters Pictorial Encyclopaedia*, England: tp, h. 460

¹⁰⁰ Barry dan Ya’kub (2003), *Kamus Induk Istilah Ilmiah*, Jakarta : Firdaus, h. 194

Sementara Dr. H. Hamzah Ya'qub menyimpulkan bahwa, Etika ialah ilmu yang menyelidiki mana yang baik dan mana yang buruk dengan memperhatikan amal perbuatan manusia sejauh yang dapat diketahui oleh akal fikiran.¹⁰¹

Dari pemaparan di atas di dapati bahawa antara akhlak, etika dan moral memiliki kesamaan dan perbezaan. Kesamaannya adalah dalam menentukan hukum dan nilai perbuatan manusia dilihat dari baik dan buruk, sementara perbedaannya terletak pada tolak ukurnya. Akhlak menilai dari ukuran ajaran al-Qur'an dan al-Hadith, etika pada akal fikiran, dan moral dengan ukuran kebiasaan yang umum di masyarakat. Maka dapat disimpulkan dari pemaparan di atas bahawa akhlak yang dimaksud adalah pengetahuan menyangkut perilaku zahir dan batin manusia.

Penjelasan di atas memberi pemahaman bahawa istilah penerapan akhlak yang dimaksud adalah proses *tarbiyah* dan latihan yang dilakukan untuk menjadi manusia yang lebih baik, dan ruang lingkup akhlak dalam Islam mencakup iaitu: akhlak kepada Allah, manusia, binatang dan juga lingkungan.

2.3.2 Metode Akhlak Kepada Allah SWT

Islam merupakan agama yang sangat memperhatikan masalah akhlak. Ia merupakan bagian dari ahlak Islam yang harus dijunjung tinggi oleh setiap orang beriman. Tentu saja akhlak yang dimaksudkan harus bersumber pada pada al-Qur'an dan as-Sunnah. Hanya saja dalam kehidupan keseharian, seringkali hanya membatasi akhlak kepada sesama manusia. Padahal akhlak yang paling utama adalah akhlak terhadap Allah.

¹⁰¹ H. Hamzah Ya'qub, Drs (1983), *Etika*, Bandung : tp, h. 13

Akhlak kepada Allah yang harus dilakukan oleh setiap orang beriman di antaranya ialah:

- *Tauhid Allah*

Seorang yang beriman kepada Allah dengan keimanan yang benar, mengerjakan perintah-Nya, menjauhi larangan-Nya, dan berbuat kebajikan terhadap sesama adalah seorang yang berakhlak luhur, karena Nabi SAW mendefinisikan *al-birr* dengan keluhuran akhlak.¹⁰² Dengan kata lain, seorang yang berakhlak luhur adalah seorang yang mampu berakhlak baik terhadap Allah SWT dan sesamanya.

Imam Ibnul Qayyim mengatakan, Keluhuran akhlak itu terbagi dua. Pertama, akhlak yang baik kepada Allah. Kedua, akhlak yang baik terhadap sesama. kuncinya terdapat dalam dua perkara, yaitu berbuat baik dan tidak mengganggu sesama dalam bentuk perkataan dan perbuatan.¹⁰³ Nabi SAW ditanya mengenai dosa besar, Baginda bersabda :

الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ، وَقَتْلُ النَّفْسِ، وَقَوْلُ الزُّورِ.¹⁰⁴

Yang maksudnya :

Syirik kepada Allah, durhaka kepada ibu bapa, membunuh dan berkata kotor.

Bentuk akhlak yang baik kepada Allah adalah dengan mentauhidkan-Nya dalam segala peribadatan, karena tauhid merupakan hak Allah kepada setiap hamba-Nya.

¹⁰² Ibn Abī Dunyā (1993), *Mawsū'ah Rasā'il Ibn Abī Dunyā*, Beirut : Muassasah al-Kutub al-thaqāfiyah, j. 1, h. 10

¹⁰³ Al-Mubāarak Fūrī (1996), *'Aun al-Ma'būd*, Beirut : Dar al-Fikr, j. 13, h. 91

¹⁰⁴ Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn Ismā'il (1315), *op.cit.*, j. 8, h. 10, hadith no. 5977, Muslim Al-Naisabūrī, Abū al-Hasan ibn Hajjaj al-Qushairī (tt), *op.cit.*, j. 1, h. 91, hadith no. 144

- Ikhlas kepada Allah dalam beramal dengan cara menjaga ibadah agar tidak terjerumus ke dalam kesyirikan.¹⁰⁵

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.¹⁰⁶

Maksudnya :

Setiap amal sesuai niatnya, dan seseorang akan mendapatkan sesuai dengan niatnya. Barangsiapa yang hijrah kerana dunia yang menimpanya atau wanita yang dinikahnya, maka dia hijrah atas apa yang di niatkan.

Kaum musyrikin Quraisy adalah kaum yang mengenal tentang *rububiyyah* Allah, bahawa Allah sebagai Pencipta, Pemberi Rezeki, Pengatur Alam Semesta, dll, akan tetapi mereka menjadikan berhala-berhala sebagai tandingan sekutu di samping Allah.

- Mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah.¹⁰⁷

Seorang muslim yang mempunyai akhlak yang benar hendaknya merenungi segala nikmat dan karunia dari Allah SWT kepadanya. Dialah yang telah memberikan pendengaran, penglihatan, hati, rizki yang tidak terhitung banyaknya. Manusia tidak akan sanggup menghitungnya meskipun menginfakkan hartanya sebesar bukit dari emas dan perak, sebagaimana yang dipertegas dalam firman-Nya:

وَإِن تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا

Maksudnya :

¹⁰⁵ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Yahyā ibn Sharaf (1995), *op.cit.*, j. 1, h. 12

¹⁰⁶ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit.*, j. 1, h. 6, hadith no. 1

¹⁰⁷ Ibn Abī Dunyā (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 16

Dan jika kamu kamu menghitung nikmat Allah, niscaya engkau tidak bisa menghitungnya’.

Surah Ibrahim (14) : 34

Sungguh, nikmat yang telah Allah SWT berikan kepada hamba-Nya begitu banyak, sehingga manusia tidak akan mampu untuk menghitungnya. Oleh karena itu kufur nikmat serta ingkar kepada nikmat merupakan pertanda tidak berakhlak kepada Allah.

- Mengagungkan dan memuliakan Allah dan syiarNya.¹⁰⁸

Seseorang yang beriman kepada Allah dengan benar, maka pasti ia akan mengagungkan dan memuliakan Allah SWT yakni pada saat menyaksikan kekuasaan Allah terhadap alam semesta ini, yang mana hal ini menunjukkan kekuasaan Allah yang Sangat Besar. Tatkala seseorang benar-benar mengimani bahwa Allah memiliki sifat-sifat yang sempurna dan bersih dari segala kekurangan, maka tentunya hati si hamba tersebut akan senantiasa mengagungkan dan memuliakan Allah SWT. Dan tidaklah diperkenankan pengagungan dan pemuliaan terhadap Allah ini diberikan pula kepada selain Allah.

وَمَنْ يُعْظِمِ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

Maksudnya :

Barang siapa mengagungkan syiar Allah, hal itu kerana ketakwaan hati.
Surah al-Hajj (22) : 32

Mencintai Allah melebihi yang lainnya juga merupakan akhlak yang agung. Apabila hamba tersebut telah mengetahui bahwa Allah lah yang telah memberikan

¹⁰⁸ Ibn Abī Dunyā (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 30

segala kenikmatan baginya, tentunya kecintaan kepada Allah lebih diutamakan daripada kepada yang lainnya.

- Merasakan pengawasan Allah baik saat sepi dan ramai, menumbuhkan rasa takut, cemas dan penuh harap kepada-Nya. Bertaubat dan kembali kepada-Nya, serta meminta ampun hanya kepadaNya.¹⁰⁹

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ اللَّهِ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا

Maksudnya :

Sesungguhnya Jikalau mereka ketika menganiaya dirinya datang kepadamu, lalu memohon ampun kepada Allah, dan rasulpun memohonkan ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang".

Surah al-Nisa (4) : 64

- Berdo'a, bersikap merendahkan diri dan hina di hadapan-Nya.¹¹⁰

أَمَّنْ يُجِيبُ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ السُّوءَ وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ إِلَهٌ مَعَ اللَّهِ قَلِيلًا مَا تَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

Atau siapakah yang memperkenankan (doa) orang yang dalam kesulitan apabila ia berdoa kepada-Nya, dan yang menghilangkan kesusahan dan yang menjadikan kamu (manusia) sebagai khalifah di bumi? apakah disamping Allah ada Tuhan (yang lain)? amat sedikitlah kamu mengingat(Nya)".

Surah al-Naml (27) : 62

Allah akan mengabulkan doa daripada hambaNya, Dialah yang menolong manusia keluar daripada kesulitan yang dihadapinya.

¹⁰⁹ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Yahyā ibn Sharaf (1995), *op.cit.*, j. 1, h. 36

¹¹⁰ *Ibid.*, j. 1, h. 42

- Tidak putus asa dan berharap terhadap ampunan-Nya.¹¹¹

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ
الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

Maksudnya :

Katakanlah: "Hai hamba-hamba-Ku yang malampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa -dosa semuanya. Sesungguhnya Dia-lah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Surah al-Zumar (39) : 53

- Meyakini bahwa hanya di tangan-Nyalah kekuasaan untuk memberikan manfaat, memudharatkan, menghidupkan dan mematikan.¹¹²

مَنْ يُصِرْفَ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُ وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ

Maksudnya:

Barang siapa yang dijauhkan azab dari padanya pada hari itu, maka sungguh Allah telah memberikan rahmat kepadanya. Dan itulah keberuntungan yang nyata.

Surah al-An'am (6) : 16

Wajib bagi seorang muslim untuk berbaik sangka kepada Allah karena janji Allah SWT itu benar dan sekali-kali Allah tidak akan mengingkari janji-Nya. Allah berfirman:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشَ اللَّهَ وَيَتَّقْهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ

Maksudnya:

Barangsiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut kepada Allah dan bertakwa kepada-Nya maka mereka adalah orang-orang yang mendapatkan kemenangan.

Surah al-Nur (24) : 52

¹¹¹ Ibn Abī Dunyā (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 40

¹¹² *Ibid.*, j. 1, h. 10

Bersabar atas semua takdirNya, membenarkan apa-apa yang diberitakan-Nya dan melaksanakan semua kewajiban yang di perintahkan-Nya. Maka tatkala ia menginginkan rahmat yang lebih besar dari sebelumnya, ia tunduk merendah kepada Allah SWT dan berdo'a dengan penuh ketulusan dan mendekatkan diri kepada-Nya dengan kata-kata yang baik dan melakukan amal shalih. ukan termasuk adab kalau seseorang berputus asa dari rahmat Allah SWT.¹¹³

Merenungi rahmat Allah yang telah dilimpahkannya dan kepada seluruh makhluk, pasrah, tunduk dan taat kepada-Nya. Memikirkan betapa kerasnya adzab Allah dan betapa kuat balasannya

Dengan melakukan yang demikian ia bisa menjaga dirinya, yaitu dengan mentaati segala perintah-Nya dan berusaha untuk tidak mendurhakakan-Nya. Tidaklah seseorang dikatakan berakhlak kepada Allah SWT jika seorang hamba yang lemah dan tidak memiliki kekuatan sedikitpun, melakukan kedurhakaan dan kezaliman di hadapan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Kuasa.

2.3.3 Metode Akhlak Kepada Manusia

Banyak sekali rincian yang dikemukakan Al-Qur'an berkaitan dengan perlakuan sesama manusia. Petunjuk dalam hal ini bukan hanya dalam bentuk larangan tapi juga perintah. Di antara akhlak kepada manusia adalah :

¹¹³ Al-Mubārak Fūrī (1996), *op.cit*, j.13, h. 100

- Berkata yang baik dan memberi maaf¹¹⁴

قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَدَقَةٍ يَتَّبِعُهَا أَذَىٰ وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ

Maksudnya:

Perkataan yang baik dan pemberian ma'af, lebih baik dari sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakitkan (perasaan penerimanya), Allah Maha Kaya lagi Maha Penyantun.

Surah al-Baqarah (2) : 263

Perkataan yang baik dan pemberian maaf lebih baik daripada sedekah yang disertai dengan sesuatu yang menyakitkan (perasaan si penerima).

- Tidak masuk kerumah orang lain tanpa izin.¹¹⁵ Sebagaimana firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya :

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum kamu meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya.

Surah al-Nur (24) : 27

- Jika bertemu mengucapkan salam.¹¹⁶

Salam yang diucapkan itu wajib dijawab dengan salam yang serupa, bahkan juga dianjurkan agar dijawab dengan salam yang lebih baik.

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا

¹¹⁴ ‘Abd al-Rahmān Hasan (1999), *Akhlaq al-Islamiyyah*, c. V, Beirut : Dār al-Qalam, j. 1, h. 22

¹¹⁵ *Ibid*, j. 1, 30

¹¹⁶ Ṣālih Ibn ‘Abd Allah Ibn Humayd (tt), *Mawsū‘ah Nadrah al-Na‘īm*, Mekkah : Dar al-Risalah, j. 3, h. 50

Maksudnya:

Dan apabila kamu dihormati dengan suatu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik, atau balaslah dengan yang sepadan. Sesungguhnya Allah memperhitungkan segala sesuatu.

Surah al-Nisa (4) : 86

- Ucapan kata-kata yang baik dan benar,¹¹⁷ hal ini dijelaskan dalam surat al-Nur ayat 24 yakni :

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Pada hari (ketika), lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi atas mereka terhadap apa yang dahulu mereka kerjaka.

Surah al-Nur (24) : 24

Maksudnya mereka mampu menahan amarahnya, dan memaafkan, (bahkan) berbuat baik (terhadap mereka yang pernah melakukan kesalahan terhadapnya), sesungguhnya Allah senang terhadap orang yang berbuat baik.

- Mendahulukan kepentingan orang lain¹¹⁸

Dalam al-Quran ditemukan anjuran mendahulukan kepentingan orang lain daripada kepentingan diri sendiri. Sebagaimana Allah gambarkan orang-orang yang hijrah ke Madinah,

وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ

Yang maksudnya:

Mereka mengutamakan orang lain daripada diri mereka sendiri, walaupun mereka amat membutuhkan.

Surah al-Hasyr (59) : 9

¹¹⁷ *Ibid*, h. 54

¹¹⁸ ‘Abd al-Rahmān Hasan (1999), *op.cit*, j. 2, h. 35

Seorang Muslim yang mengikuti petunjuk-petunjuk akhlak al-Quran sangat pantas untuk mendapatkan gelar yang tersapat dalam al-Quran yaitu *al-muhsin*. Nabi SAW menyatakan bahwa keberagamaan seseorang diukur dari akhlaknya.

2.3.4 Metode Akhlak Kepada Binatang

Muslim beranggapan bahwa kebanyakan hewan adalah makhluk mulia, maka dari itu ia menyayangnya karena Allah sayang kepada mereka dan ia selalu berpegang teguh kepada etika dan adab berikut ini.

- Memberinya makan dan minum apabila hewan itu lapar dan haus.¹¹⁹

Sesungguhnya setiap kebaikan yang manusia lakukan pada makhluk hidup, baik kepada sesama manusia, kepada binatang dan juga kepada lingkungan akan mendapatkan pahala dari Allah SWT.¹²⁰ Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ¹²¹

Maksudnya : Barangsiapa yang tidak belas kasih niscaya tidak dibelaskasihi.

ارْحَمَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمُكَ مَنْ فِي السَّمَاءِ¹²²

Maksudnya:

Kasihnilah siapa yang ada di bumi ini, niscaya kalian dikasihani oleh yang ada di langit.¹²³

- Menyayangi dan kasih sayang kepadanya¹²⁴

¹¹⁹ Ṣālih Ibn ‘Abd Allah Ibn Humayd (tt), *op.cit*, j, h. 70

¹²⁰ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 2363

¹²¹ Muslim al-Naisabūrī, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no. 2318

¹²² Ṣālih Ibn ‘Abd Allah Ibn Humayd (tt), *op.cit*, j. 3, h. 75

¹²³ Al-Tirmidhī, Muhammad ibn ‘Isā ibn Sūrah (1937), *op.cit*, no hadith. 1924

Rasulullah SAW telah bersabda ketika para sahabatnya menjadikan burung sebagai sasaran memanah.

لَعَنَ اللَّهُ مَنْ آتَى خَيْدِي نَافٍ يَهْرُوحُ غُرُضًا

Maksudnya:

Allah mengutuk orang yang menjadikan sesuatu yang bernyawa sebagai sasaran.¹²⁵

Beliau juga telah melarang mengurung atau mengikat binatang ternak untuk dibunuh dengan dipanah ataupun ditombak dan sejenisnya, dan karena beliau juga telah bersabda. "Siapa gerangan yang telah menyakiti perasaan burung ini karena anaknya? Kembalikanlah kepadanya anak-anaknya". Beliau mengatakan hal tersebut setelah beliau melihat seekor burung berputar-putar mencari anak-anaknya yang diambil dari sarangnya oleh salah seorang sahabat".¹²⁶

- Menyenangkannya di saat menyembelih atau membunuhnya.¹²⁷

Rasulullah SAW telah bersabda yang maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah mewajibkan *ihsan* (berbuat baik) atas segala sesuatu, maka apabila kalian membunuh hendaklah berlaku *ihsan* di dalam pembunuhan, dan apabila kalian menyembelih hendaklah berlaku baik di dalam penyembelihan, dan hendaklah salah seorang kamu menyenangkan sembelihannya dan hendaklah ia mempertajam mata pisaunya".¹²⁸

¹²⁴ ‘Amr Muhammad Khālid (2002), *op.cit*, h. 35

¹²⁵ Al-Shaybanī, Ahmad ibn Hambal (1377), *op.cit*, hadith no. 6223, Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 5515, Muslim, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Naisabūrī al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no.1958

¹²⁶ Abū Dāwud Sulaymān ibn al-As‘ath al-Sijistānī (1990), *op.cit*, hadith no. 2675 dengan sanad sahih

¹²⁷ ‘Amr Muhammad Khālid (2002), *op.cit*, h. 38

¹²⁸ Muslim al-Naisabūrī, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no. 1955

- Tidak menyiksanya dengan cara penyiksaan apapun.¹²⁹

Dilarang menyiksanya dengan cara membuatnya kelaparan, memukulinya, membebaninya dengan sesuatu yang ia tidak mampu, menyiksanya atau membakarnya, karena Rasulullah SAW telah bersabda : "Seorang perempuan masuk neraka karena seekor kucing yang ia kurung hingga mati, maka dari itu ia masuk neraka karena kucing tersebut, disebabkan ia tidak memberinya makan dan tidak pula memberinya minum di saat ia mengurungnya, dan tidak pula ia membiarkannya memakan serangga di bumi."¹³⁰

Ketika Baginda SAW berjalan melintasi sarang semut yang telah dibakar, Beliau bersabda yang maksudnya: "Sesungguhnya tidak ada yang berhak menyiksa dengan api selain Rabb (Tuhan) pemilik api."¹³¹

- Boleh membunuh hewan yang mengganggu¹³²

Hal ini seperti anjing buas, serigala, ular, kalajengking, tikus dan lainnya, karena Beliau telah bersabda: "Ada lima macam hewan fasik yang boleh dibunuh di waktu halal (tidak ihram) dan di waktu ihram, yaitu ular, burung gagak yang putih punggung dan perutnya, tikus, anjing buas dan rajawali".¹³³

- Boleh memberi *wasam* dengan besi panas pada telinga binatang ternak yang tergolong *na'am* untuk maslahat.¹³⁴

¹²⁹ ‘Amr Muhammad Khālid (2002), *op.cit*, h. 40

¹³⁰ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 3482

¹³¹ Abū Dāwud Sulaymān ibn al-As‘ath al-Sijistānī (1990), *op.cit*, hadith no. 2675, hadits sahih

¹³² Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā yahyā ibn Sharaf (tt), *op.cit*, h. 214

¹³³ Muslim al-Naisabūrī, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no. 1198

¹³⁴ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā yahyā ibn Sharaf (tt), *op.cit*, h. 221

Telah diriwayatkan bahwasanya Nabi Muhammad SAW memberi *wasam* pada telinga onta sedekah dengan tangan Beliau yang mulia. Sedangkan hewan lain selain yang tergolong *na'am* tidak boleh diberi *wasam*, sebab ketika Rasulullah SAW melihat ada seekor keledai yang mukanya diberi *wasam* Beliau bersabda yang maksudnya: "Allah mengutuk orang yang memberi *wasam* pada muka keledai ini"¹³⁵

- Mengenal hak Allah pada hewan, yaitu menunaikan zakat jika hewan itu tergolong yang wajib dizakati.¹³⁶
- Tidak boleh sibuk mengurus hewan hingga lupa taat dan dzikir kepada Allah.¹³⁷
Allah SWT telah berfirman yang maksudnya:

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تُلْهِكُمْ اَمْوَالُكُمْ وَلَا اَوْلَادُكُمْ عَن ذِكْرِ اللّٰهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذٰلِكَ فَاُولٰٓئِكَ هُمُ الْخٰسِرُوْنَ ﴿٦١﴾

Maksudnya :

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingat Allah (dengan menjalankan perintahNya), dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi.

Surah al-Munafiqun (63) : 9

Rasulullah SAW pun telah mengingatkan umatnya berkenaan dengan kuda, bahawa kuda itu ada tiga macam. Kuda bagi seseorang menjadi pahala, kuda bagi seseorang menjadi pelindung dan kuda bagi seseorang menjadi dosa. Adapun kuda yang mendatangkan pahala adalah kuda seseorang yang dipangkal untuk *fisabilillah*, ia banyak berdiam di padang rumput atau di taman. Maka apa saja yang dimakan oleh

¹³⁵ *Ibid*, hadith no.2117

¹³⁶ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā yahyā ibn Sharaf (tt), *op.cit*, h. 300

¹³⁷ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā yahyā ibn Sharaf (tt), *op.cit*, h. 300

kuda itu selama dipangkal di padang rumput atau di taman itu, maka pemiliknya mendapat pahala-pahala kebajikan, sekiranya ia meninggalkannya lalu mendaki satu atau dua tempat tinggi, maka jejak dan kotorannya menjadi pahala-pahala kebajikan baginya. Maka dari itu kuda seperti itu menjadi pahala bagi pemiliknya. Kuda yang diikat oleh seseorang karena ingin menjaga kehormatan diri (tidak minta-minta) dan ia tidak lupa akan hak Allah SWT pada leher ataupun punggung kuda itu, maka kuda itu menjadi pelindung baginya, dan kuda yang diikat (dipangkal) oleh seseorang karena kebanggaan, riya dan memusuhi orang-orang Islam, maka kuda itu mendatangkan dosa baginya.¹³⁸

Allah SWT dan juga Rasulullah telah mengajari umat ini akan akhlak kepada binatang. Iaitu harus memiliki akhlak *syafaqah* perasaan halus dan rasa belas kasih untuk berbuat baik kepada sesama makhluk Allah. Sesungguhnya tiap-tiap pertolongan seseorang terhadap hewan yang berjiwa itu dapat pahala, walaupun ia seekor anjing yang hina. Jika menunggangi kuda atau binatang lainnya, maka wajib memberinya hak istirahat dan dilarang menyiksanya. Dalam menyembelih binatang diperintahkan untuk menajamkan pisaunya. Jika ada binatang yang berbahaya maka jika ingin dibunuh maka harus langsung dibunuh tidak boleh disiksa.

Dalam sebuah hadith diceritakan bahwa ada seorang perempuan yang dimasukkan ke dalam neraka disebabkan seekor kucing yang diikat oleh dia, tidak diberi makan dan tidak dilepaskan sampai kucing itu mati.¹³⁹

¹³⁸ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 2371

¹³⁹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 2365, *Kitāb al-Masaqah, Bāb Faḍl Saqy al-Mā’*, j. 5, h. 41

Allah tidak melarang untuk memelihara binatang untuk memperoleh manfaatnya. Allah menerangkan dalam al-Quran bahwa hewan-hewan itu dijadikanNya untuk menjadi kesenangan dn *i'tibar* bagi manusia.

2.3.4 Akhlak Kepada Lingkungan

Yang dimaksud dengan lingkungan adalah segala sesuatu yang disekitar manusia, baik binatang, tumbuh-tumbuhan maupun benda-benda yang tidak bernyawa. Pada dasarnya akhlak yang diajarkan al-Qur'an terhadap lingkungan bersumber dari fungsi manusia sebagai khalifah. Kekhalifahan menuntut adanya interaksi antara manusia dengan sesamanya dan manusia terhadap alam. Kekhalifahan mengandung arti pengayoman, pemeliharaan, serta bimbingan, agar setiap makhluk mencapai tujuan penciptaanya.

Dalam pandangan Islam, seseorang tidak dibenarkan mengambil buah sebelum matang, atau memetik bunga sebelum mekar, karena hal ini berarti tidak memberi kesempatan kepada makhluk untuk mencapai tujuan penciptaannya. Ini berarti manusia dituntut mampu menghormati proses yang sedang berjalan, dan terhadap proses yang sedang terjadi. Yang demikian mengantarkan manusia bertanggung jawab, sehingga ia tidak melakukan perusakan terhadap lingkungan harus dinilai sebagai perusakan pada diri manusia itu sendiri.¹⁴⁰

Tumbuh-tumbuhan dan benda-benda tak bernyawa semuanya di ciptakan oleh Allah SWT, dan menjadi milik-Nya, serta kesemuanya memiliki ketergantungan kepada-Nya. Keyakinan ini mengantarkan seorang muslim untuk menyadari bahwa

¹⁴⁰ Muhammad Ibn Şālih al-Uthaymin (tt), *Makārim al-Akhlāq*, Mekkah: Dār al-Amānah, h. 45

semuanya adalah makhluk Allah yang harus diperlakukan secara wajar dan baik. Dengan kata lain, jika seseorang merusak lingkungan sesungguhnya ia telah merusak diri sendiri.

Hidup merupakan dukungan terhadap kehidupan dan kesejahteraan, bukan saja terhadap manusia akan tetapi juga bagi makhluk yang lain seperti tumbuh-tumbuhan. Oleh karena itu lingkungan harus tetap terjaga keserasian dan kelangsungan hidupnya sehingga secara berkesinambungan tetap dalam fungsinya sebagai pendukung kehidupan.¹⁴¹ Allah SWT berfirman yang maksudnya:

أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَئَهَا ۚ وَالْجِبَالَ أَرْسَدَهَا ۚ

Maksudnya :

Ia memancarkan daripadanya mata air dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan gunung-gunung dipancangkannya dengan teguh (semua) itu untuk kesenanganmu dan untuk binatang-binatang ternakmu.

Surah al-Nazi'at (79) : 31-32

Akhlak terhadap lingkungan dapat diwujudkan dalam bentuk perbuatan insan iaitu dengan menjaga keserasian dan kelestarian serta tidak merusak lingkungan hidup. usaha-usaha yang dilakukan juga harus memperhatikan masalah-masalah kelestarian lingkungan. Apa yang nampa saat ini adalah bukti ketiadaan akhlak terhadap lingkungan, sehingga akibatnya menimpa manusia sendiri. Banjir, tanah longsor, kebakaran, dan isu yang sering dibicarakan yaitu global warming sedang mengancam manusia.¹⁴² Allah telah berfirman yang maksudnya:

¹⁴¹ *Ibid*, h. 50

¹⁴² Amr Muhammad Khālid (2002), *op.cit*, h. 70

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya :

Telah nampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan karena perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).

Surah al-Rum (30) : 41

Dalam saat peperangan pun terdapat petunjuk al-Quran yang melarang melakukan penganiayaan. Baik terhadap manusia dan binatang, bahkan mencabut atau menebang pepohonan pun terlarang, kecuali kalau terpaksa, tetapi itu pun harus seizin Allah, dalam arti harus sejalan dengan tujuan-tujuan penciptaan dan demi kemaslahatan terbesar.¹⁴³

مَا قَطَعْتُمْ مِّن لِّينَةٍ أَوْ تَرَكْتُمُوهَا قَائِمَةً عَلَىٰ أُصُولِهَا فَبِإِذْنِ اللَّهِ
وَلِيُخْزِيَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥٩﴾

Maksudnya :

Apa yang kamu tebang di antara pokok kurma (milik orang kafir) atau yang kamu biarkan (tumbuh) berdiri di atas pokoknya, maka (itu terjadi) dengan izin Allah; dan kerana Dia hendak memberikan kehinaan kepada orang-orang fasik.

Surah al-Hasyr (59) : 5

Bahawa semuanya adalah milik Allah, mengantarkan manusia kepada kesadaran bahwa apa pun yang berada di dalam genggamannya, tidak lain kecuali amanah yang harus dipertanggungjawabkan.¹⁴⁴ Setiap jengkal tanah yang terhampar di bumi, setiap angin sepoi yang berhembus di udara, dan setiap tetes hujan yang tercurah dari langit akan dimintakan pertanggungjawaban manusia

¹⁴³ *Ibid*, h. 72

¹⁴⁴ Muhammad Ibn Şalih al-Uthaymin (tt), *op.cit*, h. 55

menyangkut pemeliharaan dan pemanfatannya. Hal ini sejalan dengan firman Allah SWT dalam Al-Quran yang maksudnya :

ثُمَّ لَتُسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya :

Kamu sekalian pasti akan diminta untuk mempertanggungjawabkan nikmat (yang kamu peroleh).

surat al-Takatsur (102) : 8

Dengan demikian bukan saja dituntut agar tidak alpa dan angkuh terhadap sumber daya yang dimilikinya, melainkan juga dituntut untuk memperhatikan apa yang sebenarnya dikehendaki oleh Allah menyangkut apa yang berada di sekitar manusia.

مَا خَلَقْنَا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى ﴿٤٦﴾
وَالَّذِينَ كَفَرُوا عَمَّا أُنذِرُوا مُّعْرِضُونَ ﴿٤٧﴾

Maksudnya :

Kami tidak menciptakan langit dan bumi serta yang berada di antara keduanya, kecuali dengan (tujuan) yang hak dan pada waktu yang ditentukan.

Surah al-Ahqaf (46) : 3

Pernyataan Allah ini mengundang seluruh manusia untuk tidak hanya memikirkan kepentingan diri sendiri, kelompok, atau bangsa, dan jenisnya saja, melainkan juga harus berpikir dan bersikap demi kemaslahatan semua pihak. Ia tidak boleh bersikap sebagai penakluk alam atau berlaku sewenang-wenang terhadapnya. Memang, istilah penaklukan alam tidak dikenal dalam ajaran Islam. Istilah itu muncul dari pandangan mitos Yunani yang beranggapan bahwa benda-

bend alam merupakan dewa-dewa yang memusuhi manusia sehingga harus ditaklukkan.¹⁴⁵

Yang menundukkan alam menurut al-Quran adalah Allah. Manusia tidak sedikit pun mempunyai kemampuan kecuali berkat kemampuan yang dianugerahkan Allah kepadanya.

Jika demikian, manusia tidak mencari kemenangan, tetapi keselarasan dengan alam. Keduanya tunduk kepada Allah, sehingga mereka harus dapat bersahabat. Al-Quran menekankan agar umat Islam meneladani Nabi Muhammad SAW yang membawa rahmat untuk seluruh alam.

Dengan demikian, bahwa alam raya telah Allah tundukkan untuk manusia. Manusia dapat memanfaatkannya dengan sebaik-baiknya. Namun pada saat yang sama, manusia tidak boleh tunduk dan merendahkan diri kepada segala sesuatu yang telah direndahkan Allah untuknya, berapa pun harga benda-benda itu. Ia tidak boleh diperbudak oleh benda-benda itu. Ia tidak boleh diperbudak oleh benda-benda sehingga mengorbankan kepentingannya sendiri. Manusia dalam hal ini dituntut untuk selalu mengingat-ingat, bahwa ia boleh meraih apa pun asalkan yang diraihnya serta cara meraihnya tidak mengorbankan kepentingannya di akhirat kelak.

2.3.5 Metode Penerapan Akhlak

Islam sangat memperhatikan dan menjaga masyarakatnya dari berbagai kerusakan dan faktor-faktor penunjangnya. Akan tetapi, pada masa yang sama, kita melihat kerusakan dan keruntuhan moral bertebaran di tengah-tengah masyarakat.

¹⁴⁵ Amr Muhammad Khālid (2002), *op.cit*, h. 75

Perkembangan Islam terhalang kerana kaum muslimin sendiri. Banyak orang menolak Islam bukan kerana mereka tidak bersimpati pada nilai-nilai ajarannya, akan tetapi lebih kerana tidak nampaknya nilai-nilai Islam itu di praktekkan secara konkrit dalam realiti kehidupan. Islam lebih sering disampaikan sebagai nilai-nilai teori, sementara realiti masyarakat Islam sendiri masih belum menunjukkan komitmen serius kepada agamanya.

Al-Rāfi'iy dalam bukunya *Wahy al-Qalam* yang di kutip oleh Syekh 'Amr Khālid, beliau berkata:

“Jika aku ditanya untuk menyimpulkan semua falsafah agama Islam dalam dua kata, maka aku akan berkata: Ianya adalah keteguhan akhlak. Jika ditanya pakar falsafah terhebat di dunia untuk meringkaskan pengubatan akan jiwa manusia semuanya dalam dua kata, maka mereka tidak akan menambah lebih daripada: Kekukuhan akhlak. Apabila semua pakar di Barat belajar akan keadaan sosial di Eropa, dan membuat kesimpulan dalam dua kata, maka mereka akan berkata: Kekukuhan akhlak.¹⁴⁶

Matlamat awal dan utama daripada belajar akan akhlak ialah kerana tujuan diutusny Nabi SAW, beliau bersabda yang maksudnya: Hanya sahaja aku diutus untuk menyempurnakan akhlak.¹⁴⁷

Allah SWT menyatakan dalam al-Qur'an, bahawa matlamat mengutus Nabi Muhammad SAW, adalah untuk menjadikan Baginda sebagai rahmat bagi seluruh alam semesta, sesuai dengan firman Allah seperti berikut:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

¹⁴⁶ 'Amr Muhammad Khālid (2002), *op.cit*, h. 2.

¹⁴⁷ al-Shaybanī ,Ahmad ibn Hambal (1377), *op.cit*, h. 187.

Maksudnya:

Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Surah al-Anbiya (21) : 107

Mengenai matlamat diutus Nabi SAW sebagaimana yang Baginda sabdakan dan juga sebagaimana Allah SWT nyatakan dalam al-Qur'an, keduanya mempunyai kaitan yang sangat kuat seperti yang dikatakan Syekh 'Amru Khālid, bahawa sesungguhnya ada kaitan sangat kuat antara hadith yang menyatakan bahawa matlamat diutus Nabi SAW ialah untuk menyempurnakan akhlak dengan ayat al-Qur'an yang menyatakan bahawa Baginda SAW, diutus sebagai pembawa rahmat untuk semua alam. Ianya kerana tidak akan terjadi rahmat bagi sekalian alam melainkan dengan akhlak.¹⁴⁸

Nabi Muhammad SAW memberi tumpuan dalam dakwahnya kepada pembinaan akhlak, kerana akhlak mempunyai kepentingan yang amat besar. Komitmen dengan akhlak bererti komitmen dengan syara. Kerana akhlak ialah anugerah daripada Allah SWT untuk umat manusia seluruhnya. Allah SWT memilih dan memuji baginda SAW kerana akhlak yang dimiliki beliau.

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya :

Dan sungguh engkau (Muhammad SAW) memiliki akhlak yang tinggi.

Surah al-Qalam (68) : ayat 4

Matlamat belajar akhlak adalah untuk membetulkan kondisi yang terpisah antara akhlak dengan ibadah. Atau dengan bahasa yang lain ialah menghubungkan kaitkan antara agama dan dunia. Maka sering didapati seseorang di dalam masjid begitu menjaga salat,

¹⁴⁸ 'Amru Muhammad Khālid (2002), *op.cit*, h. 3.

akan tetapi selepas sembahyang dia seolah-olah manusia yang lain. Di masyarakat terdapat dua jenis manusia iaitu ahli ibadah tetapi buruk akhlaknya, dan orang yang baik akhlaknya akan tetapi buruk ibadahnya.

Artinya terkadang ada orang yang begitu menjaga amanah akan tetapi tidak sembahyang. Ada juga yang semangat dan giat beribadah akan tetapi tidak baik perangnya.

Matlamat yang selanjutnya adalah agar termasuk orang yang mengamalkan akhlak, bukan setakat bercakap dan diskusi tentang akhlak akan tetapi juga, dan agar kita tidak menjadi sebab akan fitnah orang lain, yang dimaksud ialah orang yang tertipu dengan ibadah yang diamalkan oleh seseorang, namun menjadi fitnah kerana akhlaknya yang buruk. Yang mana orang-orang mencaci kerana tidak ada kesesuaian antara ibadah dengan akhlaknya.

Adapun cara metode penerapan akhlak yang dilakukan oleh Nabi SAW diantaranya adalah :

a. Mujahadah

Untuk memiliki akhlak mulia, para ulama telah sepakat bahawa akhlak dapat diperolehi dengan mujahadah untuk memilikinya. Akhlak mulia yang telah sebatu dengan manusia tentu lebih baik daripada yang dipaksa. Ini berdasar hadith Nabi yang baginda sampaikan kepada al-Ashaj ibn ‘Abd al-Qais :

بَلَّ اللَّهُ جَبَلَكَ عَلَيْهِمَا¹⁴⁹

Maksudnya adalah :

Bahkan Allah yang menganugerahkan kedua sifat tersebut wahai Ashaj.

Juga kerana akhlak yang sehati dengan sifat manusia tidak akan hilang daripada manusia tersebut. Akan tetapi akhlak yang dibuat dan dipaksakan sering manusia terlupa dalam beberapa moment. Kerana itu ia memerlukan *riyadah* dan latihan yang sungguh dan berketerusan. Sehingga benar-benar melekat dalam jiwa dan sanubari manusia tersebut.

Kerana itu semasa datang seseorang dan meminta nasihat kepada baginda saw, maka Nabi saw mengulang-ulang pesannya :

لَا تَعْضَبْ فَرَدَّدَ مِرَارًا

Maksudnya : “Jangan marah, dan Nabi mengulanginya”¹⁵⁰

Dalam kesempatan lain baginda saw berpesan bahawa :

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ
الْغَضَبِ¹⁵¹

Maksudnya adalah :

“Bukanlah orang yang kuat ialah orang yang kuat dalam bergelut, namun orang kuat adalah orang mampu menahan jiwanya semasa dia marah...”

¹⁴⁹ Abū Dāwud Sulaymān ibn al-As‘ath al-Sijistānī (1990), *op.cit*, hadith no 5335, Al-Shaybanī Ahmad ibn Hambal (1377), *op.cit*, j. 4, h. 206

¹⁵⁰ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit*, hadith no. 6411, *Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah*, j. 8, h. 204

¹⁵¹ *Ibid*, hadith no. 6115, j. 8, h. 206

Manusia boleh memiliki akhlak mulia, iaitu dengan cara berlatih dan mempraktekannya, usaha yang sungguh.

b. Perumpamaan

Dalam penerapan akhlak kepada para sahabat dan juga umatnya, Nabi SAW kadang memakai perumpamaan, sehingga orang yang mendengar senang dan tidak tersinggung. Sebagaimana Nabi SAW bersabda :

مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالْجَلِيسِ السَّوِّءِ كَمَثَلِ صَاحِبِ الْمِسْكِ
وَكَبِيرِ الْحَدَّادِ لَا يَعْدُمُكَ مِنْ صَاحِبِ الْمِسْكِ إِلَّا مَا تَشْتَرِيهِ أَوْ
تَجِدُ رِيحَهُ وَكَبِيرُ الْحَدَّادِ يُحْرِقُ بَدَنَكَ أَوْ ثَوْبَكَ أَوْ تَجِدُ مِنْهُ
رِيحًا خَبِيثَةً

Nabi saw bersabda yang maksudnya :

“Perumpamaan kawan baik dan kawan buruk adalah seperti orang yang membawa minyak wangi atau tukang besi. Maka pembawa minyak wangi maka engkau akan mendapat manfaat dengan menjual ataupun mendapat harumnya. Adapun tukang besi, maka jika engkau tidak terbakar kerananya, maka engkau akan mendapat bau yang busuk”¹⁵²

Menghayati apa yang ada di dalam al-Quran dan al-Sunnah Rasul Allah saw, ayat mahupun hadith yang memuji akhlak yang agung ini, yang mana kedua-dua sumber mengajak untuk berakhlak dengannya. Maka seorang mukmin apabila melihat teks-teks ayat atau hadith yang memuji akhlak mulia, maka ianya bersemangat untuk mengamalkannya.

¹⁵² *Ibid*, hadith no 2101

c. Nasihat dalam bergaul

Dalam hal ini, Nabi SAW menasihati umatnya dalam berkawan, menjauhi daripada buruk akhlak dan juga kerja-kerja yang remeh temeh. Kerana pergaulan akan membantu seseorang untuk memiliki akhlak mulia. Nabi saw bersabda :

الرَّجُلُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ

Maksudnya :

Manusia tergantung daripada agama kawannya, maka hendaklah masing-masing orang melihat siapakah yang menjadi kawannya”.¹⁵³

Hendaklah setiap manusia untuk menghayati dan juga merenungkan akan akibat atau impak negative daripada buruk akhlak. Dimana orang yang buruk akhlak akan dibenci, akan dijauhi, akan menjadi perbincangan buruk antara masyarakat. Apabila seseorang menghayati akan akibat-akibat ini maka ianya akan berusaha menjauh daripada akhlak yang tidak baik.

d. Penerapan Akhlak melalui Uswah Hasanah (keteladanan)

keteladanan adalah unsur terpenting yang harus direalisasikan dalam perjalanan dakwah. Khususnya keteladanan utuh yang mencerminkan keutuhan Islam yang sahih dan segala ajaran dan tuntunannya tanpa kekeliruan, penyelewengan dan *ijtiza'* (pengambilan ajaran secara parsial).

Kita menginginkan dan berharap, dari prinsip ini dapat terbentuk pribadi muslim, keluarga muslim, dan masyarakat muslim teladan yang berpegang teguh pada kitab Allah dan sunah Rasulullah. Allah berfirman:

¹⁵³ Al-Tirmidhī, Muhammad ibn ‘Īsā ibn Surah (1937), *Al-Jami'*, Tahqīq : Ahmad Shākir dan kawan-kawan, Kaherah : Maktabah Mustafā al-Banī al-Hilabī, hadith no. 2378

أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فَبِهِدْنُهُمْ أَفْتَدِهٖ قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ

أَجْرًا إِنَّ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya :

Mereka itulah orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka ikutilah petunjuk mereka. Katakanlah: "Aku tidak meminta upah kepadamu dalam menyampaikan (al-Quran)." Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan untuk seluruh umat.

Surah al-An'am (6) : 90

Ayat ini menerangkan bahawa Allah menganjurkan manusia agar meneladani petunjuk orang-orang baik, salih, dan memiliki akidah yang benar.

Juga Allah telah berfirman dalam al-Quran surah al-Mumtahanah ayat 4 dan 6:

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ إِذْ قَالُوا
لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَاءُ مِنْكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ
وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ
وَحَدَهُ إِلَّا قَوْلَ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ وَمَا أَمْلِكُ لَكَ مِنَ
اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ



Maksudnya :

Sesungguhnya telah ada suri tauladan yang baik bagimu pada Ibrahim dan orang-orang yang bersama dengan dia; ketika mereka berkata kepada kaum mereka: "Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dari daripada apa yang kamu sembah selain Allah, kami ingkari (kekafiran)mu dan telah nyata antara kami dan kamu permusuhan dan kebencian buat selama-lamanya sampai kamu beriman kepada Allah

sahaja. kecuali perkataan Ibrahim kepada bapanya : "Sesungguhnya aku akan memohonkan ampunan bagi kamu dan aku tiada dapat menolak sesuatupun dari kamu (siksaan) Allah". (Ibrahim berkata): "Ya Tuhan kami hanya kepada Engkaulah kami bertawakkal dan hanya kepada Engkaulah kami bertaubat dan hanya kepada Engkaulah kami kembali."

Surah al-Mumtahanah (60) : 4

Suri tauladan yang baik terdapat pada nabi Ibrahim dan kaumnya bagi orang-orang yang mengharap pahala dan keselamatan pada hari kiamat nanti.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَمَن يَتَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴿٦٠﴾

Maksudnya :

Sesungguhnya pada mereka itu (Ibrahim dan umatnya) ada teladan yang baik bagimu; (yaitu) bagi orang-orang yang mengharap (pahala) Allah dan (keselamatan pada) hari kemudian, dan barangsiapa yang berpaling, maka sesungguhnya Allah Dia-lah yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

Surah al-Mumtahanah (60) : 6

Sebagaimana Allah berfirman dalam al-Quran surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٣٣﴾

Maksudnya :

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Surah al-Ahzab (33) : 21

Contoh teladan yang paling sempurna dan takkan pernah sirna adalah kehidupan dan pribadi Rasulullah SAW. Keteladanan Rasulullah memiliki pengaruh yang amat besar dalam membantu kaum muslimin untuk mengenal Islam secara teori dan praktek,

serta meneladaninya dalam berbagai bidang kehidupan. Sehingga terbentuk masyarakat muslim yang menjunjung tinggi Kitab Allah dan sunah Rasulullah.

Setiap manusia selalu menghadirkan bentuk akhlak Rasul. Bagaimana kemurahan akhlak Nabi, pemaaf, sabar atas segala cacian yang baginda terima. Apabila setiap manusia selau menghayati akan akhlak Nabi SAW dan yakin bahawa baginda adalah sebaik-baik manusia. Serta manusia mulia daripada hamba Allah SWT. Hatinya akan terkesan, kesombongan dalam diri akan dapat dipecahkan, dan ini akan mengajak kepada masing-masing pribadi untuk memilikinya.

Meskipun berbenturan dengan buruknya kondisi masyarakat, umat Islam tidak boleh putus asa dalam mengarungi jalan dakwah. Sikap optimis, bahawa dengan pertolongan Allah, kita akan mampu mewujudkan prestasi terbesar di muka bumi ini, iaitu keamanan bagi agama Allah.

e. Melihat Sifat-sifat Terpuji

Cara ini dimaksudkan agar objek dakwah mahu mencontoh, misalnya sifat-sifat orang mukmin yang banyak dijabarkan dalam al-Quran. Cara ini dimaksudkan untuk memberikan pengaruh yang positif terhadap perilaku objek dakwah.

f. Penerapan Akhlak melalui Kisah

Kisah umumnya cepat di tangkap oleh manusia bahkan meresap ke dalam jiwa. Setiap manusia cenderung menyenangi kisah, sebagaimana dikatakan Sayyid Qutb: “Tidak diragukan lagi bahawa kisah-kisah itu mempunyai ciri khas dalam menyampaikan kebenaran. Ia dapat meresap kedalam hati. Kisah-kisah tersebut

merupakan gambaran atau mirip dengan kehidupan nyata. Sebab itu, jika kebenaran disampaikan melalui kisah, ia dapat meresap ke dalam jiwa”.¹⁵⁴

Adanya kisah-kisah itu di maksudkan sebagai *‘ibrah* untuk menggugah orang agar mau bersyukur atas nikmat Allah, mengakui adanya Khaliq, serta berbuat baik untuk dirinya dan orang banyak.

2.4 Rumusan

Metode dakwah adalah cara-cara yang dilakukan oleh pendakwah kepada objek dakwah, untuk menghidupkan peraturan-peraturan Islam dengan maksud agar mereka beriman kepada Allah dan mengerjakan kebaikan, bahagia di dunia dan akhirat.

Kesuksesan dakwah Nabi SAW membuktikan keunggulan dan kemampuan baginda dalam berdakwah, beliau menyampaikan dakwahnya dengan cara *Hikmah, Maw ‘izah, dan Mujādalah* yang baik. Nabi saw telah menggunakan pelbagai cara untuk menyeru kepada manusia, menunjukkan mereka jalan yang benar, membetul dan mengajar mereka serta menanam kebaikan dan kelebihan dalam diri mereka. Perbezaan cara-cara baginda berdakwah ini meninggalkan kesan yang besar kepada manusia dan menambah keyakinan mereka kepadanya.

Dakwahnya memiliki *manhaj* yang sudah digariskan dan harus diamalkan. *Tabligh* sudah jelas tujuannya, telah digariskan programnya. Tidak boleh diambil hanya sebagian dan meninggalkan bagian lainnya. Akan tetapi dengan tahapan-tahapan yang mengantarkan sampai ke tujuan dan sasaran utamanya, yaitu agar agama ini semuanya

¹⁵⁴ Said Ibn Alī al-Qaḥṭhānī (1994), *Dakwah Islam Dakwah Bijak*, c. 1, Jakarta: Gema Insani Press, h. 380.

hanya milik Allah, agar kalimat Allah yang lebih tinggi dan kalimat orang kafir menjadi rendah.

Saat ini masuknya berbagai ajaran dan pemahaman yang tidak sesuai dengan nilai agama, membuat agama tidak berdaya dan tidak lagi dijadikan *manhaj al-hayah* dalam berbagai-bagai bidang kehidupan. Hal ini juga terjadi pada umat Islam, dimana agama tidak lagi berfungsi secara baik dalam kehidupan individu dan masyarakat. Di samping terlihat saat ini, kehidupan umat manusia telah terpengaruh oleh modernisme yang membawa nilai-nilai baru yang bertentangan dengan nilai Islam.

Melihat keadaan di sekitar, sudah tentu umat Islam prihatin melihat rosak moral keimanan sehingga harus dicari solusi terbaik yang dikehendaki Islam iaitu melaksanakan dakwah secara baik serta berkesinambungan.

Islam adalah agama dakwah artinya agama yang selalu mendorong pemeluknya untuk senantiasa aktif melakukan kegiatan dakwah, bahkan maju mundurnya umat Islam sangat tergantung dan berkaitan erat dengan kegiatan dakwah yang dilakukan

kewajiban umat Islam hari ini untuk segera mengemban amanah ini, menyampaikan risalah, meninggikannya pada posisinya, memenuhi cakrawala, menampakkan matahari kebenaran agar gelapnya kebatilan dan kesesatan segera sirna. Sehingga berguguran senandung syetan dan golongannya, kesesatan para pembual dan dustanya. Manusia hari ini, dan kaum muslimin secara khusus sangat membutuhkan cahaya kebenaran, pancaran iman, sejuaknya keyakinan sehingga mereka dapat berjaya, mulia, bahagia, dan aman.

Islam merupakan agama yang sangat memperhatikan masalah akhlak. Ia merupakan bagian dari ahlak Islam yang harus dijunjung tinggi oleh setiap orang beriman. Tentu saja akhlak yang dimaksudkan harus bersumber pada al-Qur'an dan al-Sunnah. Hanya saja dalam kehidupan keseharian, seringkali hanya membatasi akhlak kepada sesama manusia. Padahal yang paling utama adalah akhlak terhadap Allah. Dalam Islam ruang lingkup akhlak mencakup akhlak kepada Allah, manusia, binatang, dan juga lingkungan.

BAB: III

BAB: III

USLUB PENKISAHAN SEBAGAI METODE DAKWAH

3.1. Pendahuluan

Perbahasan dalam bab ini adalah untuk memenuhi objektif kajian yang kedua, iaitu untuk mengenal pasti penggunaan metode kisah dalam gaya persembahan dakwah Nabi Muhammad SAW. Metode yang digunakan dalam kajian untuk tujuan tersebut ialah metode perpustakaan sebagaimana telah diterangkan pada bab pertama.

3.2. Pengertian Kisah

Kisah dari bahasa Arab iaitu : *Qiṣṣah*, lafaz ini merupakan bentuk *masdar* dari kata *qaṣṣa yaquṣṣu*. Dari lafaz *qiṣṣah* terdapat dua makna iaitu menceritakan dan mengandungi makna menelusuri atau mengikuti jejak.¹⁵⁵ Makna *qiṣṣah* dalam sebagian besar ayat al-Quran bererti kisah atau cerita. Adapun mengikut *Kamus Dewan*, kisah ialah hikayat.¹⁵⁶ Adapun secara istilah, *qiṣṣah* bererti :

1. Menurut Abd al-Karim al-Khatib, kisah al-Quran adalah berita tentang umat terdahulu.¹⁵⁷
2. Kisah dalam al-Quran yang menceritakan ihwal umat terdahulu dan nabi-nabi mereka serta peristiwa yang terjadi pada masa lampau, masa kini dan masa yang akan datang.¹⁵⁸
- 3.

¹⁵⁵ Ibn Manẓūr, Muhammad ibn Mukarrom ibn Manẓūr al-Afriqī al-Misrī (1990), *op.cit*, j. 12, h. 148

¹⁵⁶ Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *op.cit*, h. 213

¹⁵⁷ Abdurrahman Saleh Abdullah (1994), *Teori-teori Pendidikan Berdasarkan al-Quran*, c. II, Jakarta : Rineka Cipta, h. 205

¹⁵⁸ Mustafā Muhammad Sulaymān (1994), *Al-Qisas Fī al-Qur'ān al-Karīm*, Kaherah : Maktabah al-Amānah, h. 4

3.3. Matlamat kisah

Dalam al-Qur'an terdapat berbagai-bagai metode untuk mengajak manusia ke jalan yang benar, di antaranya dengan melalui kisah atau cerita. al-Qur'an banyak memuat kisah-kisah sejarah umat terdahulu, sebagai bahan perbandingan dalam menjalankan aktiviti para *dā'i* semasa berdakwah. Hal ini, senada dengan firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 111, iaitu:

لَقَدْ كَانَتْ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

Maksudnya :

Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang yang mempunyai akal. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.
Surah Yusuf (12) : 111

Berdasarkan ayat di atas, jelaslah bahawa kisah-kisah yang terdapat dalam al-Qur'an, banyak terdapat nilai-nilai yang boleh diambil untuk dijadikan pelajaran bagi manusia, khususnya bagi pendakwah dalam berdakwah ke jalan yang benar. Dengan menggunakan beberapa kisah tersebut akan dapat menyentuh ke lubuk hati *mad'unya*.¹⁵⁹

Selain tujuan diatas, dakwah melalui kisah mengandungi beberapa matlamat, diantaranya ialah

¹⁵⁹ M. Munir, S.Ag, dkk (2003), *Metode Dakwah*, c. I, Jakarta : Kencana Fajar Interpratama, h. 299.

a. Memberi semangat dan keteguhan hati

Kisah memiliki karakteristik yang menjadikannya begitu penting, sebagai salah satu metode dakwah, dan ia sangat memainkan peranan penting dengan tepat dan baik. Karakteristik itu adalah bersesuaian dengan *dā'ī* dan mengisi semangat mereka untuk berdakwah, menjadikan *dā'ī* bersemangat dan berjuang melawan musuh-musuhnya, yakin dengan pertolongan dan kemenangan dakwah di hujung daripada perjuangan mereka.¹⁶⁰

Perkara ini nyata dengan apa yang di tegaskan melalui kisah-kisah dalam al-Qur'an yang banyak memberi keselesaan dalam jiwa Nabi SAW, kerana melalui kisah-kisah tersebut dapat memantapkan Baginda SAW untuk melanjutkan dakwahnya setelah hampir ke tahap putus asa.¹⁶¹

Kisah menceritakan kepada Baginda SAW tentang umat-umat terdahulu. Mereka mendustai para Rasul bahkan menuduh mereka itu berpenyakit mental. Mereka juga menyakiti dan melukai para Nabi tersebut. Tetapi para Rasul dan Nabi tetap bersabar dan teguh pendirian dalam menerima berbagai-bagai dugaan sehinggalah mereka berjaya.

Melalui pengungkapan kisah tersebut, maka jiwa para *dā'ī* menjadi tenang dan tenteram.¹⁶² Allah SWT berfirman:

¹⁶⁰ Ahmad Ahmad Ghulush (1978), *al-Da'wah al-Islāmiyyah Usūluhā Wa Wasāiluhā*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Misrī, h. 293.

¹⁶¹ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar al-Qurasyī al-Dimisqī (2003), *Qaṣaṣ al-Qur'an*, c. I, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 5.

¹⁶² Muhammad al-Ghazālī (tt), *Al-Mahāwir al-Khamsah li al-Qur'an al-Karīm*, c. I, tp, h. 14.

وَكُلًّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ وَجَاءَكَ
فِي هَذِهِ الْحَقِّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾

Maksudnya :

Dan semua kisah dari rasul-rasul Kami ceritakan kepadamu, ialah kisah-kisah yang dengannya Kami teguhkan hatimu; dan dalam surat ini telah datang kepadamu kebenaran serta pengajaran dan peringatan bagi orang yang beriman.

Surah Hud (11) : 120

Allah SWT bercerita tentang kisah-kisah para Nabi sebelum beliau, untuk menjadi sebagai contoh atau teladan bagi Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya. Sesungguhnya Rasulullah SAW apabila mendengar perlakuan orang kafir terhadap para Rasul, maka akan terasa ringan.¹⁶³

Nabi Muhammad SAW dan para *dā'i*, banyak mengambil manfaat daripada kisah. Mereka mengetahui bahawa mereka akan mendapati kepedihan dalam berdakwah walau daripada orang terdekat dengan mereka sekalipun, sehingga perkara itu tidak menjejaskan langkah dakwah mereka.

Sebagai contoh kisah Nabi Ibrahim AS, memberi pengajaran bahawa manakala beliau mengajak bapanya untuk beriman, maka sang bapa menolak dengan bantahan yang keras. Nabi Ibrahim bukan menjawab dengan keras pula sebagaimana reaksi sang bapa, bahkan Nabi Ibrahim berkata, bahawa ia akan memintakan ampun kepada Allah SWT di atas segala dosa sang bapa.¹⁶⁴

¹⁶³ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar al-Qurasyī al-Dimisqī (2003), *op.cit*, h. 6.

¹⁶⁴ Ahmad Ahmad Ghulūsh (1978), *op.cit*, h 295.

Semua kisah dapat memberi isyarat akan kemenangan para *dā'i* dengan mempertahankan prinsip mereka sebagaimana yang Allah SWT janjikan :

وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَامِتُنَا لِعِبَادِنَا الْمُرْسَلِينَ ﴿١٧١﴾ إِنَّهُمْ لَهُمُ
الْمَنْصُورُونَ ﴿١٧٢﴾ وَإِنَّ جُنَدَنَا لَهُمُ الْغَالِبُونَ ﴿١٧٣﴾

Maksudnya :

Dan sesungguhnya, telah ada semenjak dahulu lagi, ketetapan Kami, bagi hamba-hamba Kami yang diutus menjadi Rasul. Bahawa sesungguhnya merekalah orang yang diberikan pertolongan mencapai kemenangan, dan bahawasanya tentera Kami (pengikut-pengikut Rasul), merekalah orang yang mengalahkan (golongan yang menentang kebenaran).

Surah al-Saffāt (37) : 171-173

Kisah telah mengukuhkan dalam diri *dā'i* makna-makna dan nilai-nilai. Daripada kisah Nabi Adam didapati pelajaran bagaimana pentingnya komitmen dengan perintah Allah SWT, taat kepada-Nya dan menolak bisikan iblis serta berwaspada terhadap tipu dayanya. Daripada kisah Nabi Nuh, didapati kecintaan kepada hidayah, ketaatan serta membenci akan perdebatan, dan perasaan tertipu.¹⁶⁵

Daripada kisah Nabi Luṭ dan Nabi Yusuf AS adalah tentang berpegang teguh dengan kesucian, *iffah* (menjaga kesopanan) dan menjauhkan diri daripada kemunkaran. Daripada kisah Nabi Ibrahim AS, menunjukkan bahawa bagaimana jalan menuju tauhid, batalnya kemusyrikan. Selain itu, juga daripada kisah Firaun, bagaimana kebencian akan kezaliman, keangkuhan serta harapan untuk istiqamah dan keamanan.¹⁶⁶

¹⁶⁵ *Ibid*, h. 297.

¹⁶⁶ *Ibid*, h. 296.

b. Sebagai pelajaran

Dakwah melalui kisah adalah digalakkan, kerana ia mengingatkan manusia tentang apa yang berlaku terhadap umat terdahulu, para *dā'i* mengambil pelajaran daripada kisah-kisah yang Allah sampaikan dalam al-Qur'an, kerana ia terlihat dengan nyata makna-makna ini yang boleh memotivasikan para *dā'i* dalam menjalankan dakwah.

Bercerita tentang kisah-kisah yang mengandungi hikmah sangat berkesan untuk menarik perhatian objek dakwah yang juga boleh membuat imaginasi atas peristiwa-peristiwa masa lampau mahupun yang akan datang, bahkan hal ini merupakan pola yang terbaik untuk dilakukan pendakwah, dan akan dengan mudah merasuk ke dalam jiwa para komunikan khusus kepada anak-anak. Dengan mendengarkan cerita seperti ini telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW sejak dahulu, dimana ketika Baginda berdakwah, Baginda sering bercerita tentang kisah kaum-kaum terdahulu agar dapat diambil hikmah dari pelajarannya.¹⁶⁷

c. Sebagai Nasihat

Memberi nasehat dengan menggunakan kisah dapat meninggalkan kesan yang mendalam ke dalam jiwa pendengarnya. Apabila yang berkisah memiliki cara istimewa dan menarik dalam menyampaikannya, maka ianya akan dapat menarik lebih perhatian dan bahkan dapat memberi kesan lebih kepada pendengarnya. Ini disebabkan, kerana kisah tidak dapat disangkal lagi dimana ianya memberi kesan kepada pembaca dan pendengarnya.¹⁶⁸

¹⁶⁷ M. Munir, S.Ag, dkk (2003), *op.cit.* h.310

¹⁶⁸ 'Abd al-Rahmān al-Nahlāwī (1999), *op.cit.* h. 238

Syekh Mannān al-Qaṭṭān menyampaikan bahawa, nasihat yang disampaikan melalui susunan kalimat dalam khutbah sahaja, maka minda manusia tidak boleh mengumpul seluruh makna, juga tidak boleh memahami dengan lengkap. Tetapi jika dihuraikan dengan dikaitkan kepada realiti kehidupan, maka akan jelas tujuan nasihat tersebut. Jiwa pendengar akan selesa menerimanya, manusia akan mendengar dengan penuh kerinduan akan kalimat demi kalimat yang keluar daripada lisan pendakwah tersebut. Dia akan terkesan dengan pelajaran yang ada di dalam khutbah tersebut.¹⁶⁹

Nasihat jika dihuraikan dengan dikaitkan kepada realiti kehidupan, maka akan jelas tujuan nasihat tersebut. Mempersiapkan manusia yang mampu beramal dengan manhaj Islam, ajaran serta prinsip-prinsipnya. Manusia perlu memiliki akhlak yang kukuh dan kuat seperti jujur, sabar dan *wafā*, kerana dengannya dapat menanam akhlak-akhlak itu ke dalam sanubari hati mereka secara tepat dan terkesan berkekalan sehingga bila-bila masa.¹⁷⁰

d. Untuk Tarbiyah Akhlak

Kisah menyenangkan orang kepadanya, dan tarbiyah dengan nilai-nilai murni dan akhlak, tanpa dimasukkan dalam kisah ia akan memberi kesan yang lemah.¹⁷¹ Keistimewaan kisah, ia mengandungi berbagai *uslub tarbawi* seperti dialog, renungan, teladan dan lain sebagainya yang akan membantu dalam mengukuhkan sikap *tarbawi* dan pendidikan. Dengan kuasa yang dimiliki oleh kisah maka manfaatnya terlihat semakin luas, semakin dalam dan lebih kekal.¹⁷²

¹⁶⁹ Al-Qaṭṭān, Mannān āl-Qāṭṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 305.

¹⁷⁰ *Ibid*, h. 305.

¹⁷¹ *Ibid*, h. 56.

¹⁷² Ibtisām binti Ahmad ibn Nāsir al-Hamd (1426), *Al-Qaym al-Khalqiyyah al-Mustanbiṭah Min Qaṣas al-Nabawī*, Riyad: Maktabah al-Rashād, h. 10.

Nilai-nilai akhlak antara nilai terpenting yang terkandung dalam kisah-kisah Nabi SAW. Kerana tarbiyah akhlak ialah antara matlamat *tarbiyah Islamiyah* yang terpenting. Ianya akan menjaga manusia daripada apa yang tidak patut bagi dirinya samada akidah mahupun akhlak. Ianya akan menerangi akal dan membantunya untuk pandangan yang terang antara benar atau salah, hingga manusia akan memilih dengan hati yang selesa, penuh pengetahuan serta reda.

Ahmad Amin berkata; “Bukanlah tujuan daripada ilmu akhlak terhad kepada mengetahui teori-teori dan kaedah-kaedah sahaja. Tetapi tujuan daripada ilmu akhlak ialah memberi kesan kepada dorongan keinginan dan memberi petunjuk untuk menghias kehidupan hingga tercapai cita-cita yang agung dalam kehidupan. Kita akan dapat kebaikan, kemuliaan, serta manfaat kepada manusia. Juga memotivasi untuk berbuat kebajikan”.¹⁷³

Menurut Muhammad Khair Ramadhan (1414) dalam bukunya *Al-Da‘wah al-Islamiyah al-Wasail wa al-Asalib* seperti yang di kutip oleh Prof. Dr. Ab. Aziz Mohd Zin, beliau berkata bahawa “kisah mempunyai keistimewaan yang tinggi, kerana ia memberi pengetahuan kepada sasaran tentang kehidupan dengan gaya dan bentuk yang disukai secara semulajadi”.¹⁷⁴

Dr. ‘Abd. Allah Sihata, mengatakan bahawa kisah-kisah tersebut merupakan tentera-tentera Allah yang meneguhkan hati para wali-Nya dan orang-orang yang berjuang di jalan-Nya.¹⁷⁵

¹⁷³ Ahmad Amin(1969M), *Kitāb al-Akhlāk*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Arabi, h. 15.

¹⁷⁴ Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *op.cit*, h. 146.

¹⁷⁵ ‘Abd. Allah Sihata, Dr (1978), *Dakwah Islam*, c. I, Jakarta: Bulan Bintang, h. 446.

Nabi Muhamad SAW terkadang menumpukan sisi akhlak sahaja dalam kisah yang baginda huraikan di hadapan para sahabat. Dimaksudkan untuk menyatakan kepentingan akhlak tersebut dan juga agar berkesan mendalam di hati dan jiwa para sahabat. Selain diharapkan dapat respon positif untuk segera diamalkan dalam realiti kehidupan. Memotivasi para sahabat untuk menjadikan kisah tersebut teladan bagi mereka.

Nabi Muhammad SAW memberi tumpuan dalam kebanyakan kisah-kisahannya, sama ada kisah sejarah atau realiti mahupun perumpamaan dalam meningkatkan sisi akhlak. Kerana akhlak mempunyai kepentingan yang amat besar. Komitmen dengan akhlak bererti komitmen dengan syara. Kerana akhlak ialah anugerah daripada Allah SWT untuk umat manusia seluruhnya. Allah SWT memilih dan memuji baginda SAW kerana akhlak yang dimiliki beliau.

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya :

Dan sungguh engkau (Muhammad SAW) memiliki akhlak yang tinggi.
Surah al-Qalam (68) : ayat 4

Kisah umumnya cepat ditangkap oleh manusia bahkan meresap ke dalam jiwa. Setiap manusia cenderung menyenangi kisah, sebagaimana dikatakan Sayyid Qutb: “Tidak diragukan lagi bahawa kisah-kisah itu mempunyai ciri khas dalam menyampaikan kebenaran. Ia dapat meresap kedalam hati. Kisah-kisah tersebut merupakan gambaran atau mirip dengan kehidupan nyata. Sebab itu, jika kebenaran disampaikan melalui kisah, ia dapat meresap ke dalam jiwa”.¹⁷⁶

¹⁷⁶ Sa'id ibn Alī al-Qaḥṡhānī (1994), *Dakwah Islam Dakwah Bijak*, c. 1, Jakarta: Gema Insani Press, h. 380.

Adanya kisah-kisah itu di maksudkan sebagai ‘*ibrah* untuk menggugah orang agar mau bersyukur atas nikmat Allah, mengakui adanya Khaliq, serta berbuat baik untuk dirinya dan orang banyak, dan nilai akhlak antara nilai terpenting yang terkandung dalam kisah-kisah yang disampaikan Nabi SAW.

Ada satu hal penting yang harus diketahui, bahawa kisah-kisah yang diceritakan oleh Rasulullah SAW bukanlah kisah dusta semata-mata, melainkan riwayat-riwayat yang jelas latar belakangnya dan sejarahnya, serta mengandungi nilai-nilai pendidikan dan roh keislaman yang dapat mendorong manusia mendengar lalu bersikap dengan akhlak yang mulia dan luhur, seperti yang diajarkan oleh Islam kepada seluruh umatnya.

Dengan demikian, dakwah melalui kisah boleh menggerakkan kehangatan perasaan, membangkit semangat dan gerak dalam jiwa manusia, dengannya akan memperbaharui tekad selaras dengan tuntutan dan arah kisah.

3.4 Ciri-ciri kisah

Adapun ciri-ciri kisah diantaranya :

a. Menggambarkan aspek kehidupan¹⁷⁷

Kisah mempunyai keistimewaan kerana ia menggambarkan aspek-aspek kehidupan. Ia melahirkan watak-watak, perilaku dan budipekerti, fikiran-fikiran, sasaran-sasaran hidup, sekitaran, tabiat dan zaman.

Kisah membentangkan kepada pendengar tentang kerja-kerja yang dilakukan, tindak-tanduk dan sepak-terjang manusia dalam melayari bahtera hidup. Hati pendengar akan terasa lapang terhadap watak yang bersifat baik, dan terasa benci terhadap watak yang bersifat jahat.

¹⁷⁷ Al-Bahī al-Khulī (tt) ,*Op.cit.*, h. 55

b. Mengasyikkan¹⁷⁸

Kisah mempunyai keistimewaan mengasyikkan orang kepadanya. Naluri manusia yang ingin mengetahui sesuatu, menjadikan mata dan telinganya meminati perjalanan perjalanan cerita yang dapat ditayangkan dengan bijak oleh penceritanya terutamanya pada detik-detik suspens karena sangat ingin hendak mengetahui apa yang berlaku selanjutnya.

c. Media yang tepat untuk menanamkan nilai-nilai¹⁷⁹

Kisah merupakan media yang paling tepat untuk semua kalangan baik anak-anak dan maupun dewasa dalam menanamkan nilai-nilai positif yang akan bermanfaat di dalam kehidupannya, sekarang mahupun di masa yang akan datang.

d. Tidak terkesan menggurui¹⁸⁰

Kisah sangat berkesan dalam dakwah kerana pendengar tidak terasa digurui. Ianya akan mengalir, dengan bahasa perasaan. Dalam perkara ini, kisah menempati posisi pertama untuk merubah etika orang. Sebab kisah mampu menarik pendengar untuk menyukai dan memperhatikannya. Mereka akan merekam semua doktrin, imajinasi dan semua yang ada di dalam cerita. Dengan dasar pemikiran seperti itu maka kisah merupakan bahagian terpenting yang disukai oleh manusia.

e. Melunakkan jiwa¹⁸¹

Kisah dapat melunakkan jiwa dan mempunyai dampak yang menakjubkan untuk menarik perhatian anak murid, serta cepat pula menghapuskan kejadian-kejadian kisah

¹⁷⁸ *Ibid*, h. 56

¹⁷⁹ Mustafā Muhammad Sulaymān (1994), *op.cit*, h. 20

¹⁸⁰ Ahmad Ibn ‘Abd. ‘Azīz al-Khalaf (1998), *op.cit*, j. 1, h. 318

¹⁸¹ *Ibid*, j. 1, h. 322

itu. Kisah juga tidak hanya sebagai penghibur, tetapi juga harus bisa dijadikan nasihat dan pelajaran.

f. Meresap ke dalam hati¹⁸²

Dakwah dengan kisah mampu menanamkan pendidikan *akhlak al-karimah*, kerana dari keterangan kisah-kisah yang baik itu dapat meresap ke dalam hati nurani dengan mudah dan baik, serta mendidik dalam meneladani perbuatan baik dan menghindari dari perbuatan buruk.

Dengan demikian, ciri-ciri yang ada pada kisah, boleh dijadikan suatu jalan yang sebaik-baiknya untuk para pendakwah menyampaikan ajaran-ajarannya terus ke dalam sanubari audiennya.

3.5 Bentuk kisah

Dalam sebuah cerita terdapat tiga bentuk tulisan, ini yang paling sering dilakukan oleh seorang penulis cerita.

Pertama, penulisan deskripsi, atau penggambaran.¹⁸³ Sesuatu yang pernah di lihat tentu mudah mendeskripsikan atau menggambarannya melalui kata-kata. Menampakan keunikan sesuatu sehingga pembaca akan tertarik. Semakin unik pendeskripsian yang dibuat penulis cerita, maka akan semakin menantang pembaca untuk menelusuri tiap-tiap kata.

¹⁸² Mustafā Muhammad Sulaymān (1994), *op.cit*, h. 25

¹⁸³ Suparno dan M. Yunus (2003), *Keterampilan Dasar Menulis*, Jakarta: Pusat Penerbitan Universitas Terbuka, h. 56

Kedua, dialog. Dialog sangat penting dalam cerita. Karena ini salah satu cara untuk membuat pembaca tidak bosan.¹⁸⁴ Jika cerpen atau novel hanya berisi deskripsi atau narasi, akan membosankan. Dialog juga dapat menjadi sarana pengungkapan diri tokoh-tokoh cerita. Melalui dialog, penokohan akan semakin hidup.

Ketiga, narasi. Narasi sangat penting, kerana ia akan membuat cerita berjalan. Narasi ini yang akan membuat alur cerita. Rangkaian peristiwa yang membentuk jalinan. Senang untuk dibaca. Melalui narasi, pembaca diajak mengikuti watak tokoh dalam cerita tersebut.¹⁸⁵

Narasi dikenal sebagai cerita atau kisah. Pada kisah terdapat peristiwa atau kejadian dalam satu urutan waktu. Di dalam kejadian itu ada pula tokoh yang menghadapi suatu konflik. Ketiga unsur berupa kejadian, tokoh, dan konflik merupakan unsur pokok sebuah kisah.¹⁸⁶

Kisah dapat berisi fakta atau fiksi. Kisah yang berisi fakta disebut kisah ekspositoris, sedangkan kisah yang berisi fiksi disebut narasi sugestif. Contoh kisah ekspositoris adalah biografi, autobiografi, atau kisah pengalaman. Sedangkan contoh kisah sugestif adalah novel, cerita pendek, cerita bersambung, ataupun cerita bergambar.

Pola Kisah secara sederhana berbentuk susunan dengan urutan awal, tengah, dan akhir. **Awal** narasi biasanya berisi pengantar yaitu memperkenalkan suasana dan tokoh. Bagian awal harus dibuat menarik agar dapat mengikat pembaca.¹⁸⁷

¹⁸⁴ *Ibid*, h. 58

¹⁸⁵ *Ibid*, h. 60

¹⁸⁶ Akhadiyah, S (1997), *Menulis*, Jakarta: Universitas Terbuka, h.20

¹⁸⁷ Amril Taufik Gobel (2004), *Narasi*, Jakarta : Daeng BattalaPublishing, h. 2

Bagian *tengah* merupakan bagian yang memunculkan suatu konflik. Konflik lalu diarahkan menuju klimaks cerita. Setelah konflik timbul dan mencapai klimaks, secara berangsur-angsur cerita akan mereda.¹⁸⁸

Akhir cerita yang mereda ini memiliki cara pengungkapan bermacam-macam. Ada yang menceritakannya dengan panjang, ada yang singkat, ada pula yang berusaha menggantungkan akhir cerita dengan mempersilakan pembaca untuk menebaknya sendiri.¹⁸⁹

Langkah menyusun kisah atau cerita terutama yang berbentuk fiksi cenderung dilakukan melalui proses kreatif, dimulai dengan mencari, menemukan, dan menggali ide. Oleh karena itu, cerita dirangkai dengan menggunakan rumus 5 W + 1 H, yang dapat disingkat menjadi.¹⁹⁰

1. (What) Apa yang akan diceritakan,
2. (Where) Di mana setting/lokasi ceritanya,
3. (When) Kapan peristiwa-peristiwa berlangsung,
4. (Who) Siapa pelaku ceritanya,
5. (Why) Mengapa peristiwa-peristiwa itu terjadi, dan
6. (How) Bagaimana cerita itu dipaparkan.

¹⁸⁸ *Ibid*, h. 3

¹⁸⁹ *Ibid*, h. 4

¹⁹⁰ Suparno dan M. Yunus (2003), *op.cit*, h. 60

3.6 Rumusan

Sebagai rumusan dalam bab ini ialah dakwah melalui kisah selain mampu menyentuh hati pendengar, ia juga mengandungi beberapa matlamat diantaranya : memberikan semangat dan meneguhkan hati, sebagai pelajaran, nasihat dan juga tarbiyah akhlak.

Ciri-ciri kisah diantaranya : Menggambarkan aspek kehidupan, mengasyikkan, media yang tepat untuk menanamkan nilai-nilai, tidak terkesan menggurui, melunakkan jiwa, meresap ke dalam hati.

Pada narasi terdapat peristiwa atau kejadian dalam satu urutan waktu. Di dalam kejadian itu ada pula tokoh yang menghadapi suatu konflik. Ketiga unsur berupa kejadian, tokoh, dan konflik merupakan unsur pokok sebuah narasi.

Pola narasi secara sederhana berbentuk susunan dengan urutan awal, tengah, dan akhir. Cerita dirangkai dengan menggunakan rumus 5 W + 1 H, yang dapat disingkat menjadi : 1. (What) Apa yang akan diceritakan. 2. (Where) Di mana seting/lokasi ceritanya. 3. (When) Kapan peristiwa-peristiwa berlangsung. 4. (Who) Siapa pelaku ceritanya. 5. (Why) Mengapa peristiwa-peristiwa itu terjadi. 6. (How) Bagaimana cerita itu dipaparkan.

BAB IV

BAB IV

KISAH PENERAPAN AKHLAK DALAM *ṢAḤĪḤ AL-BUKHĀRĪ*

4.1 Pendahuluan

Perbahasan dalam bab ini adalah untuk memenuhi objektif kajian yang ketiga, iaitu untuk mengenal hadith-hadith yang mengandungi metode kisah dalam penerapan akhlak. Metode yang digunakan dalam kajian untuk tujuan tersebut ialah metode perpustakaan dan analisis data sebagaimana telah diterangkan pada bab pertama.

Kisah yang akan disampaikan disini terhad hanya berupa kisah yang terkandung dalam hadith tentang umat-umat terdahulu, yang berkenaan dengan akhlak kepada Allah, manusia dan persekitarannya. Berikut huraian dan contohnya:

4.2 Kisah Dalam Penerapan Akhlak Kepada Allah SWT

Hurain hadith-hadith berikut adalah mengandungi kisah dalam penerapan akhlak, sebagai hamba kepada Allah SWT. Diantaranya iaitu:

4.2.1 Ikhlas dalam beramal dan berdo'a kepada Allah SWT

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: خَرَجَ
ثَلَاثَةَ نَفَرٍ يَمْشُونَ فَأَصَابَهُمُ الْمَطَرُ فَدَخَلُوا فِي غَارٍ فِي جَبَلٍ فَانْحَطَّتْ عَلَيْهِمْ
صَخْرَةٌ قَالَ فَقَالَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ادْعُوا اللَّهَ بِأَفْضَلِ عَمَلٍ عَمِلْتُمُوهُ فَقَالَ
أَحَدُهُمُ اللَّهُمَّ إِنِّي كَانَتْ لِي أَبْوَانٌ شَيْخَانِ كَبِيرَانِ فَكُنْتُ أُخْرِجُ
فَأَرْعَى ثُمَّ أَجِيءُ فَأَحْلُبُ فَأَجِيءُ بِالْحِلَابِ فَاتِي بِهِ أَبُوِي فَيَشْرَبَانِ ثُمَّ أَسْقِي
الصَّبِيَةَ وَأَهْلِي وَأَمْرَاتِي فَاحْتَبَسْتُ لَيْلَةً فَجِئْتُ فَإِذَا هُمَا نَائِمَانِ قَالَ فَكَرِهْتُ

أَنْ أَوْقَظَهُمَا وَالصَّبِيَّةُ يَتَضَاغُونَ عِنْدَ رَجُلِي فَلَمْ يَزَلْ ذَلِكَ دَائِبِي وَدَابَّهُمَا حَتَّى
 طَلَعَ الْفَجْرُ اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنِّي فَعَلْتُ ذَلِكَ ابْتِغَاءً وَجَهَكَ فَافْرُجْ عَنَّا
 فَرْجَةً نَرَى مِنْهَا السَّمَاءَ قَالَ فَفَرَجَ عَنْهُمْ.

وَقَالَ الْآخِرُ اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنِّي كُنْتُ أَحَبُّ امْرَأَةٍ مِنْ بَنَاتِ عَمِّي كَأَشَدِّ
 مَا يُحِبُّ الرَّجُلُ النِّسَاءَ فَقَالَتْ لَا تَنَالُ ذَلِكَ مِنْهَا حَتَّى تُعْطِيَهَا مِائَةَ دِينَارٍ
 فَسَعَيْتُ فِيهَا حَتَّى جَمَعْتُهَا فَلَمَّا قَعَدْتُ بَيْنَ رَجُلَيْهَا قَالَتْ اتَّقِ اللَّهَ وَلَا تَفُضِّ
 الْخَائِمَ إِلَّا بِحَقِّهِ فُقِّمْتُ وَتَرَكْتُهَا فَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنِّي فَعَلْتُ ذَلِكَ ابْتِغَاءً
 وَجَهَكَ فَافْرُجْ عَنَّا فَرْجَةً قَالَ فَفَرَجَ عَنْهُمْ الثَّلَاثِينَ.

وَقَالَ الْآخِرُ اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنِّي اسْتَأْجَرْتُ أَجِيرًا بَفَرَقٍ مِنْ ذُرَّةٍ فَأَعْطَيْتُهُ
 وَأَبِي ذَاكَ أَنْ يَأْخُذَ فَعَمَدْتُ إِلَى ذَلِكَ الْفَرَقِ فَرَزَعْتُهُ حَتَّى اشْتَرَيْتُ مِنْهُ بَقْرًا
 وَرَاعِيهَا ثُمَّ جَاءَ فَقَالَ يَا عَبْدَ اللَّهِ أَعْطِنِي حَقِّي فَقُلْتُ أَنْطَلِقَ إِلَى تِلْكَ الْبَقْرِ
 وَرَاعِيهَا فَإِنَّهَا لَكَ فَقَالَ أَتَسْتَهْزِئُ بِي قَالَ فَقُلْتُ مَا أَسْتَهْزِئُ بِكَ وَلَكِنَّهَا لَكَ
 اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنِّي فَعَلْتُ ذَلِكَ ابْتِغَاءً وَجَهَكَ فَافْرُجْ عَنَّا فَكَشِفَ
 عَنْهُمْ¹⁹¹

Maksud hadith adalah :

Di riwayatkan Ibn Umar RA dari Rasulullah SAW, beliau bersabda: Telah berjalan tiga orang daripada umat sebelum kamu sedang berjalan-jalan, tiba-tiba hujan turun, sehingga mereka berteduh di dalam sebuah gua di gunung. Apabila mereka masuk, tiba-tiba sebihi batu besar bergolek dari atas bukit menutupi pintu gua.

Mereka berkata sesama sendiri, lihatlah amal saleh yang telah kamu kerjakan kerana Allah, lalu berdoalah kepada Allah dengannya. Semoga Allah memberi kemudahan bagi kalian.

Salah seorang dari mereka berkata, Ya Allah, sesungguhnya aku mempunyai dua orang tua yang telah berusia lanjut, istri dan beberapa anak yang masih kecil. Aku yang menggembala untuk mereka. Jika aku pulang di sore hari, aku memerah susu, lalu memberi minum kedua orang tuaku terlebih dahulu sebelum anak-anakku dan istriku. Suatu hari aku menggembala cukup jauh, tidak pulang kecuali hari telah sore, dan aku mendapati mereka berdua telah tidur. Aku memerah susu seperti

¹⁹¹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 2215, *Kitāb al-Buyu*, Bāb Idhā Isytarā Shay’an Lighairih, Bīghāir Iẓnīh Fard, j. 4, h. 408, dan j. 5, h. 16, hadith no. 2333, *Kitāb al-Harh wa al-Mazra’ah*, Bāb Idhā Zara ‘Bimāl Qaum Bīghāir Iẓnīh, wa Kāna fī Zālik Salah Lahum.

biasa. Aku membawa bejana susu kepada keduanya dan berdiri menunggu di atas kepala mereka berdua. Aku tidak ingin membangunkan keduanya daripada tidur, dan aku tidak ingin memberi minum anak-anakku sebelum keduanya minum. Sementara anak-anak menangis kelaparan di bawah kakiku. Aku tetap melakukan apa yang aku lakukan dan anak-anak juga demikian sampai terbit fajar. Jika engkau mengetahui bahawa aku melakukan itu hanya demi mencari wajah-Mu, maka bukalah pintu gua ini sedikit sehingga kami bisa melihat langit. Lalu Allah membuka pintu gua sedikit dan mereka melihat langit.

Berkata yang lainnya: Ya Allah, sesungguhnya aku mempunyai sepupu perempuan, dan aku sangat mencintainya seperti lelaki mencintai perempuan. Aku meminta dirinya, tetapi dia menolak sampai aku boleh memberinya seratus dinar. Aku bekerja keras hingga aku berhasil mengumpulkan seratus dinar. Aku menyerahkan kepadanya. Manakala aku telah duduk di antara kedua kakinya, dia berkata: Wahai hamba Allah, bertakwalah kepada Allah, jangan membuka cincin kecuali dengan haknya. Maka aku meninggalkannya. Jika Engkau mengetahui bahawa aku melakukan itu kerana mencari Wajah-Mu, maka bukalah pintu gua sedikit. Maka pintu gua terbuka agak lebar.

Berkata pula yang ketiga : Ya Allah, sesungguhnya aku menyewa seorang pekerja dengan imbalan satu *faraq* besar. Selesai menunaikan pekerjaannya, dia berkata : Berikan hakku. Lalu aku menyodorkan *faraq*-nya, tetapi dia menolaknya. Seterusnya aku menanamnya sampai aku mengumpulkan beberapa sapi sekaligus pengembala darinya. Dia datang lagi dan berkata : Bertakwalah kepada Allah, jangan menzhalimi hakku. Aku berkata, Pergilah kepada sapi-sapi itu berikut penggembalanya. Ambillah. Dia menjawab, Jangan mengolok-olokku, bertakwalah kepada Allah. Aku berkata, Aku tidak mengolok-olok dirimu. Ambillah sapi-sapi itu dan penggembalanya. Lalu dia mengambil dan pergi. Jika Engkau mengetahui bahawa aku melakukan hal itu demi mendapatkan wajah-Mu, maka bukanlah sisanya. Maka Allah membuka apa yang tersisa.

Huraian hadith ini menunjukkan bahawa berdo'a dan memohon kepada Allah SWT adalah dituntut pada setiap masa, terutama tatkala ditimpa kesusahan. Sebagaimana yang berlaku pada tiga orang pemuda yang terperangkap di dalam gua. Seperti isyarat berikut ini:

Lihatlah amal saleh yang telah kamu kerjakan kerana Allah, lalu berdo'alah kepada Allah dengannya. Semoga Allah memberi kemudahan bagi kalian.

Do‘a adalah suatu ibadah yang sangat penting. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: Do‘a itu intisari ibadah.¹⁹² Semakin kerap seseorang itu berdo‘a kepada Allah SWT, maka semakin dia dikasihi-Nya.

Ibnu Taymiyah mengatakan bahwa kisah diatas, merupakan contoh berdo‘a dengan perantara amal-amal saleh. Setiap mereka menyebutkan suatu amal besar yang dilakukan dengan ikhlas kerana Allah SWT, kerana amal tersebut diantara perbuatan-perbuatan yang dicintai dan disenangi oleh Allah SWT dengan harapan mendapat pengabulan-Nya.¹⁹³

Manusia dalam keadaan seperit apapun, bagaimanapun keimanannya kepada Allah SWT, mereka tetap akan memanggil Tuhannya untuk memohon perlindungan dan pertolongan-Nya. Dia Maha Berkuasa ketika segala sarana yang ada dengannya menjaga manusia tidak mungkin lagi digunakan.¹⁹⁴

Maka tiga orang dalam kisah ini telah berdo‘a kepada Allah SWT supaya dilepaskan daripada terus terperangkap di dalam gua yang seolah-olah memenjarakan mereka bertiga. Mereka menyebut-nyebut segala amalan baiknya yang pernah dilakukan kerana semata-mata hanya Allah SWT semata.

Pemuda pertama telah berdo‘a, dengan menyebutkan apa yang telah di perbuat kepada ibu bapanya, *birr al-walidain*. Orang pertama ini adalah salah seorang penggembala. Penggembala bergantung kepada binatang gembalanya. Orang ini selalu memerah susu setiap kali pulang daripada penggembalaan, lalu memberi minum kedua orang tuanya sebelum anak-anak dan istri meminumnya.

¹⁹² Al-Tirmidhī, Muhammad ibn ‘Isā ibn Sūrah (1937), *al-Jāmi‘*; taḥqīq: Ahmad Shākir dan kawan-kawan, Kaḥerah: Maktabah Muṣṭafā al-Bānī al-Ḥalabī, j. 11, h. 220.

¹⁹³ Ahmad ibn Taymiyah (1398), *Majmū‘ Fatāwā*, c. 1, Beirut: Dār al-Iftā’, j. 3, h. 276.

¹⁹⁴ Al-Ashqar, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allah (tt), *op.cit*, h. 208.

Pada satu hari dia membawa ternaknya ke daerah rumput yang cukup jauh, baru pulang setelah malam tiba. Lalu sebagaimana biasanya, dia pun memerah susu dan membawa bejana susu kepada kedua orang tuanya, tetapi kedua orang tua telah tidur. Dia tidak ingin membangunkan mereka berdua. Dia juga tidak ingin memberi minum anak-anaknya sebelum keduanya. Malam itu dia tak tidur, dengan bejana susu yang masih ada di tangannya. Anak-anaknya menangis di kakinya kerana lapar, sementara dia tidak ingin membangunkan kedua orang tuanya sampai terbit fajar. Maka dia memberi minum keduanya, setelah itu anak-anak dan istrinya.

Kejadian ini tidak seorangpun mengetahui selain Allah SWT yang mengetahuinya, sejauh mana kesengsaraan yang dipikul oleh lelaki tersebut di malam itu. Perkaranya tidaklah semudah baginya, dia seorang penggembala dan telah berjalan jauh daripada kampungnya, tentu sangat penat dan melelahkan, ditambah lagi ianya belum makan malam di samping tangisan anak-anaknya di hujung kakinya, hati bapa siapa yang tidak sedih jika melihat anak-anaknya menangis kelaparan.¹⁹⁵

Gambaran cerita seperti ini sungguh mengagumkan sebagai hasil cetakan keimanan yang kukuh. Undang-undang bumi dan aturan-aturan manusia tidak mungkin boleh menangani seseorang untuk mencapai derajat ini. Tangguh dan kuat untuk memikul beban berat, berbudi bahasa yang mulia, menghormati dan bahkan sangat menghargai kedua orang tua.

Menghormati ibu bapa serta mentaati perintah keduanya adalah sifat yang sangat terpuji lagi mulia. Sebaliknya, menderhaka terhadap keduanya merupakan dosa besar

¹⁹⁵ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), *op.cit*, h. 203.

dan teramat dimurkai oleh Allah SWT.¹⁹⁶ Allah SWT memerintahkan hamba-Nya untuk bercakap dengan lemah lembut kepada ibu bapanya, di samping melarang untuk bercakap kasar dan keras terhadap keduanya.

Betapa tinggi penghormatan pemuda tersebut sehingga dia lebih mengutamakan kedua ibu bapa daripada yang lainnya. Pada suatu ketika, dia sanggup berdiri di hujung kaki keduanya yang sedang tidur lena. Hal ini, adalah semata-mata untuk memberi minuman susu kepada mereka sepertimana kebiasaannya. Sama sekali dia tidak mahu mendahului orang lain sebelum keduanya. Dia tetap dengan keutamaan itu meskipun anak-anaknya menangis kelaparan di hujung kakinya. Keadaan ini berlaku sehingga menjelang fajar.

Pemuda kedua pula berdo'a kepada Allah SWT dengan penuh rasa takut kepada-Nya. Rasa takut inilah yang membuatnya meninggalkan zina dan menahan nafsunya. Dia sangat menginginkan sepupunya yang sangat dicintainya. Iman sepupunya ini telah menjaganya daripada keinginan lelaki tersebut. Wanita itu menolak sampai dia tertimpa kesulitan dan kemiskinan yang memaksanya untuk menyetujui kemauan dan mentaati keinginannya setelah sepupu lelaki membayarkan harta yang besar seperti yang disyaratkan sebelum dia menyerahkan dirinya.

Akan tetapi ketika sepupu lelaki ini telah menguasainya dan telah duduk seperti suami yang duduk di atas istrinya. Tiba-tiba wanita itu bergetar dan gementar, ketika itu lelaki ini bertanya kepadanya tentang sebab dia gementar dan bergegar, dia menjawab bahawa hal itu kerana dia takut kepada Allah SWT, kerana sebelumnya dia tidak pernah melakukan zina. Lelaki itu berdiri meninggalkannya dan mengikhlaskan uang yang telah diberikan kepadanya.

¹⁹⁶ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā yahyā ibn Sharaf (tt), *Riyāḍ al-Sālihīn Min Kalām Sayyid al-Mursalīn*, Kaheerah: Maktabah al-Qayyimah li al-Tibyāh wa al-Nashr wa al-Tauji', h. 127.

Pemuda kedua ini berjaya menghadapi ujian yang begitu hebat dan mencabar. Tidak banyak yang mampu menghadapi cabaran ini dengan jayanya. Dia meninggalkan hidangan batin yang telah tersaji di hadapannya semata-mata kerana takutkan Allah serta azab-Nya.¹⁹⁷ Terlalu berat dugaan yang dihadapinya namun ianya berjaya menghadapinya dengan selamat.

Pemuda ketiga adalah suatu contoh sosok peribadi yang memiliki sifat amanah yang tinggi. Dia seorang majikan yang sangat lurus hatinya serta suci daripada sifat tamak haloba terhadap harta duniawi. Dia boleh sahaja memulangkan harta pekerjaanya sekadar yang ditinggalkan pada masa lalu. Namun dia tidak berbuat demikian. Dengan hati yang ikhlas, dia menyerahkan semua harta milik pekerjaanya yang telah berjaya dikembangkan. Tidak percaya pada awalnya, namun keikhlasan lelaki itu terbukti apabila dia menyerahkan segala-galanya kepada bekas pekerjaanya itu.¹⁹⁸

Melalui kisah ini, ada tiga sifat terpuji yang dimiliki oleh ketiga-tiga pemuda dalam kisah tersebut yang berpunca daripada sifat keimanan dan ketakwaan. Tanpa takwa, akan sukarlah untuk mereka menuruti perintah Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya. Atas sebab itu, Allah SWT telah menyebut berulang kali dalam kitab suci al-Qur'an kisah mereka yang takutkan akan Allah dengan takut yang sebenar-benarnya, pasti senantiasa mendapat pertolongan Allah serta *ri'ayah*-Nya. Di samping itu, Allah juga berjanji untuk memberi kebebasan kepada orang-orang yang bertakwa.¹⁹⁹

Kisah ini juga dapat membimbing manusia kepada jalan keluar jika ia ditimpa oleh kesusahan, dan menjadi tali asa dari para hamba yang telah putus asa. Dalam kondisi ini, terdapat pintu di mana tidak ada harapan yang putus darinya. Dia akan

¹⁹⁷ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), *op.cit.*, j. 5, h. 207.

¹⁹⁸ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Ali (1420H/2000M), *op.cit.*, j. 6, h. 512.

¹⁹⁹ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), *op.cit.*, j. 5, h. 209.

selalu hadir, Dia berkuasa selama-lamanya, menjawab orang yang dalam kesulitan jika ianya berdo'a kepada-Nya, dan akan menghilangkan kesengsaraan jika diperlukan. Maka berdo'alah kepada Allah dengan menyebutkan amalan paling mulia yang dilakukannya, niscaya Allah SWT akan mengabulkan do'a-do'a mereka. Dia akan mengangkat musibah dan akan menghapuskan segala kesulitan mereka.

Nabi SAW mengajarkan kepada umatnya, bahawa dalam setiap amal yang di lakukan mestilah disertai dengan keikhlasan. Sungguh besar pengaruh takwa dalam keikhlasan seorang hamba dalam beramal dan menerima pelbagai cubaan.

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا

Maksudnya :

Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), niscaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya).

Surah al-Talaq (65) : 2

Nabi SAW telah mengingatkan bahawa amal saleh di masa lapang akan dirasakan manfa'atnya pada masa sempit. Nabi SAW bersabda: Jagalah Allah, niscaya Allah akan menjaga kalian. Jagalah Allah, niscaya kalian akan menjumpai-Nya di hadapanmu. Kenalilah Allah di masa lapang, niscaya Allah akan mengenali engkau di masa sempit.²⁰⁰

Disyariatkannya do'a pada masa terjadinya musibah dan kesusahan misalnya ketika mendapatkan malapetaka, kekurangan rezeki dalam kehidupan, sedang sakit dan lain sebagainya.²⁰¹ Allah SWT telah memerintahkan agar berdo'a kepada-Nya. Barang

²⁰⁰ Al-Tirmidhī, Muhammad ibn 'Isā ibn Sūrah (1937), *op.cit*, j . 9, h. 56.

²⁰¹ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā Yahyā ibn Sharaf (tt), *op.cit*, h. 19.

siapa yang tidak berdo‘a kepada-Nya, Dia akan memurkainya,²⁰² sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ghāfir:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ
عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya :

Dan Rabbmu berfirman: Berdo‘alah kamu kepadaKu niscaya Aku perkenankan do‘a permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takabur daripada beribadah dan berdo‘a kepada-Ku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina.

Surah Ghāfir (40) : 60

Kisah ini juga telah mengingatkan manusia, bahawa *birr al-wālidain* termasuk amal salih yang dicintai oleh Allah SWT, mendekatkan diri kepada-Nya serta membebaskan seorang hamba daripada segala kesusahan-kesusahan dunia mahupun hari akhirat.²⁰³

Rasa takut kepada Allah termasuk ibadah besar yang menolak azab, melindungi dari perbuatan buruk, dan mendekatkan kepada Allah. Rasa takut inilah yang menjadi sebab seorang meninggalkan perbuatan tercela.

Hak orang gaji wajib dijaga, tidak boleh dilambat-lambatkan. Baginda Rasulullah saw bersabda :

أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجِفَّ عَرْفُهُ²⁰⁴

Maksudnya : Bagilah pekerja upahnya sebelum kering keringatnya.

²⁰² Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), *op.cit.*, j. 5, h. 210, dan al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā Yahyā ibn Sharaf (tt), *op.cit.*, h. 419.

²⁰³ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), *op.cit.*, j. 5, h. 212.

²⁰⁴ Ibn Majah, M

uhammad ibn Yajīd ibn Majah al-Qazwayinī (1395), *al-Sunan*, Tahqīq dan tarqīm: Muhammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, Beirut: Dār Ihyā al-Turāth al-‘Arabi, j. 7, h. 294.

Barangsiapa yang menjaga akan hak-hak pekerjanya, maka Allah akan menjaga dirinya pada masa kesusahan dan Allah akan menyelamatkan daripada cubaan. Anjuran seseorang menjaga amanah dan melakukan tindakan terhadap harta orang lain yang ada di tangannya jika tindakan itu mengandung kebaikan padanya.

4.2.2 Taat menjalankan perintah Allah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قِيلَ
لِبَنِي إِسْرَائِيلَ : { ادْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةٌ } فَبَدَّلُوا فَدَخَلُوا يَزْحَفُونَ
عَلَى أَسْتَاهِهِمْ وَقَالُوا حَبَّةٌ فِي شَعْرَةٍ²⁰⁵

Maksud hadith adalah :

Diriwayatkan dari Abu Hurairah RA berkata: bahawa Rasulullah SAW bersabda: Dikatakan kepada Bani Isra'il. Masuklah pintu gerbang sambil bersujud dan katakanlah: Bebaskan kami dari dosa. Lalu mereka mengganti. Mereka masuk dengan merangkak di atas bokong mereka dan berkata: Satu biji dalam sehelai rambut.

Kisah ini adalah mengenai pengingkaran dan kedurhakaan dalam membalas nikmat dengan kebaikan. Allah SWT meyampaikan kepada hamba-Nya di dalam al-Qur'an, bahawa Dia memerintahkan Bani Isra'il agar masuk ke sebuah kampung di Bait al-Maqdis dengan sujud, yakni tunduk dan patuh kepada Allah, bukan dengan takabur dan sombong, dan agar mereka memohon kepada Allah pada masa mereka masuk untuk menghapus dosa-dosa mereka dan mengampuni kesalahan-kesalahan mereka.

²⁰⁵ Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn Ismā'il (1315), *op.cit*, hadith no. 3403, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā'*, *Bāb Hadīth al-Khidir ma'a Mūsā*, j. 6, h. 436, Hadith no. 4479, *Kitāb Tafsīr surah al-Baqarah*, j. 8, h. 164, dan hadith no. 4641, *Tafsīr surah al-A'raf*, j. 8, h. 304.

Akan tetapi, mereka tidak masuk seperti yang telah Allah ajarkan kepada mereka, dan tidak mengatakan seperti apa yang telah Allah perintahkan kepada mereka. Mereka masuk dengan merangkak di atas bokong mereka. Mereka mengatakan: Sebiji gandum atau biji dalam sehelai rambut. Maka Allah menurunkan siksa kepada mereka akibat kefasikan mereka.²⁰⁶

وَإِذْ قُلْنَا ادْخُلُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ رَغَدًا
 وَادْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةٌ نَغْفِرْ لَكُمْ خَطِيئَتِكُمْ
 وَسَزِّدُوا الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾ فَبَدَّلَ الَّذِينَ ظَلَمُوا قَوْلًا غَيْرَ
 الَّذِي قِيلَ لَهُمْ فَأَنْزَلْنَا عَلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا رِجْزًا مِّنَ السَّمَاءِ
 بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾

Maksudnya :

Dan (kenangkanlah) ketika Kami berfirman: Masuklah kamu ke bandar ini, kemudian makanlah dari benda-benda yang ada di dalamnya dengan sepuas-puasnya, apa sahaja yang kamu sukai, dan masuklah kamu melalui pintunya dengan tunduk (merendah diri); dan (mintalah ampun dengan) berkata: Ya Allah ampunilah dosa kami; supaya Kami ampunkan kesalahan-kesalahan kamu, dan Kami akan tambah pula pahala orang-orang yang berbuat baik. Kemudian orang-orang yang zalim (penderhaka) itu mengubah perkataan (perintah Kami) yang dikatakan kepada mereka dengan melakukan sebaliknya; maka Kami turunkan ke atas orang-orang yang zalim itu bala bencana dari langit, dengan sebab mereka sentiasa berlaku fasik (menderhaka).

Surah al-Baqarah (2) : 58-59

Orang zalim tersebut telah menyambut nikmat Allah SWT dengan kekufuran. Mereka tidak menjalankan perintah-Nya dan tidak mensyukuri nikmat Allah kepada mereka. Bandingkanlah dengan keadaan Rasulullah SAW, Mereka masuk dengan

²⁰⁶ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 13, h. 63.

ketundukan dan kerendahan hati sampai kepala Rasulullah SAW menyentuh pelananya pada saat beliau masuk Makkah dengan ketundukan dan kepasrahan kepada Allah.

Kisah ini telah memberi pelajaran, bahawa betapa besarnya dosa orang yang mengubah perintah dan syariat Allah SWT, yakni orang-orang yang kufur terhadap nikmat Allah SWT. Mereka menyelewengkan kalam Allah, seperti yang dilakukan oleh orang-orang zalim dari kalangan Bani Isra'il.

Petunjuk yang Allah berikan kepada Bani Isra'il dan disampaikan oleh al-Qur'an dan hadith Nabi SAW, di mana kaum muslimin yang menang masuk dalam keadaan tunduk kepada Allah, berdo'a kepada-Nya agar diampuni. Ini adalah gambaran yang harus direalisasikan oleh para penakluk kaum muslimin di setiap masa dan tempat.

4.2.3 Tawakkal kepada Allah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ ذَكَرَ
رَجُلًا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ سَأَلَ بَعْضَ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنْ يُسَلِّفَهُ أَلْفَ دِينَارٍ فَقَالَ
أَتَيْتَنِي بِالشُّهَدَاءِ أَشْهَدُهُمْ فَقَالَ كَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا قَالَ فَأَتَيْتَنِي بِالْكَفِيلِ قَالَ كَفَى
بِاللَّهِ كَفِيلًا قَالَ صَدَقْتَ
فَدَفَعَهَا إِلَيْهِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَخَرَجَ فِي الْبَحْرِ فَقَضَى حَاجَتَهُ ثُمَّ التَّمَسَ
مَرَكَبًا يَرَكُبُهَا يَقْدُمُ عَلَيْهِ لِلْأَجَلِ الَّذِي أَجَلُهُ فَلَمْ يَجِدْ مَرَكَبًا فَأَخَذَ خَشَبَةً
فَنَقَرَهَا فَأَدْخَلَ فِيهَا أَلْفَ دِينَارٍ وَصَحِيفَةً مِنْهُ إِلَى صَاحِبِهِ ثُمَّ زَجَّجَ مَوْضِعَهَا ثُمَّ
أَتَى بِهَا إِلَى الْبَحْرِ
فَقَالَ اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ أَنِّي كُنْتُ تَسَلَّفْتُ فَلَانًا أَلْفَ دِينَارٍ فَسَأَلَنِي كَفِيلًا فَقُلْتُ
كَفَى بِاللَّهِ كَفِيلًا فَرَضِيَ بِكَ وَسَأَلَنِي شَهِيدًا فَقُلْتُ كَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا فَرَضِيَ
بِكَ وَأَنِّي جَهَدْتُ أَنْ أَجِدَ مَرَكَبًا أَبْعَثُ إِلَيْهِ الَّذِي لَهُ فَلَمْ أَقْدِرْ وَإِنِّي
أَسْتَوْدِعُكَهَا

فَرَمَى بِهَا فِي الْبَحْرِ حَتَّى وَكَلَجَتْ فِيهِ ثُمَّ أَنْصَرَفَ وَهُوَ فِي ذَلِكَ يَلْتَمِسُ مَرَكَبًا
يَخْرُجُ إِلَى بَلَدِهِ فَنَحَرَ الرَّجُلُ الَّذِي كَانَ أَسْلَفَهُ يَنْظُرُ لَعَلَّ مَرَكَبًا قَدْ جَاءَ
بِمَالِهِ فَإِذَا بِالْخَشَبَةِ الَّتِي فِيهَا الْمَالُ فَأَخَذَهَا لِأَهْلِهِ حَطْبًا فَلَمَّا نَشَرَهَا وَجَدَ
الْمَالَ وَالصَّحِيفَةَ

ثُمَّ قَدِمَ الَّذِي كَانَ أَسْلَفَهُ فَأَتَى بِاللَّفِّ دِينَارٍ فَقَالَ وَاللَّهِ مَا زِلْتُ جَاهِدًا فِي
طَلَبِ مَرَكَبٍ لِيَأْتِيكَ بِمَالِكَ فَمَا وَجَدْتُ مَرَكَبًا قَبْلَ الَّذِي أَتَيْتُ فِيهِ قَالَ هَلْ
كُنْتَ بَعَثْتَ إِلَيَّ بِشَيْءٍ قَالَ أُخْبِرُكَ أَنِّي لَمْ أَجِدْ مَرَكَبًا قَبْلَ الَّذِي جِئْتُ فِيهِ
قَالَ فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ أَدَّى عَنْكَ الَّذِي بَعَثْتَ فِي الْخَشَبَةِ فَانصَرَفَ بِاللَّفِّ الدِّينَارِ
رَاشِدًا .²⁰⁷

Maksud hadith adalah:

Imam al-Bukhārī meriwayatkan dalam *Kitab Ṣaḥīh*nya dari Abū Hurairah RA dari Rasulullah SAW, bahawa beliau menyebutkan seorang lelaki dari kalangan Bani Isra'il yang meminta hutang seribu dinar kepada lelaki lain yang juga dari Bani Isra'il. Pemilik wang berkata: Datangkan saksi-saksi kepadaku agar mereka menyaksikannya. Lelaki itu menjawab: Cukuplah Allah sebagai saksi. Pemilik wang berkata: Datangkanlah seorang penjamin. Lelaki itu berkata: Cukuplah Allah sebagai Penjamin. Pemilik wang berkata: Kamu benar.

Lalu pemilik wang memberikan kepadanya untuk jangka waktu tertentu. Penghutang ini pun menyeberangi lautan dan menunaikan kepentingannya, kemudian dia mencari perahu yang memulangkannya kerana tempo hutang telah hampir habis. Dia tidak mendapatkan perahu, maka dia mengambil sebatang kayu dan melubanginya. Dia memasukkan seribu dinar ke dalamnya dan sepucuk surat kepada temannya, kemudian dia menutupnya dengan kuat dan membawanya ke laut.

Dia berkata: Ya Allah sungguh Engkau mengetahui aku berhutang kepada fulan seribu dinar. Dia meminta seorang penjamin kepadaku, lalu aku menjawabnya: Cukuplah Allah sebagai Penjamin. Dia rela dengan-Mu. Ketika meminta seorang saksi kepadaku, maka aku menjawabnya: Cukuplah Allah sebagai saksi. Lalu dia rela dengan-Mu. Aku telah berusaha mendapatkan perahu untuk memberikan haknya, tetapi aku tidak mendapatkannya, sekarang aku menitipkannya kepada-Mu.

²⁰⁷ Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn Ismā'il (1315), *op.cit*, hadith no. 1498, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Mā Yustakhrāj Min al-Bahr*, j. 3, h. 362, hadith no. 2063, *Kitāb al-Buyu'*, *Bāb al-Tijārah fī al-Bahr*, j. 4, h. 299, hadith no. 2291, *Kitāb al-Kafālah, Bāb al-Kafālah wa al-Qirād*, j. 4, h. 469, hadith no. 2404, *Kitāb al-Istiqrād, Bāb Iẓā Aqrāduh Ilā Ajal Musammā*, j. 5, h. 66.

Lalu dia melemparkannya ke laut hingga ia masuk ke dalamnya, lalu dia kembali. Dalam kondisi tersebut dia terus mencari perahu agar bisa pulang ke bandarnya. Lalu pemilik wang keluar melihat-lihat, mungkin ada sebuah perahu yang datang membawa wangnya. Dia pun menemukan kayu yang berisi wang tersebut. Dia mengambilnya sebagai kayu bakar untuk keluarganya. Manakala dia menggergaji kayu itu, dia menemukan wangnya dan sepucuk surat.

Selanjutnya, lelaki yang berhutang itu pulang dengan membawa seribu dinar. Dia berkata kepada pemilik wang: Aku terus berusaha mencari perahu agar bisa membawa wangmu, tetapi aku tidak mendapatkannya sehingga aku datang kepadamu sekarang ini. Pemilik wang bertanya: Apakah kamu mengirim sesuatu kepadaku?. Dia menjawab: Aku katakan kepadamu bahawa aku tidak mendapatkan perahu sebelum aku datang sekarang ini. Pemilik wang berkata: Sesungguhnya Allah telah menunaikannya untukmu melalui apa yang kamu kirim di kayu itu. Sekarang, ambillah seribu dinarmu ini dengan baik.

Muhammad ‘Abd al-‘Atī Buhairī berkata: Bertawakkallah kepada Allah, kerana tawakal adalah akhlak yang di cintai Allah, dan Allahpun mencintai pelakunya. Ia adalah akhlak yang wajib dicari oleh kaum mukminin, bahkan ia merupakan akhlak yang menjadi ciri-ciri penting bagi kaum Muslimin.²⁰⁸

Berdasarkan daripada kisah ini, maka sangat tampak pengaruh tawakal seorang hamba kepada Allah, dan pemahaman yang benar tentang tawakal adalah keyakinan bahawa Allah SWT akan menjamin kemenangan dan bantuan bagi orang yang beriman.²⁰⁹ Lelaki ini telah membuang kayu ke laut dengan bertawakal kepada Allah agar menyampaikannya kepada pemiliknya. Maka ia sampai di tangan pemiliknya dengan kudrat Allah SWT, hal ini sesuai firman Allah dalam surah al-Talaq, iaitu:

²⁰⁸ Muhammad ‘Abd al-‘Atī Buhairī, *Lā tahzan, Inna ma’a al-‘Ushr Yusrā*, c. 1, Kaherah: Maktabah Taufiqiyah, h. 75.

²⁰⁹ Al-Ashqār, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allah (tt), *op.cit*, h. 261.

وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ
 إِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٦٥﴾

Maksudnya :

Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

Surah al-Talaq (65) : 3

Nabi SAW juga telah bersabda:

لَوْ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرُزِقْتُمْ كَمَا يُرْزَقُ الطَّيْرُ تَعْدُو
 حِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا.²¹⁰

Maksudnya :

Jika kalian benar-benar bertawakal kepada Allah, pasti Allah akan memberikan rezki pada kalian, sebagaimana Dia telah memberikan rezki pada burung, pergi dalam keadaan perut kosong, dan pulang dalam keadaan perut kenyang.

Kisah ini menunjukkan akan keagungan dan kasih sayang Allah melalui penjagaan-Nya, dan mencukupkan bagi hamba-hamba-Nya jika berserah diri segala urusannya. Pengaruh dari tawakal kepada Allah SWT dalam segala keperluan, menyebabkan manusia untuk selalu berbaik sangka kepada Rabbnya dalam segala keadaan, dan Allah sesuai dengan sangkaan hamba-Nya, jika berperasangka kepada-Nya baik, maka dengan cepat Allah akan memberikan yang lebih baik, Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an:

وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿٦٦﴾

²¹⁰ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 18, h. 295.

Maksudnya :

Dan berserahlah kepada Allah (dan janganlah menumpukan harapanmu kepada yang lain), kerana cukuplah Allah menjadi pentadbir urusanmu.
Surat al-Ahzāb (33) : 3

أَلَيْسَ اللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُ^ط وَتُخَوِّفُونَكَ بِالَّذِينَ^ج مِنْ دُونِهِ
وَمَنْ يُضِلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ ﴿٣٦﴾

Maksudnya :

Bukankah Allah cukup untuk mengawal dan melindungi hamba-Nya (yang bertaqwa)? dan mereka menakutkanmu (Wahai Muhammad) dengan yang mereka sembah yang lain daripada Allah. Dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan oleh Allah (dengan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepada-Nya.

Surah al-Zumar (39) : 36

Melalui kisah ini juga mengingatkan, bahawa Allah SWT telah memerintahkan agar menguatkan hutang dengan tulisan, sebagaimana Dia memerintahkan agar ada kesaksian. Serta kewajiban melunasi hutang manakala masa pembayaran telah tiba, dan jangan menangguhkan pembayaran utang tersebut.

4.2.4 Mensyukuri nikmat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ
إِنَّ ثَلَاثَةَ فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ أَبْرَصَ وَأَقْرَعَ وَأَعْمَى بَدَأَ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ يَبْتَلِيَهُمْ
فَبَعَثَ إِلَيْهِمْ مَلَكًا فَأَتَى الْأَبْرَصَ فَقَالَ أَيُّ شَيْءٍ أَحَبُّ إِلَيْكَ قَالَ لَوْ أَنَّ حَسَنًا
وَجَدَلْتُ حَسَنًا قَدْ قَدَّرَنِي النَّاسُ قَالَ فَمَسَحَهُ فَذَهَبَ عَنْهُ فَأَعْطِيَ لَوْنًا حَسَنًا
وَجَدَلًا حَسَنًا فَقَالَ أَيُّ الْمَالِ أَحَبُّ إِلَيْكَ قَالَ الْإِبِلُ أَوْ قَالَ الْبَقْرُ هُوَ شَكٌّ فِي
ذَلِكَ إِنَّ الْأَبْرَصَ وَالْأَقْرَعَ قَالَ أَحَدُهُمَا الْإِبِلُ وَقَالَ الْآخَرُ الْبَقْرُ فَأَعْطِيَ نَاقَةً
عَشْرَاءَ فَقَالَ يُبَارِكُ لَكَ فِيهَا

وَأَتَى الْأَقْرَعَ فَقَالَ أَيُّ شَيْءٍ أَحَبُّ إِلَيْكَ قَالَ شَعْرٌ حَسَنٌ وَيَذْهَبُ عَنِّي هَذَا قَدْ
 قَدَّرَنِي النَّاسُ قَالَ فَمَسَحَهُ فَذَهَبَ وَأُعْطِيَ شَعْرًا حَسَنًا قَالَ فَأَيُّ الْمَالِ أَحَبُّ
 إِلَيْكَ قَالَ الْبَقْرُ قَالَ فَأَعْطَاهُ بَقْرَةً حَامِلًا وَقَالَ يُبَارِكُ لَكَ فِيهَا وَأَتَى الْأَعْمَى
 فَقَالَ أَيُّ شَيْءٍ أَحَبُّ إِلَيْكَ قَالَ يَرُدُّ اللَّهُ إِلَيَّ بَصْرِي فَأُبْصِرُ بِهِ النَّاسَ قَالَ
 فَمَسَحَهُ فَرَدَّ اللَّهُ إِلَيْهِ بَصْرَهُ قَالَ فَأَيُّ الْمَالِ أَحَبُّ إِلَيْكَ قَالَ الْغَنَمُ فَأَعْطَاهُ شَاةً
 وَالِدًا فَأَنْتَجَ هَذَانِ وَوَلَدَ هَذَا فَكَانَ لِهَذَا وَاِدٍ مِنْ إِبِلٍ وَلِهَذَا وَاِدٍ مِنْ بَقَرٍ وَلِهَذَا
 وَاِدٍ مِنْ غَنَمٍ

ثُمَّ إِنَّهُ أَتَى الْأَبْرَصَ فِي صُورَتِهِ وَهَيْئَتِهِ فَقَالَ رَجُلٌ مِسْكِينٌ تَقَطَّعَتْ بِي الْحِبَالُ
 فِي سَفَرِي فَلَا بَلَغَ الْيَوْمَ إِلَّا بِاللَّهِ ثُمَّ بَكَ أَسْأَلُكَ بِالَّذِي أَعْطَاكَ اللَّوْنَ الْحَسَنَ
 وَالْجِلْدَ الْحَسَنَ وَالْمَالَ بَعِيرًا أَتَبْلُغُ عَلَيْهِ فِي سَفَرِي فَقَالَ لَهُ إِنَّ الْحُقُوقَ كَثِيرَةٌ
 فَقَالَ لَهُ كَأَنِّي أَعْرِفُكَ أَلَمْ تَكُنْ أَبْرَصَ يَقْدِرُكَ النَّاسُ فَقِيرًا فَأَعْطَاكَ اللَّهُ فَقَالَ
 لَقَدْ وَرَثْتُ لِكَابِرٍ عَنْ كَابِرٍ فَقَالَ إِنْ كُنْتَ كَاذِبًا فَصَيِّرْكَ اللَّهُ إِلَيَّ مَا كُنْتَ
 وَأَتَى الْأَقْرَعَ فِي صُورَتِهِ وَهَيْئَتِهِ فَقَالَ لَهُ مِثْلَ مَا قَالَ لِهَذَا فَرَدَّ عَلَيْهِ مِثْلَ مَا رَدَّ
 عَلَيْهِ هَذَا فَقَالَ إِنْ كُنْتَ كَاذِبًا فَصَيِّرْكَ اللَّهُ إِلَيَّ مَا كُنْتَ
 وَأَتَى الْأَعْمَى فِي صُورَتِهِ فَقَالَ رَجُلٌ مِسْكِينٌ وَابْنُ سَبِيلٍ وَتَقَطَّعَتْ بِي الْحِبَالُ
 فِي سَفَرِي فَلَا بَلَغَ الْيَوْمَ إِلَّا بِاللَّهِ ثُمَّ بَكَ أَسْأَلُكَ بِالَّذِي رَدَّ عَلَيْكَ بَصْرَكَ شَاةً
 أَتَبْلُغُ بِهَا فِي سَفَرِي فَقَالَ قَدْ كُنْتُ أَعْمَى فَرَدَّ اللَّهُ بَصْرِي وَفَقِيرًا فَقَدْ أَعْنَانِي
 فَخُذْ مَا شِئْتَ فَوَاللَّهِ لَا أَجْهَدُكَ الْيَوْمَ بِشَيْءٍ أَخَذْتَهُ لِي فَقَالَ أَمْسِكْ مَا لَكَ
 فَإِنَّمَا ابْتَلَيْتُمْ فَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْكَ وَسَخِطَ عَلَيَّ صَاحِبِيكَ²¹¹

Maksud hadith adalah :

Dari Abū Hurairah bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda, Sesungguhnya ada tiga orang dari Bani Isra'il, iaitu: penderit kusta, orang berkepala botak, dan orang buta. Allah ingin menguji mereka bertiga, maka diutuslah kepada mereka malaikat. Pertama-tama datanglah malaikat itu kepada si penderit kusta dan bertanya kepadanya: Apakah sesuatu yang paling kamu inginkan? Ia menjawab: Rupa yang

²¹¹ Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn Ismā'il (1315), *op.cit*, hadith no. 3464, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā'*, *Bāb Hadīth Abraş wa A' mā wa Aqra' fī Banī Isrā'īl*, j. 6, h. 500, hadith no. 6653, *Kitāb al-Imān wa al-Nudhūr*, j. 11, h. 540.

elok, kulit yang indah, dan apa yang telah menjijikkan masyarakat sekeliling hilang dari tubuhku. Maka diusap-usaplah penderita kusta itu dan hilanglah penyakit yang dideritanya, serta diberilah ia rupa yang elok dan kulit yang indah. Malaikat pun bertanya lagi kepadanya: Lalu kekayaan apa yang paling kamu senangi? Jawabnya: Onta dan lembu. Maka diberilah ia seekor onta yang mengandung dan dido'akan: Semoga Allah melimpahkan berkah-Nya kepadamu dengan unta ini.

Kemudian malaikat itu mendatangi orang berkepala botak dan bertanya kepadanya: Apakah sesuatu yang paling kamu inginkan? Ia menjawab: Rambut yang indah dan hilang dari kepalaku apa yang telah menjijikkan masyarakat. Maka diusaplah kepalanya, dan ketika itu hilanglah penyakitnya serta diberilah ia rambut yang indah. Malaikatpun bertanya lagi kepadanya: Kekayaan apa yang paling kamu senangi? Jawabnya: Lembu atau onta. Maka diberilah ia seekor lembu mengandung dan dido'akan: Semoga Allah melimpahkan berkah-Nya kepadamu dengan lembu ini.

Selanjutnya malaikat tadi mendatangi si buta dan bertanya kepadanya: Apakah sesuatu yang paling kamu inginkan? Ia menjawab: Semoga Allah berkenan mengembalikan penglihatan-ku sehingga aku dapat melihat orang sekelilingku. Maka diusaplah wajahnya, dan ketika itu dikembalikan oleh Allah penglihatannya. Malaikat pun bertanya lagi kepadanya: Lalu kekayaan apa yang paling kamu senangi? Jawabnya: Kambing. Maka diberilah seekor kambing mengandung. Waktu berselang, maka berkembang biaklah onta, lembu dan kambing tersebut, sehingga orang pertama mempunyai selembah onta, orang kedua mempunyai selembah lembu, dan orang ketiga mempunyai selembah kambing.

Kemudian datanglah malaikat itu lagi kepada orang yang sebelumnya menderita kusta, dengan menyerupai dirinya dan berkata: Aku seorang miskin, telah terputus segala jalan bagiku (untuk mencari rezqi) dalam perjalananku, sehingga aku tidak akan dapat meneruskan perjalananku hari ini kecuali dengan pertolongan Allah, kemudian dengan pertolongan anda. Demi Allah yang telah memberi anda rupa yang elok, kulit yang indah, dan kekayaan ini, aku meminta kepada anda seekor onta sahaja untuk bekal melanjutkan perjalananku. Tetapi dijawab: Hak-hak (tanggunganku) banyak. Malaikat yang menyerupai orang penderita kusta itu pun berkata: Sepertinya aku mengenal anda. Bukankah anda ini yang dulu menderita kusta, orang-orang jijik kepada anda, lagi pula anda orang melarat, lalu Allah memberi anda kekayaan? Dia malah menjawab: Sungguh, harta kekayaan ini hanyalah aku warisi turun-temurun dari nenek moyangku yang mulia lagi terhormat. Maka malaikat itu berkata kepadanya: Jika anda berkata dusta, niscaya Allah mengembalikan anda kepada keadaan anda semula.

Lalu malaikat tersebut mendatangi orang yang sebelumnya botak dengan menyerupai dirinya, dan berkata kepadanya seperti yang dia katakan kepada orang yang pernah menderita kusta. Namun ia ditolaknya sebagaimana telah ditolak oleh orang pertama itu. Maka berkatalah

malaikat yang menyerupai dirinya itu kepadanya: Jika anda berkata dusta, niscaya Allah akan mengembalikan anda kepada keadaan semula.

Terakhir, malaikat tadi mendatangi orang yang sebelumnya buta dengan menyerupai dirinya pula, dan berkatalah kepadanya: Aku adalah seorang miskin, kehabisan bekal dalam perjalanan dan telah terputus segala jalan bagiku (untuk mencari rezki) dalam perjalanan ini, sehingga aku tidak akan dapat lagi meneruskan perjalananku hari ini kecuali dengan pertolongan Allah, kemudian pertolongan anda. Demi Allah yang telah mengembalikan penglihatan anda, aku meminta seekor kambing sahaja untuk bekal melanjutkan perjalananku. Orang itu menjawab: Sungguh, aku dahulu buta, lalu Allah mengembalikan penglihatanku. Maka, ambillah apa yang anda sukai dan tinggalkan apa yang anda sukai. Demi Allah, sekarang ini aku tidak akan mempersulit anda dengan memintamu mengembalikan sesuatu yang telah anda ambil kerana Allah. Malaikat yang menyerupai orang buta itupun berkata: Peganglah kekayaan anda, kerana sesungguhnya kalian ini hanyalah diuji oleh Allah. Allah telah rida kepada anda, dan murka kepada kedua teman anda.

Banyak orang yang diuji oleh Allah SWT dengan penyakit atau kemiskinan.

Mereka merindukan terbebas daripada ujian tersebut. Di antara mereka memperoleh apa yang diimpikannya, maka Allah menggantikan penyakit tersebut dengan kesihatan dan keselamatan, kemiskinan berganti dengan kekayaan.²¹² Di antara mereka ada yang melupakan musibah yang pernah menimpanya, mereka tidak bersyukur kepada Allah atas nikmat-Nya yang telah diberikan. Mereka tidak merasakan penderitaan orang lain, yang dahulu dia sendiri pernah merasakannya. Di antara mereka ada yang bersyukur atas limpahan karunia-Nya, ketika kesusahan yang menimpa dihapus oleh Allah SWT. Manakala mereka melihat orang yang tertimpa apa yang pernah menimpa mereka pula, mereka menghiburnya dan mengulurkan tangan untuk memberi bantuan kepadanya.²¹³

Dalam hadith ini, Rasulullah saw menyampaikan kepada umatnya tentang dua kelompok manusia seperti di atas. Orang-orang yang kufur nikmat dan orang-orang yang mensyukurinya. Allah telah menguji tiga orang cacat di kalangan Bani Israil dengan mengutus kepada mereka malaikat, cacat yang ada di tubuh mereka pun hilang,

²¹² Sayyid Qutub (1400), *op.cit.*, j. 2, h, 456.

²¹³ Al-Rāzī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn ‘Umar ibn al-Hasan ibn al-Husen al-Tamīmī (tt), *Rūh al-Ma‘ānī*, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, j. 2, h. 447.

lalu masing-masing diberi harta yang disukainya. Hanya beberapa tahun ketiganya boleh mempunyai harta yang melimpah.²¹⁴ Allah ingin menguji mereka, maka sekali lagi Allah mengutus kepada mereka malaikat yang mendatangi masing-masing dari mereka dalam bentuk mereka sewaktu mereka masih sakit dan miskin.²¹⁵ Malaikat tersebut memohon bantuan dan pertolongan. Dua orang bersikap kikir, kufur terhadap nikmat Allah dan bakhil terhadap harta yang merupakan karunia Allah kepada mereka. Adapun orang ketiga, dia adalah orang yang bersyukur.

Sepertinya ketiga orang ini berasal dari satu bandar, dan masing-masing mengenal kedua kawannya yang lain. Hal ini berdasarkan kepada ucapan malaikat kepada orang buta yang lulus ujian, "Allah telah meridaimu dan memurkai kedua temanmu."²¹⁶

Tiga orang ini, adalah mewakili dua contoh yang berbeza, contoh orang yang bersyukur terhadap nikmat-nikmat Allah dan orang yang kufur kepada-Nya. Dengan syukur, maka nikmat akan tetap terus terjaga. Dengan kekufuran, maka nikmat akan lenyap dan hilang kembali kepada pemiliknya.

Sebagai *i'tibar* daripada kisah di atas, bahawa Allah akan selalu menguji hamba-hamba-Nya dengan segala ujian untuk melihat mana di antara hamba-hamba-Nya yang syukur dan mana pula yang kufur. Selain akan melihat siapa di antara hamba-hamba-Nya yang baik dan mana pula yang buruk.

Keutamaan bersyukur dalam kebahagiaan. Dan di antara bentuk syukur adalah mendermakan sebagian harta kepada yang berhak. Disebutkan juga akibat kufur nikmat.

²¹⁴ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 266.

²¹⁵ *Ibid*, j. 10, h. 269.

²¹⁶ *Ibid*, j. 10, h. 271.

Di antara bentuk kufur nikmat adalah bersifat dedekut dan kikir, tidak memberikan harta kepada fakir miskin yang berhak menerimanya.

Jika Allah memberkahi harta seseorang, maka ia akan tumbuh dan berkembang yang lebih banyak. Bahkan ianya menjadi harta yang melimpah ruah. Harta tiga orang yang diuji melimpah, padahal semuanya hanya berawal daripada satu dan kemudiannya berkembang menjadi banyak. Adapun harta yang melimpah boleh menjadi binasa dan lenyap dalam waktu yang singkat. Banyaknya harta bukan merupakan bukti kecintaan Allah SWT kepada seorang hamba. Akan tetapi Allah menguji hamba-hambanya dengan memberi mereka harta seperti tiga orang dalam hadith ini. Selain itu, Allah mampu menyembuhkan penyakit-penyakit yang sukar untuk disembuhkan seperti penyakit kusta, kebutakan, dan kebutaan, akan tetapi ia akan sembuh serta merta dengan izin Allah SWT.

4.2.5 Rasa malu

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مُوسَى كَانَ رَجُلًا حَيًّا سَتِيرًا لَا يُرَى مِنْ جِلْدِهِ شَيْءٌ اسْتَحْيَاءً مِنْهُ فَأَذَاهُ مَنْ آذَاهُ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ فَقَالُوا مَا يَسْتَتِرُ هَذَا التَّسْتُرُ إِلَّا مِنْ عَيْبٍ بِجِلْدِهِ إِمَّا بَرَصٌ وَإِمَّا أُدْرَةٌ وَإِمَّا آفَةٌ وَإِنَّ اللَّهَ أَرَادَ أَنْ يُبْرِئَهُ مِمَّا قَالُوا لِمُوسَى فَنَحَلَا يَوْمًا وَحَدَهُ فَوَضَعَ ثِيَابَهُ عَلَى الْحَجَرِ ثُمَّ اغْتَسَلَ فَلَمَّا فَرَّغَ أَقْبَلَ إِلَى ثِيَابِهِ لِيَأْخُذَهَا وَإِنَّ الْحَجَرَ عَدَا بِثَوْبِهِ فَأَخَذَ مُوسَى عَصَاهُ وَطَلَبَ الْحَجَرَ فَجَعَلَ يَقُولُ ثَوْبِي حَجَرٌ ثَوْبِي حَجَرٌ حَتَّى انْتَهَى إِلَى مَلَأٍ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ فَرَأَوْهُ عُرْيَانًا أَحْسَنَ مَا خَلَقَ اللَّهُ وَأَبْرَأَهُ مِمَّا يَقُولُونَ وَقَامَ الْحَجَرُ فَأَخَذَ ثَوْبَهُ فَلَبَسَهُ وَطَفِقَ بِالْحَجَرِ ضَرْبًا بِعَصَاهُ فَوَاللَّهِ إِنَّ بِالْحَجَرِ لَنَدْبًا مِنْ أَثَرِ ضَرْبِهِ ثَلَاثًا أَوْ أَرْبَعًا أَوْ خَمْسًا

فَذَلِكَ قَوْلُهُ { يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ آذَوْا مُوسَىٰ فَبَرَّاهُ اللَّهُ مِمَّا
 قَالُوا وَكَانَ عِنْدَ اللَّهِ وَجِيهًا }²¹⁷

Maksud hadith adalah:

Dari Abū Hurairah RA berkata, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Sesungguhnya Musa adalah seorang lelaki yang pemalu dan menutup diri. Kulitnya tidak terlihat sedikit pun kerana rasa malunya. Di kalangan Bani Isra’il terdapat orang-orang yang menyakitinya. Mereka berkata: Musa tidak tertutup seperti itu kecuali kerana cacat yang ada di kulitnya, boleh penyakit sopak, boleh kerana kedua buah kemaluannya besar atau penyakit lainnya.

Sesungguhnya Allah berkehendak untuk membebaskan Musa AS dari segala tuduhan yang dialamatkan kepadanya. Suatu hari Musa menyendiri. Dia melepas pakaiannya dan meletakkannya di atas sebuah batu, lalu dia mandi. Selesai mandi Musa menghampiri bajunya untuk mengambilnya dan memakainya, tetapi batu itu berlari membawa baju Musa. Maka Musa mengambil tongkatnya. Orang-orang melihat Musa telanjang dalam bentuk ciptaan Allah yang baik. Allah membebaskan Musa dari tuduhan yang mereka katakan. Batu itu berhenti, maka Musa mengambil bajunya dan memakainya. Musa mulai memukul batu itu dengan tongkatnya. Demi Allah, pukulan tongkat Musa itu meninggalkan bekas di batu itu sebanyak tiga atau empat atau lima, dan itulah firman Allah: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menjadi seperti orang yang menyakiti Musa. Maka Allah membersihkannya dari tuduhan-tuduhan yang mereka katakan, dan dia adalah seorang yang mempunyai kedudukan terhormat di sisi Allah. Surah al-Ahzāb (33) : 69

Nabi Musa AS sangat pemalu, dan malu adalah akhlak yang mulia. Rasulullah SAW lebih malu daripada perawan di khemahnya, dan beliau memuji rasa malu dalam sabdanya :

الْحَيَاءُ خَيْرٌ كُلِّهِ²¹⁸

Maksudnya adalah: Rasa malu itu semuanya baik.

²¹⁷ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā’il (1315), *op.cit*, hadith no. 3404, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā’*, j. 6, h. 436.

²¹⁸ Muslim, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Naisabūrī al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no. 54, j. 1, h. 143.

Kaum lelaki dalam kalangan Bani Isra'il dibolehkan mandi telanjang, sebahagian melihat kepada sebahagian yang lain. Akan tetapi Musa AS hanya akan mandi bersendirian, kerana rasa malunya yang besar. Dia tidak mau menampakkan kulit tubuhnya dan apalagi auratnya.²¹⁹

Mereka lalu menebar fitnah, tidak ada yang selamat dari fitnah orang-orang seperti ini, bahkan para Nabi dan Rasul sekalipun. Kata mereka bahawa sebab tertutupnya Musa dari mereka adalah adanya cacat di tubuhnya yang disembunyikannya, yang menurut orang menjijikkan atau cacat lain yang tidak ingin diketahui oleh orang lain.

Tuduhan ini sangat menyakitkan Nabi Musa AS, dan Allah tidak rela hal itu terjadi pada Rasul-Nya. Fitnah busuk seperti itu akan mengurangi kepercayaan kepada orang yang diangkat oleh Allah sebagai Rasul. Seorang Rasul di mata manusia haruslah tampil sebagai contoh sempurna tak ada yang menodainya. Tidak pada bentuk ciptaannya dan tidak pula pada perilakunya.²²⁰

Allah berkehendak membebaskan Musa AS daripada tuduhan dusta yang dialamatkan kepadanya oleh orang pendusta dan bodoh. Suatu hari Musa AS pergi mandi sendiri seperti biasanya. Musa meletakkan bajunya di atas batu. Ketika Musa selesai mandi, dan hendak mengambil bajunya, batu itu terbang membawa bajunya. Padahal batu itu tidak memiliki kemampuan untuk bergerak, apalagi terbang. Batu adalah benda mati tetapi Allah SWT membuatnya boleh terbang dengan cara yang tidak kita ketahui demi hikmah yang diinginkan-Nya, iaitu membebaskan Nabi Musa AS daripada fitnah buruk yang ditujukan kepadanya.

²¹⁹ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h.199.

²²⁰ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-'Ainī (tt), j. 9, h. 112.

Kejadian ini tiba-tiba berlaku mengejutkan Nabi Musa AS, maka dia berlari mengejar batu tersebut sambil memanggilnya: Bajuku, wahai batu. Bajuku wahai batu. Baju itu membawa pergi pakaian Musa, sebuah pemandangan yang unik. Musa seorang Nabi yang mulia, seorang pemalu yang terhormat berlari dengan telanjang mengejar batu yang membawa bajunya. Hingga ketika baju itu sampai di permukaan Bani Isra'el, mereka melihat Musa yang sihat dan sempurna, tanpa cacat sedikitpun. Hilanglah kebohongan yang dihembuskan oleh orang bodoh itu selama ini. Batu itu berhenti, Musa AS lalu mengambil pakaiannya dan memakainya. Musa mengambil tongkatnya, dan Dia memukul batu itu seperti orang yang sedang kesal dan marah terhadap seseorang yang durhaka, zalim lagi nakal.

Nabi Musa AS menyadari, bahawa yang dipukul adalah batu, tetapi ia telah melakukan suatu perbuatan yang tidak dilakukan oleh batu. Musa memukulnya dengan pukulan orang yang mendidik. Yang unik adalah, tongkat Musa AS yang terbuat daripada kayu boleh berbekas di batu yang keras tersebut. Terdapat bekas-bekas pukulan tongkat Musa AS di atas batu tersebut sebanyak pukulan yang diberikan oleh Nabi Musa. Biasanya tongkat akan kalah dengan batu, kerana batu lebih keras daripada kayu. Dan yang sering terjadi adalah tongkat akan patah jika dipukulkan ke batu. Akan tetapi, tongkat Nabi Musa bukan sembarang tongkat, ia diberi banyak kelebihan, salah satunya iaitu boleh meninggalkan bekas di batu sebanyak enam atau tujuh bekas pukulan.²²¹

Hal ini Allah SWT telah mengisyaratkan kejadian tersebut dalam kitab-Nya melalui firman-Nya:

²²¹ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 201.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ ءَادَوْا مُوسَىٰ فَبَرَّاهُ اللَّهُ مِمَّا
قَالُوا وَكَانَ عِنْدَ اللَّهِ وَجِيهًا ﴿٦٩﴾

Maksudnya :

Wahai orang yang beriman, janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi) yang telah mencaci Nabi Musa, lalu Allah membersihkannya daripada segala cacian yang mereka katakan; dan adalah dia seorang yang mulia di sisi Allah.

Surah al-Ahzāb (33) : 69

Allah telah melarang orang yang beriman untuk tidak mengikuti apa yang telah dilakukan oleh orang-orang Yahudi, diantaranya adalah mencaci dan mencela Nabi mereka.

Malu adalah sifat mulia, rasa malu itu semuanya baik. Nabi Musa AS sangat pemalu, dan Nabi SAW lebih malu daripada gadis dalam khemahnya. Besarnya rasa malu Nabi Musa AS, di antara tanda rasa malunya adalah dia menutupi auratnya dan jasadnya daripada manusia, walaupun syariatnya tidak melarang hal tersebut.

Para Nabi dan Rasul tidak lepas daripada gangguan orang jahil, terlebih orang-orang saleh, sehingga diperlukan kesabaran dan ketabahan untuk menghadapinya. Maka Allah SWT membebaskan Nabi Musa AS daripada tuduhan kaumnya yang menyakitkan perasaannya, Allah pemilik hikmah yang mendalam dan keputusan yang tidak tertolak. Para Nabi adalah orang yang sempurna ciptaan dan akhlaknya, kerana Allah SWT memilih orang terbaik dan terpilih untuk memikul risalah-Nya, selain bertanggung jawab dalam menunaikan amanah-Nya.

4.2.6 Tawaduk

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ حَدَّثَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَيْنَمَا رَجُلٌ
يَجُرُّ إِزَارَهُ مِنَ الْخِيَلَاءِ خُسْفَ بِهِ فَهُوَ يَتَجَلَّجَلُ فِي الْأَرْضِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ²²²

Maksud hadith adalah:

Dari ‘Abd Allah ibn Umar yang menyampaikan kepadanya bahawa Nabi SAW bersabda: Manakala seorang lelaki menarik kain sarungnya dengan kesombongan, dia dibenamkan. Maka dia tenggelam di dalam bumi sampai hari kiamat.

Kisah hadith yang disampaikan Nabi SAW tersebut adalah berkenaan dengan seorang lelaki dari kalangan umat terdahulu. Dia membanggakan dirinya, kemudian keluar berjalan dengan penuh kesombongan, berlenggok-lenggok dalam berjalan dan menyeret sarung di belakangnya, mengakibatkan Allah murka kepadanya. Maka Dia membenamkannya ke dalam tanah seperti Qārūn sebelumnya. Maka dia terbenam di dalamnya sampai hari kiamat.²²³

Keagungan dan kebesaran adalah milik Allah Yang Maha Esa, tidak tertandingi, menjadi tempat bergantung para makhluk, serta menguasai seluruh sifat kesempurnaan dan kemuliaan. Barangsiapa menyombongkan diri dan takabur, maka dia telah menentang Allah dalam satu dari sifat-sifat-Nya. Oleh kerana itu, dia berhak memperoleh azab di akhirat dan boleh pula azabnya disegerakan di dunia sebelum akhirat.²²⁴

²²² Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit*, hadith no. 3485, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā’*, j. 6, h. 515, hadith no. 5790, *Kitāb al-Libās, Bāb Jara Thaubah Min al-Khuyālā’*, j. 10, h. 258, hadith no 5789, *Kitāb al-Libās*, j. 10, h. 258.

²²³ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 16, h. 334.

²²⁴ Al-Rāzī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn ‘Umar ibn al-Hasan ibn al-Husen al-Tamīmī (tt), *op.cit*, j. 17, h. 196.

Orang yang sombong dan angkuh tidak berhak atas nikmat akhirat, kerana Allah SWT telah menyiapkan akhirat untuk orang-orang yang beriman dan bertaqwa kepada-Nya,²²⁵ seperti termaktub dalam firman-Nya:

تِلْكَ أَدَارُ الْأَخِرَةِ لِمَنْ لَا يُرِيدُونَ عُلوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا
فَسَادًا وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ

Maksudnya:

Negeri akhirat (yang telah diterangkan nikmat-nikmatnya) itu, Kami sediakan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.

Surah al-Qasas (28) : 83

Orang yang sombong adalah orang yang mahukan nama, kedudukan dan pangkat di muka bumi ini. Ketamakan mereka mengejar dan menjadikan perkara-perkara tersebut sebagai tujuan kehidupan, sehingga mendorong mereka untuk merusak pelbagai tanaman, haiwan, dan semua yang ada di muka bumi.

Ajaran-ajaran ilahiyah dalam jumlah yang banyak lagi melimpah, telah melarang kesombongan, takabur, dan keangkuhan. Luqman mewasiatkan kepada anaknya²²⁶ :

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ
لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

Maksudnya:

²²⁵ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit.*, j. 16, h. 336, dan al-Rāzī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn ‘Umar ibn al-Hasan ibn al-Husen al-Tamīmī (tt), *op.cit.*, j. 19, h. 294.

²²⁶ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit.*, j. 10, h. 225.

Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.

Surah Luqman (31) : 18

Wasiat Luqman dalam surat al-Isra' terdapat larangan berbuat sombong dan takabur²²⁷:

وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّكَ لَن تَخْرِقَ الْأَرْضَ وَلَن تَبْلُغَ
الْجِبَالَ طُولًا

Maksudnya :

Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi, dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-gunung.

Surah al-Isra (17) : 37

Ketika manusia hatinya kosong dari merasakan pencipta yang Maha Kuasa atas hamba-Nya, maka dia berlaku sombong dari apa yang didupatkannya samada daripada kekayaan, kekuasaan, kekuatan mahupun kecantikan. Akan tetapi jika selalu mengingat, bahawa nikmat yang ada padanya adalah daripada Allah SWT semata, maka dia akan merasa lemah di hadapan Rabbnya, selain dia akan terus berusaha menekan dan menghilangkan rasa sombong yang ada dalam hatinya, dan selalu berjalan di muka bumi ini dengan penuh tunduk dan tawadu'.

Menyemak kisah di atas, maka telah mengingatkan manusia, bahawa takabur dan kesombongan adalah dosa besar yang boleh mencelakakan pemiliknya di dunia mahupun di akhirat. Tidak boleh menyeret pakaian. Jika hal itu dilakukan tanpa

²²⁷ Sayyid Qutub (1400), *op.cit*, j. 5, h. 21

takabbur, maka ia haram atau makruh. Jika hal itu dilakukan dengan kesombongan maka ia dosa yang besar.

Imam al-Nawawi telah meringkas keterangan tentang *isbal*, yaitu melebihi pakaian di bawah mata kaki. Beliau berkata, "Tidak boleh memanjangkan kain di bawah mata kaki jika untuk kesombongan. Jika bukan untuk itu, maka ia makruh. Zahir hadits mengikat *isbal* dengan tujuan kesombongan. Ini menunjukkan bahawa hukumnya haram hanya khusus untuk kesombongan. Begitulah nas Syafi'i berpijak pada pembezaan seperti yang kami sebutkan. Para ulama telah berijma' dibolehkannya *isbal* bagi wanita."²²⁸ Sebahagian dosa hukumannya disegerakan di dunia sebelum akhirat, sebagaimana orang sombong ini yang dibenamkan oleh Allah ke bumi hingga hari kiamat.

4.2.7 Menerima taqdir

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَالَ قَالَ
رَجُلٌ لَأَتَصَدَّقَنَّ بِصَدَقَةٍ فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ فَوَضَعَهَا فِي يَدِ سَارِقٍ فَأَصْبَحُوا
يَتَحَدَّثُونَ تُصَدِّقَ عَلَى سَارِقٍ فَقَالَ اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ لَأَتَصَدَّقَنَّ بِصَدَقَةٍ فَخَرَجَ
بِصَدَقَتِهِ فَوَضَعَهَا فِي يَدِي زَانِيَةً فَأَصْبَحُوا يَتَحَدَّثُونَ تُصَدِّقَ اللَّيْلَةَ عَلَى زَانِيَةٍ
فَقَالَ اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ عَلَى زَانِيَةٍ لَأَتَصَدَّقَنَّ بِصَدَقَةٍ فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ فَوَضَعَهَا
فِي يَدِي غَنِيٍّ فَأَصْبَحُوا يَتَحَدَّثُونَ تُصَدِّقَ عَلَى غَنِيٍّ فَقَالَ اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ
عَلَى سَارِقٍ وَعَلَى زَانِيَةٍ وَعَلَى غَنِيٍّ فَأُتِيَ فَقِيلَ لَهُ أَمَّا صَدَقَتُكَ عَلَى سَارِقٍ
فَلَعَلَّهُ أَنْ يَسْتَعِفَّ عَنْ سَرِقَتِهِ وَأَمَّا الزَّانِيَةُ فَلَعَلَّهَا أَنْ تَسْتَعِفَّ عَنْ زَانِهَا وَأَمَّا
الْغَنِيُّ فَلَعَلَّهُ يَعْتَبِرُ فَيَنْفِقُ مِمَّا أَعْطَاهُ اللَّهُ²²⁹

²²⁸ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Yahyā ibn Sharaf al-Haurānī al-Syāfi'i (1995), *op.cit.*, j 14, h. 250.

²²⁹ Al-Bukhārī, Abū Abd Allah Muhammad ibn Ismā'īl (1315), *op.cit.*, hadith no. 1421, *Kitāb al-Zakah, Bāb Idhā Tasadaq 'Alā Ghinā wahuwa lā ya 'lam*, j. 3, h. 290.

Maksud hadits adalah:

Diriwayatkan daripada Abū Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Seorang lelaki berkata: Sungguh aku akan bersedekah. Lalu dia pergi membawa sedekahnya. Dia meletakkannya di tangan pencuri. Di pagi hari orang-orang membicarakannya: Seorang pencuri diberi sedekah.

Dia berkata: Ya Allah, bagi-Mu segala puji. Sungguh aku akan bersedekah. Lalu dia pergi membawa sedekahnya dan meletakkannya di tangan wanita pezina. Di pagi hari orang-orang membicarakan: Malam ini seorang pezina diberi sedekah. Dia berkata: Ya Allah, bagi-Mu segala puji. Sedekahku jatuh di tangan wanita pezina. Sungguh aku akan bersedekah.

Lalu dia pergi membawa sedekahnya dan dia meletakkannya di tangan orang kaya. Di pagi hari orang-orang membicarakannya: Seorang kaya di beri sedekah. Dia berkata: Ya Allah, bagi-Mu segala puji. Kepada pencuri, wanita pezina, dan orang kaya. Lalu dia didatangi dalam mimpi, dan dikatakan kepadanya: Adapun sedekahmu kepada pencuri, semoga itu membuatnya insyaf dari mencuri. Adapun wanita pezina, semoga itu membuatnya sadar dari zinanya. Adapun orang kaya, maka semoga dia mengambil pelajaran dan dia berinfak dari apa yang Allah berikan kepadanya.

Rasulullah SAW menceritakan seorang lelaki yang ingin bersedekah secara diam-diam, yang tahu hanyalah Allah yang Maha Mengetahui perkara ghaib. Sedekah secara rahasia memadamkan kemarahan Tuhan.²³⁰ Dan sedekah rahasia lebih baik daripada sedekah secara terbuka.²³¹

Di tengah malam lelaki tersebut keluar mencari orang yang berhak menerima sedekahnya. Dia bertemu dengan seorang lelaki yang dikira orang miskin, harta yang ingin disedekahkan diberikan kepadanya, padahal lelaki itu adalah pencuri. Di pagi hari di pasar dan di perkumpulan, orang-orang membicarakan pelaku sedekah yang memberikan hartanya di tangan pencuri.

²³⁰ Ibn Baṭāl, Abū al-Hasan ‘Alī ibn Khalaf ibn Baṭāl al-Qurtubī (tt), *Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kaheerah: Dār Ihyā’ al-Kutūb al-‘Arabiyah, j. 19, h. 144.

²³¹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit*, j. 5, h. 236.

Pencuri itu menyampaikan apa yang terjadi padanya. Berita seperti ini ditayangkan di masyarakat dalam skala kecil, ianya beredar dengan sangat pantas. Berita itu didengar oleh pelaku dari orang-orang yang membicarakannya, sementara mereka tidak mengetahui pelakunya. Dia bersedih dan gelisah, kesedihannya dan kegelisahannya dia ungkapkan melalui ucapannya: Ya Allah bagi-Mu segala puji, kepada pencuri.

Lelaki itu bertekad mengulangnya di malam berikutnya, kerana dia mengira bahawa sedekahnya telah hilang seperti debu ditiup angin, kerana tidak tepat sasaran menurut Tuhannya. Setelah malam menutupinya dengan kegelapan, dia keluar dengan sedekahnya. Diberikannya kepada seorang wanita yang dikira miskin ternyata dia adalah wanita pezina. Wanita ini bercerita seperti pencuri bercerita, sehingga beritanya tersebar luas. Pelakunya mendengar hal tersebut, kesedihan dan kegelisahannya bertumpuk, dia mengulangi ucapannya yang kelmarin: Ya Allah bagi-Mu segala puji, kepada wanita pezina.

Demi mencari pahala dia bertekad untuk bersedekah untuk kali ketiga. Pada malam ketiga sedekahnya jatuh di tangan orang kaya. Mampu dibayangkan kesedihan lelaki ini yang tidak pernah tepat dalam urusan yang diinginkannya sebanyak tiga kali. Dia mengadu kepada Tuhannya dengan penuh kepedihan: Ya Allah bagi-Mu segala puji. Kepada pencuri pezina dan orang kaya.

Lelaki ini tidak mengetahui bahawa Allah SWT menulis pahalanya. Orang yang menginfakkan hartanya demi mencari pahala Allah, Allah akan memberinya pahala walaupun si penerima tidak berhak untuk menerimanya.

Akan tetapi ternyata di dalam mimpinya dia mendapat kabar gembira, bahawa Allah SWT menerima sedekahnya dan akan membalasnya dengan pahala. Dia diberitahu hikmah besar di balik sedekah kepada tiga orang tersebut. Semoga pencuri itu sedar akan kesalahannya lalu dia tidak mencuri. Semoga wanita pezina itu menjaga dirinya dari zina dengan harta itu dan semoga si kaya ini terdorong untuk berinfak meneladani lelaki ini yang bersedekah di kegelapan malam, agar tidak diketahui oleh orang lain demi mencari pahala dari Tuhan manusia.²³²

Dalam hadith disebutkan bahawa sedekah diterima walaupun ianya jatuh ke tangan orang yang tidak diinginkan oleh pelaku sedekah. Imam Muslim meriwayatkan dalam *Kitāb Ṣaḥīḥnya*, bahawa Yazīd bin al-Akhnas memberikan dinar-dinarnya kepada seseorang di masjid, dia mempercayakan pembahagiannya kepada yang berhak menerima, lalu anaknya Ma‘an bin Yazīd datang dan mengambilnya, sementara dia tidak mengetahui bahawa sumbernya adalah bapanya, dia membawanya kepada bapanya, tentu sahaja bapanya menolak menerima, dia berkata: Demi Allah kamu bukanlah yang aku inginkan. Maka anaknya mengadu kepada Rasulullah SAW. Maka Rasulullah memberikan fatwa dan keputusannya: Bagimu apa yang kamu niatkan wahai Yazīd dan bagimu apa yang kamu ambil wahai Ma‘an.²³³

Berdasarkan daripada kisah ini, Nabi SAW mengingatkan umatnya mengenai keutamaan menerima qada dan qadar Allah SWT. Manakala Allah mentakdirkan sedekah lelaki ini salah sasaran dan tidak sampai ke tangan fakir miskin sebagai asnaf yang berhak menerimanya, akan tetapi ianya tetap menerima keputusan Allah dengan rida, maka Allah SWT senantiasa tetap memberinya balasan kebaikan.

²³² Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 5, h. 18.

²³³ Muslim, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Naisabūrī al-Qushairī(tt), *op.cit*, hadith no. 1422, j. 3, h. 291.

Betapa luasnya rahmat Allah SWT, dalam menerima sedekah walaupun jatuh ke tangan orang yang tidak berhak menerimanya. Kadangkala perbuatan seseorang yang telah memberi diberikan kesan baik, yang sebenarnya dia tidak menginginkannya, akan tetapi Allah yang memberinya pahala kerana balasan daripada niat kebajikannya.

4.2.8 Takut kepada Allah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَالَ رَجُلٌ لَمْ يَعْمَلْ خَيْرًا قَطُّ فَإِذَا مَاتَ فَحَرَّقُوهُ وَأَذَرُوا نَصْفَهُ فِي الْبَرِّ وَنَصْفَهُ فِي الْبَحْرِ فَوَاللَّهِ لَئِنْ قَدَرَ اللَّهُ عَلَيْهِ لَيُعَذِّبُهُ عَذَابًا لَا يُعَذِّبُهُ أَحَدًا مِنَ الْعَالَمِينَ فَأَمَرَ اللَّهُ الْبَحْرَ فَجَمَعَ مَا فِيهِ وَأَمَرَ الْبَرَّ فَجَمَعَ مَا فِيهِ ثُمَّ قَالَ لِمَ فَعَلْتَ قَالَ مِنْ خَشْيَتِكَ وَأَنْتَ أَعْلَمُ فَغَفَرَ لَهُ²³⁴

Maksud hadith adalah:

Hadith diriwayatkan dari Abu Hurairah RA.: Bahawa Rasulullah SAW, bersabda: Seorang lelaki yang belum pernah berbuat kebaikan apapun berpesan kepada keluarganya. Jika dia mati, maka hendaklah mereka membakarnya lalu separuh abunya ditebar di daratan dan separuh lagi di lautan. Demi Allah, jika Allah mampu mengembalikannya, niscaya dia akan menyiksanya dengan siksaan yang tidak pernah ditimpakan kepada siapapun di dunia.

Ketika lelaki itu mati, mereka melakukan apa yang dipesankannya. Lalu Allah memerintahkan daratan agar mengumpulkannya dan memerintahkan lautan agar mengumpulkannya pula. Kemudian Allah bertanya: Mengapa kamu melakukan itu? Dia menjawab: Kerana takut kepada-Mu ya Rabbi, dan Engkau lebih mengetahuinya. Maka Allah mengampuninya.

²³⁴ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘il (1315), *op.cit.*, hadith no. 3452, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā’*, *Bāb Mā Dhakar ‘An Banī Isrā’īl*, j. 6, h. 494, hadith no. 3479, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā’*, *Bāb Mā zakar ‘An Banī Isrā’īl*, j. 6, h. 514, hadith no. 6480, *Kitāb al-Riqāq*, *Bāb al-Khauf min Allāh*, j. 11, h. 312.

Riwayat hadith lain dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

Huraian dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* sebahagian riwayat hadith, terdapat keterangan bahawa lelaki ini memiliki harta dan anak-anak.²³⁵ Dalam sebahagian riwayat dijelaskan pula bahawa lelaki tersebut mengucapkan ucapan itu ketika ajal mendatangnya, dan dia berlebih-lebihan pada dirinya sendiri, yakni berlebih-lebihan dalam dosa dan maksiat,²³⁶ sedangkan dia tidak pernah menjalankan kebaikan apapun. Qatādah menafsirkannya, "Yakni, belum menyimpan kebaikan apapun di sisi Allah".²³⁷

Orang tersebut dalam riwayat yang lain, disebutkan agar anak-anaknya membakarnya, kemudian menebarkan setengah abunya di daratan dan setengahnya lagi di lautan.²³⁸ Dia memerintahkan agar menaburkannya di laut pada masa angin bertiup pantas.²³⁹

Diriwayatkan dalam sebuah riwayat bahawa dia mengugut anak-anaknya jika mereka tidak melaksanakan pesannya, ia akan memberikan harta warisan kepada orang lain.²⁴⁰ Huraian dalam riwayat lain dijelaskan bahawa dia menerangkan apa yang harus mereka lakukan kepada dirinya jika telah mati, untuk mengumpulkan kayu bakar yang banyak lalu nyalakan api, jika api itu telah memakan daging dan tulangnya, maka lalu ditumbuk, kemudian ditebarkan di lautan pada hari yang panas atau pada hari dimana berhembus angin yang sangat pantas.²⁴¹

²³⁵ *Ibid*, hadith no. 3219, *Kitāb Hadīth al-Ghār*, j. 6, h. 514, hadith no. 6954, j. 13, h. 466, j. 11, h. 312.

²³⁶ *Ibid*, hadith no. 3220, *Kitāb Hadīth al-Ghār*, j. 13, h. 466, hadith no. 3222, j. 6, h. 514 .

²³⁷ *Ibid*, hadith no. 6952, *Kitāb Hadīth al-Ghār*, j. 13, h. 466, hadith no. 6000, *Kitāb al-Khauf min Allah*, j. 13, h. 466.

²³⁸ *Ibid*, hadith no. 6952, j. 4, h. 2110.

²³⁹ *Ibid*, hadith no. 3219, j. 6, h. 514, dan j. 11, h. 312.

²⁴⁰ Muslim, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Naisabūrī al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no. 4952, j. 4, h. 2111.

²⁴¹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 3220, j. 6, h. 514, hadith no. 6954, j. 13, h. 467.

Sebahagian riwayat lagi menjelaskan alasan dan tujuan pembakaran dirinya, dan penaburan abunya adalah kerana ingin lari daripada azab Allah SWT.²⁴² Lalu Allah memerintahkan kepada laut untuk mengumpulkan apa yang ada daripadanya dan selanjutnya memerintahkan kepada daratan untuk mengumpulkan apa yang ada padanya.²⁴³

Kisah dalam hadith ini adalah menunjukkan seseorang lelaki yang telah diberikan kenikmatan di dunia dengan harta yang banyak, diberikan rezeki berupa anak-anak, namun dia tidak bersyukur atas nikmat yang telah diberikan, bahkan dia hidup penuh dosa dan maksiat sepanjang hidupnya. Apabila sudah hampir sampai ajalnya, dia merasakan bahawa dirinya tidak akan mendapatkan rahmat dan belas kasihan Allah SWT. Di samping itu, dia juga berasa takut dengan azab Allah di dalam kubur, selain takut azab pada hari kiamat kelak akibat dosa yang dilakukannya selama ini. Oleh sebab itu, hal ini mendorongnya berwasiat seperti yang diceritakan dalam hadith tersebut. Dia menyangka dengan berbuat begitu, Allah SWT tidak akan dapat menyoal dan mengazabnya di dalam kubur serta pada hari akhirat kelak.

Walaupun demikian keadaannya, Allah SWT mampu membangkitkan dan menghidupkannya kembali seperti sediakala. Allah SWT mampu mengumpulkan mereka daripada perut-perut ikan, burung, dan binatang buas sekalipun.²⁴⁴ Seperti dalam firman Allah dalam al-Qur'an:

²⁴² *Ibid*, hadith no. 3222, j. 6, h. 515.

²⁴³ *Ibid*, hadith no. 4949, j. 11, h. 466.

²⁴⁴ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 273.

إِنَّ كُلُّ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا آتَى الرَّحْمَنِ عَبْدًا
 لَقَدْ أَحْصَاهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا ۖ وَكُلُّهُمْ آتِيهِ يَوْمَ
 الْقِيَامَةِ فَرْدًا ۗ

Maksudnya :

Tidak ada sesiapa pun di langit dan di bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) al-Rahman, sebagai hamba. Demi sesungguhnya! Allah telah mengira mereka (dengan pengetahuanNya) serta menghitung

mereka satu persatu, dan mereka masing-masing akan datang mengadapnya pada hari kiamat dengan seorang diri.

Surah Maryam (19) : 93-95

Setiap orang yang telah meninggal dunia pasti akan melalui proses-proses yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Tidak kira sama ada seseorang itu mati di daratan mahupun di lautan, berkubur atau tidak, bahkan di dalam perut binatang sekalipun, dia tetap akan dipertanggung jawabkan ke atas apa yang pernah dilakukannya. Dia sama sekali tidak akan dapat lari atau terlepas daripada menerima balasan yang telah di tentukan oleh Allah SWT kepadanya.

Adapun masalah takut kepada Allah SWT adalah termasuk darjat tertinggi bagi orang saleh. Kerana dengannya Allah banyak mengampuni dosa para hamba-Nya.²⁴⁵ Allah telah mengampuni dosa-dosa besar lelaki ini, kerana terdapat dalam hatinya rasa takut kepada Tuhannya. Allah mengampuni seseorang kerana ketidaktahuannya,²⁴⁶ dan

²⁴⁵ Al-Ashqār, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allah (tt), *op.cit.*, h. 234.

²⁴⁶ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Aīnī (tt), j. 8, h. 122.

Allah Maha Kuasa untuk membangkitkan dan menghidupkan kembali siapa yang dikehendaki-Nya.²⁴⁷

Rasa takutkan Allah SWT, dapat menolong seseorang dengan limpahan ihsan-Nya pada hari akhirat kelak, meskipun seseorang itu banyak melakukan dosa serta tidak mempunyai amalan kebaikan selama di dunia.²⁴⁸

Seperti kisah dalam hadith ini, sekalipun sepanjang hidupnya dia bergelumang dengan dosa, namun dalam hatinya masih ada tersimpan perasaan takut kepada Allah, akhirnya dia berjaya mendapat keampunan daripada Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, bahkan dia akhirnya dimasukkan ke dalam syurga Allah SWT dengan penuh limpah kurnia-Nya.

Adapun pengajaran daripada hadith ini, dapatlah direnungkan bahawa rahmat Allah SWT amat luas buat hamba-hamba-Nya. Ia diibaratkan samudera lautan yang tiada bertepi. Begitu juga halnya dengan keampunan dan rahmat Allah SWT. Meskipun dosa-dosa hamba-Nya seperti buih di lautan sekalipun, Dia pasti akan diampuni bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Maha Suci Allah, Maha Pengampun lagi Maha Melihat.

4.2.9 Keutamaan taubat

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ حَدِيثَيْنِ أَحَدُهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَالْآخَرَ عَنْ نَفْسِهِ قَالَ لِلَّهِ أَفْرَحُ بِتَوْبَةِ عَبْدِهِ مِنْ رَجُلٍ نَزَلَ مَنْزِلًا وَبِهِ مَهْلَكَةٌ
وَمَعَهُ رَاحِلَتُهُ عَلَيْهَا طَعَامُهُ وَشَرَابُهُ فَوَضَعَ رَأْسَهُ فَنَامَ نَوْمَةً فَاسْتَيْقَظَ وَقَدْ ذَهَبَتْ

²⁴⁷ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 275.

²⁴⁸ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), j. 8, h. 122.

رَاحِلْتُهُ حَتَّى إِذَا اشْتَدَّ عَلَيْهِ الْحَرُّ وَالْعَطَشُ أَوْ مَا شَاءَ اللَّهُ قَالَ أَرْجِعْ إِلَيَّ
مَكَانِي فَرَجَعَ فَنَامَ نَوْمَةً ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ فَإِذَا رَاحِلْتُهُ عِنْدَهُ²⁴⁹

Maksud hadith adalah :

Di riwayatkan daripada ‘Abd Allah ibn Mas‘ūd RA, Rasulullah SAW bersabda: Sungguh, Allah lebih berbahagia dengan taubat hamba-Nya daripada seorang lelaki yang membawa makanan dan minumannya di atas punggung onta, kemudian dia berjalan. Sesampainya di daerah yang sunyi, dia turun di suatu tempat untuk beristirahat, dan tertidur. Dia terbangun dan telah pergi ontanya. Hingga panas menyengat, dan dia merasa haus sekali, Dia kembali mendatangi tempat di mana dia beristirahat siang, dan tidur kembali, ketika terbangun, tiba-tiba ontanya telah berada di sisinya.

Kisah ini adalah menggambarkan seorang lelaki di mana Rasulullah SAW menjadikannya sebagai perumpamaan terhadap kebahagiaan Tuhan dengan taubat hamba-Nya. Kisah lelaki ini terjadi ketika dia melakukan perjalanan sendirian dengan bekal makanan dan minuman di atas punggung ontanya. Dia berangkat membelah daratan untuk sampai ke tempat tujuannya. Lelaki ini membawa bekal makanan dan air yang cukup untuk perjalanan selama dia harus membelah daratan maupun lautan. Hadith-hadith menerangkan bahawa daratan ini adalah daratan yang sunyi, tanpa tumbuh-tumbuhan, sunyi dan mencelakakan, kerana tidak terdapat air dan makanan.

Pada masa tengah hari, lelaki musafir ini melihat sebatang pokok di daratan itu. Dia sangat lelah, dia pun turun dan beristirahat di bawahnya, dan tertidur. Ketika bangun dia tidak melihat ontanya, dia amat terkejut, kerana hilangnya onta di daratan seperti ini berarti mati. Oleh kerana itu, dia berlari ke sana kemari untuk mencarinya, tetapi tidak menemukannya.

²⁴⁹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 6308, *Kitāb al-Da‘wat, Bāb al-Taubah*, j. 11, h. 103.

Selepas itu, lelaki ini kembali ke tempatnya semula dalam keadaan kelelahan dan kehausan. Memandangkan lelah yang sangat sehinggalah ia pun tertidur. Ketika terbangun, dia menemukan ontanya sudah kembali di depan matanya. Dia sangatlah bahagia dengan kebahagiaan tidak terkira, seperti orang yang selamat daripada kematian.²⁵⁰

Rasulullah SAW telah menyampaikan kepada umatnya, bahawa Allah SWT lebih berbahagia dengan taubatnya seorang hamba daripada orang yang menemukan kembali ontanya di daratan yang mematikan tersebut, seperti yang telah dijelaskan oleh Baginda SAW tersebut. Menetapkan sifat *farah* (berbahagia) bagi Allah SWT. Bahagianya Allah adalah sifat yang sesuai dengan keagungan dan kesempurnaan-Nya, tidak boleh disamakan dengan kebahagiaannya sebagai makhluk.²⁵¹

Melalui kisah ini, Rasulullah SAW juga mengingatkan akan keutamaan bertaubat. Taubat menjadikan Allah SWT *reḍā* kepada hamba-hamba-Nya. Allah lebih berbahagia dengan taubatnya seorang hamba daripada lelaki yang menemukan ontanya di daratan yang mematikan tersebut.

4.2.10 Hijrah meninggalkan maksiat

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
كَانَ فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ رَجُلٌ قَتَلَ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ إِنْسَانًا ثُمَّ خَرَجَ يَسْأَلُ فَأَتَى
رَاهِبًا فَسَأَلَهُ فَقَالَ لَهُ هَلْ مِنْ تَوْبَةٍ قَالَ لَا فَقَتَلَهُ فَجَعَلَ يَسْأَلُ فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ
أَنْتَ قَرِيَةٌ كَذَا وَكَذَا فَأَدْرَكَهُ الْمَوْتُ فَنَاءَ بِصَدْرِهِ نَحْوَهَا فَاخْتَصَمَتْ فِيهِ

²⁵⁰ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit.*, j. 18, h. 64, dan Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), j. 10, h. 23.

²⁵¹ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit.*, j. 18, h. 67.

مَلَائِكَةُ الرَّحْمَةِ وَمَلَائِكَةُ الْعَذَابِ فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَى هَذِهِ أَنْ تَقْرَبِي وَأَوْحَى اللَّهُ
 إِلَى هَذِهِ أَنْ تَبَاعَدِي وَقَالَ قَيْسُوا مَا بَيْنَهُمَا فَوُجِدَ إِلَى هَذِهِ أَقْرَبَ بِشَبْرٍ فَغُفِرَ
 لَهُ²⁵²

Maksud hadits adalah:

Dari Abū Sa‘id al-Khudrī dari Nabi SAW bahawa beliau bersabda: Pada Bani Isra’il terdapat seorang lelaki yang telah membunuh seratus orang. Lalu dia pergi bertanya dengan mendatangi seorang rahib. Dia bertanya: Adakah taubat untukku? Dia menjawab: Tidak ada. Maka dia membunuhnya.

Dia bertanya-tanya, lalu seorang lelaki berkata kepadanya: Datanglah ke kampung ini dan ini. Saat dalam perjalanan itulah dia dijemput oleh maut. Maka malaikat rahmat dan malaikat azab berselisih. Maka Allah mewahyukan kepada ini: Mendekatlah. Allah mewahyukan kepada ini: Menjauhlah. Lalu berkata: Ukurlah antara keduanya. Maka dia lebih dekat kepada ini (kampung yang dituju) satu jengkal, dan dia diampuni.

Melalui kisah ini, telah membuka peluang pintu harapan bagi setiap pendosa, seberapapun besar dosa dan kejahatannya. Kisah seorang lelaki yang tenggelam dalam dosa dan kemaksiatan. Rasulullah SAW menyampaikan bahawa lelaki ini membunuh 100 (seratus) orang. Akan tetapi, dosa-dosa ini belum melenyapkan seluruh benih dan bakal kebaikan dalam dirinya. Masih tersisa di relung hatinya secercah cahaya, setitik rasa takut kepada Tuhannya. Mungkin dia bertanya-tanya antara diri dan jiwanya, apakah hubungan dengan Tuhannya telah terputus, sehingga tidak mungkin lagi dia mendapatkan jalan yang membolehkan ia kembali kepada-Nya, atukah di sana masih terdapat harapan dimana posisi dirinya masih dapat kembali kepada Tuhannya jika Dia menghendakinya?.

²⁵² Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 3470, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā’*, j. 6, h. 512.

Semua pertanyaan ini, dia tidak mampu untuk memberikan jawapan dari dirinya sendiri. Dia keluar dari rumah untuk mencari seorang alim yang boleh memberinya fatwa dan jawapan pertanyaannya. Dia menyedari bahawa persoalannya sangatlah kompleks. Hanya orang dengan ilmu besar yang boleh mengatasinya, sehingga dia tidak bertanya tentang orang alim, tetapi orang yang paling alim.

Orang yang ditanya pertama kali tidak mampu menunjukkan penduduk bumi paling alim, dia hanya boleh menunjukkan seorang rahib. Lelaki ini mendatangi rahib tersebut, lalu rahib itu menyemak persoalannya. Dia merasa dosa orang ini sangat besar, dia mengira rahmat Allah SWT tidak cukup untuk menaunginya. Bagi orang seperti lelaki ini, rahmat Allah tidak cukup untuk meliputinya. Manakala rahib tersebut menjawab bahawa pintu taubat telah tertutup dan rahmat Allah SWT tidak dapat menaunginya, lelaki ini pun bertambah marah dan bahkan rahib tersebut menjadi pelengkap korban yang tewas keseratus.²⁵³

Lelaki ini telah membunuh rahib tersebut, kerana ia tetap tidak berpuas hati dengan jawapannya. Harapan kepada Allah baginya sangatlah besar, dia memerlukan penegasan dan seseorang yang dapat menunjukkan kebenaran. Sekali lagi dia mencari seorang alim yang kepadanya dia mengadukan masalahnya. Ditunjukkan kepada seorang alim tentang Allah. Ketika diluahkan isi hatinya, maka orang alim ini berkata dengan penuh kehairanan kepada lelaki tersebut: Siapa yang menghalangi dirimu daripada taubat? Sesungguhnya rahmat Allah SWT itu luas, sebesar dan sebanyak apa pun dosa itu, ia tetap ada harapan daripada Allah SWT.

²⁵³ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 273.

Lelaki alim ini tidak sekadar menjawab bahawa pintu taubat masih terbuka luas. Lebih daripada itu, dia menunjukkan jalan yang harus dilaluinya. Orang yang tenggelam dalam dosa-dosa harus merubah jalan hidupnya, dengan meninggalkan orang sesat yang bergaul dengannya dan hidup bersama mereka, mesti meninggalkan apa-apa yang ada pada dirinya selama ini, dan mesti berpindah ke lingkungan yang baik dan mendukungnya kepada kebaikan, sekaligus berusaha terus menjauhi kemungkaran.²⁵⁴

Lelaki alim tersebut telah memerintahkan lelaki yang ingin taubat ini agar meninggalkan kampungnya, kerana ia adalah tempat yang buruk, lalu berhijrah ke tempat lain yang telah ditentukan untuknya, kerana di sana terdapat orang-orang yang beribadah kepada Allah SWT. Maka, di sanalah dia dapat bergaul bersama mereka yang baik-baik dan bahkan dapat beribadah kepada Allah bersama-sama dengan mereka.

Lelaki ini pula tidak menyia-nyiakan masanya yang tersisa. Dia pergi ke kampung yang telah ditunjukkan oleh orang alim itu, demi mencari lembaran hidup yang baru. Kehidupan yang bersih, baik, telus dan lurus, agar boleh menyuci jiwa yang kotor oleh dosa-dosa, lalu dapat menghidupkannya kembali dengan sentuhan iman dan taqwa.

Ketika lelaki ini tiba di pertengahan jalan ajalnya datang, dimana kematian telah menjemputnya. Kerana kuatnya keinginannya untuk bertaubat, pada masa naza' terakhir, lelaki tersebut menghadapkan dadanya ke arah kampung yang baik sebagai tempat yang akan ditujunya. Dia mati dalam keadaan ingin kembali kepada Allah SWT, pergi ke kampung yang baik untuk beribadah kepada-Nya, meninggalkan seluruh

²⁵⁴ *Ibid*, j. 10, h. 275.

hidupnya yang sarat dengan dosa dan kejahatan di belakangnya.²⁵⁵ Selanjutnya, bagaimana akhirnya? tempat apa yang diraih di sisi Tuhannya?

Rasulullah SAW memberitakan kepada umatnya bahawa malaikat rahmat dan malaikat azab berselisih pendapat mengenainya. Masing-masing ingin menangani dan mengurus perkaranya. Mereka berkata: Orang ini telah membunuh seratus nyawa. Sementara yang lainnya berkata: Dia telah bertaubat dan kembali kepada Allah. Dia datang menghadap.

Maka Allah SWT mengutus untuk mereka berdua Malaikat dalam wujud seorang manusia dan memerintahkan mereka agar mengukur jarak antara kedua kampungnya, kampung kerusakan dan kezaliman dengan kampung orang-orang yang baik lagi terpilih, lalu Allah SWT memerintahkan tempat yang baik untuk mendekat dan tempat yang berpenduduk zalim agar menjauh, maka mereka mendapatinya lebih dekat satu jengkal kepada kampung orang baik. Mungkin satu jengkal hasil daripada usaha mendorong dadanya pada masa dia masih dalam keadaan nazak, maka Malaikat rahmat mengurusinya dan dosa-dosanya yang teramat besarpun telah diampuni,²⁵⁶ Allah berfirman dalam al-Qur'an:

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa;

²⁵⁵ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-'Ainī (tt), j. 10, h. 216, dan al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā Yahyā ibn Sharaf (tt), *op.cit*, h. 15.

²⁵⁶ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 276.

sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah al-Zumar (39) : 53

Lelaki ini tenggelam ke dalam dosa. Dia telah membunuh seratus orang. Membunuh adalah perkara besar di sisi Allah SWT, dosa besar di sisi-Nya. Akan tetapi, tidak ada dosa yang pelakunya tidak terampuni oleh rahmat Allah SWT. Allah mengampuni seluruh dosa kecil mahupun besar, selama seorang hamba mau kembali dan bertaubat kepada-Nya. Manakala lelaki yang bermandikan darah seratus orang ini telah mengetuk pintu Tuhannya dengan benar, dia kembali kepada-Nya dengan penuh taubat. Maka Allah SWT mengampuni dan menyayanginya.

Berdasarkan kisah ini, mengingatkan manusia betapa luasnya rahmat Allah SWT dengan diampuninya orang yang bertaubat, walaupun dosa-dosa mereka besar dan kesalahan-kesalahan merekapun banyak. Oleh kerana itu, orang yang berputus asa kepada Allah adalah orang yang tidak mengetahui tentang Allah, dan tidak mengenal luasnya rahmat Allah SWT.

Semua dosa selain syirik mungkin akan diampuni, jika Allah berkehendak, maka Allah mengazab pelakunya. Dan jika Allah berkehendak maka Allah SWT juga akan mengampuni pelakunya.²⁵⁷

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ ۖ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ^ج

وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

Maksudnya :

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apapun jua), dan akan

²⁵⁷ Al-Ashqār, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allah (tt), *op.cit*, h. 250.

mengampunkan dosa yang lain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.

Surah al-Nisa (4) : 48

Oleh kerana itu, hendaknya seorang alim dapat membimbing orang yang bertaubat kepada amalan-amalan yang boleh memantapkan iman di hati dan jiwanya, agar dapat membebaskan mereka daripada keburukan yang mereka lakukan.

4.3 Penerapan Akhlak kepada Manusia

Adapun penerapan akhlak yang dilakukan oleh seorang manusia, dapat dipaparkan huraian dan contohnya dalam perbincangan berikut ini:

4.3.1 Bersegera dalam memenuhi panggilan ibu bapa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ رَجُلٌ فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ يُقَالُ لَهُ جَرِيحٌ يُصَلِّي فَجَاءَتْهُ أُمُّهُ فَدَعَتْهُ فَأَبَى أَنْ يُجِيبَهَا فَقَالَ أُجِيبَهَا أَوْ أُصَلِّي ثُمَّ أَتَتْهُ فَقَالَتْ اللَّهُمَّ لَا تُمِتَّهُ حَتَّى تُرِيَهُ وَجُوهَ الْمُؤْمِسَاتِ وَكَانَ جَرِيحٌ فِي صَوْمَعَتِهِ فَقَالَتْ امْرَأَةٌ لَأَفْتِنَنَّ جَرِيحًا فَتَعَرَّضَتْ لَهُ فَكَلَّمَتْهُ فَأَبَى فَأَتَتْ رَاعِيًا فَأَمَّا كُنْتُهُ مِنْ نَفْسِهَا فَوَلَدَتْ غُلَامًا فَقَالَتْ هُوَ مِنْ جَرِيحٍ فَأَتَوْهُ وَكَسَرُوا صَوْمَعَتَهُ فَأَنْزَلُوهُ وَسَبُّهُ فَتَوَضَّأَ وَصَلَّى ثُمَّ أَتَى الْغُلَامَ فَقَالَ مَنْ أَبُوكَ يَا غُلَامُ قَالَ الرَّاعِي قَالُوا بَنِي صَوْمَعَتِكَ مِنْ ذَهَبٍ قَالَ لَا إِلَّا مِنْ طِينٍ²⁵⁸

Maksud hadith adalah :

Diriwayatkan Abū Hurairah dari Nabi SAW bersabda: Di kalangan Bani Isra'īl terdapat seorang lelaki yang bernama Juraij. Dia sedang salat, lalu ibunya mendatangnya dan memanggilnya. Juraij berkata: Aku menjawabnya atau meneruskan salat. Ibunya berkata: Ya Allah, jangan

²⁵⁸ Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn Ismā'īl (1315), *op.cit.*, hadith no. 1206, *Kitāb al- 'Amal fī al-Ṣalāh, Idhā Da 'āt al-Um Walādahā fī al-Ṣalāh*, j. 3, h. 78, hadith no. 3436, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā*, j. 6, h. 476, hadith no. 3466, j. 6, h. 511.

matikan Juraij sebelum Engkau membuatnya melihat wajah wanita pelacur.

Pada masa itu Juraij sedang berada di kuilnya, maka datanglah seorang wanita yang menawarkan diri kepadanya, tetapi Juraij menolaknya. Lalu wanita itu mendatangi seorang penggembala dan melakukan zina dengannya. Wanita itu melahirkan seorang bayi. Wanita itu berkata: Anak ini dari Juraij. Orang pun mendatangi Juraij, mereka menghancurkan kuilnya, mengeluarkan dan mencacinya. Juraij lalu berwudu melakukan salat, kemudian mendatangi anak wanita itu. Juraij bertanya: Wahai bayi, siapa bapakmu? Anak itu menjawab: Fulan si penggembala. Orang-orang berkata: Kami akan membangun kuilnya dari emas. Juraij menjawab: Tidak, cukup dengan tanah.

Melalui riwayat hadits ini, dapat disimpulkan bahwa Juraij adalah salah seorang ahli ibadah yang saleh di kalangan Bani Isra' il. Dia membangun kuil untuk beribadah kepada Allah SWT di dalamnya.

Juraij mempunyai seorang ibu, yang datang untuk mengunjungi anaknya dan berbincang dengannya. Suatu hari ibunya datang dan memanggilnya. Dalam sebuah riwayat ibunya memanggil Juraij dan berkata: Wahai Juraij, muliakan diriku, aku sedang bercakap denganmu, aku adalah ibumu.²⁵⁹

Pada masa itu, Juraij tengah sembahyang. Dia berbicara dalam hati: Ya Allah, apa yang mesti aku pilih, menjawab seruan ibuku atau menyempurnakan sembahyangku?. Ibu juraij pergi balik ke tempat ibadah Juraij, dan memanggil anaknya, sang bunda selalu mendapati Juraij tengah sembahyang. Setiap mendengar panggilan ibunya, Juraij selalu bimbang antara seruan sang ibu atau terus menyempurnakan salatnya, manakala Juraij lebih mengutamakan salat daripada menjawab seruan ibunya.²⁶⁰

²⁵⁹ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 240.

²⁶⁰ *Ibid*, j. 10, h. 241.

Semestinya, Juraij mesti meninggalkan shalatnya dan menjawab panggilan ibunya, kerana menjawab panggilan ibu lebih baik daripada salat sunnah. Dia boleh meringankan shalatnya dan bersegera menemui ibunya. Akan tetapi, Juraij lebih mementingkan salat daripada ibunya, dan seperti dia meneruskan kenikmatan di dalam shalatnya, sehingga tidak meninggalkan salat kerana satu dan lain hal.

Oleh sebab itu, ibu Juraij lalu marah dan dia berdo'a agar Allah SWT tidak mematikannya sehingga ianya melihat wajah pelacur. Allah mengabulkan do'anya, dan Allah telah menyiapkan sebab-sebabnya dengan mengutus seorang pelacur untuk merayu dan menggodanya, tetapi dia tidak menolehnya, tidak tergoda dan terus khusyu' dalam ibadah dan shalatnya, seolah-olah dia tidak melihat dan menyaksikannya.²⁶¹

Maka wanita ini melihat seorang penggembala yang menginap di kuil Juraij. Dia menginap bersamanya dan berbuat zina dengannya. Hasilnya, dia hamil di malam itu. Manakala dia melahirkan bayinya, dia mengatakan bahawa dia adalah hasil perbuatan Juraij ahli ibadah. Juraijlah pelaku perbuatan buruk ini.²⁶²

Betapa marahnya orang persekitarannya, manakala mereka mengetahui keburukan yang dilakukan oleh orang yang mereka sangat percaya akan kebaikan, ketaqwaan dan keteguhan agamanya.

Penduduk kampung mendatangi Juraij dengan kemarahan yang memuncak di hati mereka. Mereka meminta Juraij turun dan meninggalkan ibadahnya.²⁶³ Tetapi Juraij tidak menghiraukan panggilan mereka, kerana dia tengah larut dalam ibadah dan shalatnya. Mereka hancurkan kuil Juraij, mengeluarkannya serta memaki hamunnya.

²⁶¹ Al-Rāzī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn 'Umar ibn al-Hasan ibn al-Husen al-Tamīmī (tt), *op.cit.*, j. 10, h. 165.

²⁶² Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit.*, j. 10, h. 241, dan al-Rāzī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn 'Umar ibn al-Hasan ibn al-Husen al-Tamīmī (tt), *op.cit.*, j. 10, h. 166.

²⁶³ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit.*, j. 10, h. 244.

Ketika Juraij bertanya tentang alasan kemarahannya, mereka mengatakan perbuatan zina Juraij.

Juraij tersenyum mendengar ucapan mereka. Dia benar dalam ibadahnya, jujur dalam istiqamahnya. Dia yakin tidak melakukan seperti tuduhan mereka. Tuduhan wanita hina itu hanyalah fitnah. Juraij meminta kepada orang-orang yang marah agar memberinya masa untuk berwudu dan salat. Selesai salat dia mendatangi bayi yang baru dilahirkan beberapa jam atau beberapa hari. Juraij bertanya kepada bayi tersebut: Siapa bapamu?.

Sebuah ayat Allah yang menunjukkan kepada-Nya dan kepada besarnya kadrat-Nya, bayi itu bercakap dengan suara yang terdengar, ucapan yang jelas dan difahami. Bayi itu menjawab: Bapaku adalah fulan penggembala kambing. Orang menyadari besarnya kejahatan mereka terhadap seorang hamba saleh. Mereka mengetahui bahawa Juraij tidak seperti yang mereka duga. Juraij adalah benar dan dia orang saleh, dan wanita tersebutlah yang telah berdusta dengan memfitnah Juraij.

Mereka menyadari telah terburu-buru mempercayai tuduhan itu, sebagaimana mereka terlalu cepat memukuli Juraij dan merobohkan kuilnya. Mereka berusaha meminta ma'af dari Juraij dengan menawarkan kepadanya untuk membangun tempat ibadahnya daripada emas atau perak, tetapi Juraij menolaknya.²⁶⁴ Dia minta tempat ibadahnya dikembalikan dengan tanah seperti sedia kala. Mereka lalu melakukan pembinaan kuil, begitu selesai Juraij masuk kembali untuk beribadah kepada Tuhannya.

Allah telah menjawab do'a ibu Juraij padanya. Dia mewujudkan keinginannya, akan tetapi dia menyelamatkannya dengan kesalehan dan ketaqwaannya. Terdapat dua

²⁶⁴ *Ibid*, j. 10, h. 247.

pelajaran yang berharga dalam kisah ini, iaitu; dikabulkannya do'a ibu Juraij dan selamatnya Juraij daripada kemaksiatan.

Adanya kisah tersebut di atas, maka dapat diambil pelajaran bahawa durhaka kepada kedua orang tua, tidak berbuat baik kepada keduanya dan memenuhi perintah keduanya. Hal itu, boleh menjadi sebab musibah yang dapat menimpakan petaka kepada seseorang sebagaimana terjadi pada Juraij ahli ibadah tersebut. Dengan ketaqwaan dan kesalehan seseorang, Allah dapat menyelamatkan hambanya, sebagaimana Dia menyelamatkan Juraij dan membebaskannya daripada tuduhan keatasnya.

Seorang hamba saleh boleh memiliki keteguhan, keyakinan dan kepercayaan diri kepada Allah SWT. Dengan itu, dia mampu menghadapi persoalan-persoalan besar dengan keberanian dan ketangguhan, sebagaimana yang dilakukan oleh Juraij.

Hadith di atas menunjukkan, bahawa Juraij bersalah kepada Allah SWT kerana tidak menjawab panggilan ibunya, oleh kerana itu jika salah satu daripada ibu bapa memanggil untuk kepentingan yang dibolehkan secara syara', maka seseorang yang sedang salat sunnahpun harus meninggalkan salatnya.

Suasana dalam bermasyarakat, ketika mendengar khabar akan keburukan seseorang, tidak boleh tergesa-gesa mempercayai tuduhan tanpa bukti dan saksi, seperti yang dilakukan oleh penduduk kampung, manakala mereka mempercayai tuduhan pelacur itu kepada Juraij. Semestinya mereka meneliti terlebih dahulu tentang kebenaran ucapan pelacur itu sebelum menyerang Juraij, mencaci dan memukulnya.

4.3.2 Berjihad di jalan Allah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَزَا نَبِيٌّ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ فَقَالَ لِقَوْمِهِ لَا يَتَّبِعَنِي رَجُلٌ مَلَكَ بُضْعَ امْرَأَةٍ وَهُوَ يُرِيدُ أَنْ يَبْنِيَ بِهَا وَلَمَّا بَيْنَ بِهَا وَلَا أَحَدٌ بَنَى بُيُوتًا وَلَمْ يَرْفَعْ سُقُوفَهَا وَلَا أَحَدٌ اشْتَرَى غَنَمًا أَوْ خَلِفَاتٍ وَهُوَ يَنْتَظِرُ وَلَادَهَا فَغَزَا فَدَنَا مِنَ الْقَرْيَةِ صَلَاةَ الْعَصْرِ أَوْ قَرِيبًا مِنْ ذَلِكَ فَقَالَ لِلشَّمْسِ إِنَّكَ مَأْمُورَةٌ وَأَنَا مَأْمُورٌ اللَّهُمَّ احْبِسْهَا عَلَيْنَا فَحُبِسَتْ حَتَّى فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِ فَجَمَعَ الْغَنَائِمَ فَجَاءَتْ يَعْني النَّارَ لِتَأْكُلَهَا فَلَمْ تَطْعَمَهَا فَقَالَ إِنَّ فِيكُمْ غُلُولًا فَلْيَبَايِعَنِي مِنْ كُلِّ قَبِيلَةٍ رَجُلٌ فَلَزَقَتْ يَدُ رَجُلٍ بِيَدِهِ فَقَالَ فِيكُمْ الْغُلُولُ فَلْيَبَايِعَنِي قَبِيلَتِكَ فَلَزَقَتْ يَدُ رَجُلَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةٍ بِيَدِهِ فَقَالَ فِيكُمْ الْغُلُولُ فَجَاءُوا بِرَأْسٍ مِثْلِ رَأْسِ بَقْرَةٍ مِنَ الذَّهَبِ فَوَضَعُوهَا فَجَاءَتْ النَّارُ فَأَكَلَتْهَا ثُمَّ أَحَلَّ اللَّهُ لَنَا الْغَنَائِمَ رَأَى ضَعْفَنَا وَعَجَزَنَا فَأَحَلَّهَا لَنَا²⁶⁵

Maksud hadith adalah :

Abū Hurairah berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Salah seorang Nabi berperang. Dia berkata kepada kaumnya: Jangan mengikutiku orang yang menikahi wanita sementara dia hendak membangun rumah tangga dengannya dan dia belum membangunnya dengannya, dan tidak juga seorang yang membangun rumah tapi belum melengkapi atapnya, tidak pula orang yang telah membekali kambing atau unta betina yang mengandung sementara dia menunggu kelahirannya. Lalu Nabi itu berperang. Dia mendekati sebuah kampung pada masa salat asar atau dekat masa asar. Maka dia berkata kepada matahari: Sesungguhnya kamu diperintahkan dan akupun diperintahkan. Ya Allah, tahanlah matahari untuk kami. Matahari tertahan dan mereka meraih kemenangan.

Lalu dia mengumpulkan harta rampasan perang. Maka datanglah api untuk melahapnya tetapi ia tidak boleh memakannya. Nabi itu berkata: Ada di antara kalian yang menggelapkan harta rampasan perang, hendaknya dari masing-masing kabilah ada satu orang yang membaiatku. Maka tangan seorang lelaki melekat dengan tangannya dan dia berkata: Kalian menggelapkan rampasan perang. Maka mereka datang menyerahkan emas sebesar kepala sapi. Mereka meletakkannya lalu datanglah api dan memakannya. Kemudian Allah menghalalkan harta

²⁶⁵ Al-Bukhārī, Abū Abd Allah Muhammad ibn Ismā'īl (1315), *op.cit*, hadith no. 3124, *Kitāb Farq al-Khumus, Bāb Qaul al-Nabī SAW "Uhillat Lakum al-Ghanā'im."* J. 6, h. 220. Hadith no. 5157, *Kitāb al-Nikāh, Bāb Man Ahab al-Binā' Qabl al-Ghawz*, j. 9, h. 223.

rampasan perang bagi kita. Dia mengetahui kelemahan dan ketidakmampuan kita, maka Dia menghalalkannya untuk kita.

Rasulullah SAW menyampaikan kisah ini kepada umatnya, bahawa salah seorang Nabi Allah berperang untuk membuka sebuah kampung. Nabi ini adalah Yūsha‘ ibn Nūn, salah seorang nabi Bani Isra’il.²⁶⁶ Dia telah menyertai Nabi Musa AS dalam hidupnya, menemaninya dalam perjalanan kepada Khidir.²⁶⁷ Allah memberinya wahyu setelah Musa AS wafat, dan Musa telah mengangkatnya sebagai penerus dakwah bagi Bani Isra’il.²⁶⁸ Dialah pemimpin yang kerana jasanya, maka tanah suci dapat direbut kembali.²⁶⁹

Nabi Allah Yūsha‘ pada masa persiapannya menuju bandar yang hendak ditaklukkan, dia berusaha agar pasukannya menjadi pasukan yang kuat dan tangguh. Oleh kerananya, dia menseleksi prajurit-prajurit yang boleh menjadi punca kekalahan, kerana hati mereka lebih disibukkan dengan perkara dunia yang membelenggu hati dan fikiran mereka. Yūsha‘ mengeluarkan tiga kelompok prajurit yang tidak dizinkan untuk pergi berperang.²⁷⁰

Golongan pertama, adalah orang yang telah berakad nikah tetapi belum menyentuh isterinya. Kelompok ini tidak diragukan kerana sangat tergantung hatinya dengan istrinya, terlebih-lebih jika ianya masih lagi muda. **Golongan kedua**, adalah orang yang sibuk membangun rumah dan belum menyelesaikan bangunannya.

²⁶⁶ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 6, h. 221.

²⁶⁷ Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muhammad ibn Jarīr ibn Yazīd ibn Kathīr ibn Ghālib al-‘Āmālī (1420H/2000M), *Jami‘ al-Bayān fī Ta’wil al-Qur’an*, c. I, tahqīq: Ahmad Muhammad Shukūr, Saudi Arabia: Muassasah al-Risālah, j. 2, h. 53.

²⁶⁸ Al-Qurtubī, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abī Bakar al-Anṣārī (tt), *al-Jāmi‘ Li Ahkām al-Qur’ān al-Karīm*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, j. 1, h. 267.

²⁶⁹ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 6, h. 224.

²⁷⁰ Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muhammad ibn Jarīr ibn Yazīd ibn Kathīr ibn Ghālib al-‘Āmālī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 6, h. 130.

Golongan ketiga, adalah orang yang membeli unta atau domba mengandung, sementara dia menantikan kelahirannya.

Prinsip yang dipegang oleh Nabi ini, menunjukkan bahawa dia adalah panglima yang unggul, memiliki idea cemerlang dalam memimpin dan menyiapkan tentara sehingga kegemilangan dapat diwujudkan. Prajurit tidak menang dalam jumlah besarnya, akan tetapi dengan kualiti. Hal ini lebih penting daripada jumlah dan kuantiti.

Oleh kerananya, Yūsha‘ mengeluarkan orang-orang yang berhati sibuk dari pasukannya, iaitu orang-orang yang badannya di medan perang tetapi fikirannya bersama istri yang belum disentuhnya atau rumah yang belum diselesaikannya atau ternak yang ditunggu kelahirannya.²⁷¹

Apa yang dilakukan oleh Yūsha‘ ini adalah sesuai dengan apa yang telah dilakukan oleh Ṭalūt, ketika melarang pasukannya untuk minum daripada sungai kecuali orang-orang yang menciduk air dengan tangannya. Saat itu sedikit daripada mereka yang tidak minum. Ṭalut telah membersihkan pasukannya daripada unsur-unsur pelemah yang menjadi punca kekalahan.²⁷²

Allah telah membimbing Yūsha‘ agar tidak menyerahkan tugas-tugas besar kepada orang-orang yang di mata hati mereka sibuk dengan perkara yang menghalangi mereka untuk menunaikan bakti dan tanggung jawabnya.

Dengan pasukannya Yūsha‘ berangkat ke bandar yang hendak ditakluknya. Beliau mendekati bandar tersebut masa asar pada hari juma‘at. Ini berarti, kesempatan untuk membuka bandar itu tidaklah banyak kerana berperang di malam hari tidaklah

²⁷¹ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 6, h. 226.

²⁷² Sayyid Qutub (1400), *op.cit*, j. 1, h. 250

mudah, perang harus dihentikan begitu matahari terbenam. Kerana berarti itu memasuki hari sabtu, dan perang di hari sabtu hukumnya adalah haram bagi Bani Isra'il.²⁷³

Maka beliau dengan pasukannya harus mundur dari bandar itu sebelum merebutnya, dan ini berarti memberi peluang kepada penduduknya untuk memperkuat pasukannya, memperbaiki benteng-bentengnya, dan bahkan dapat menambah kekuatan senjatanya. Yūsha' menghadap matahari dan berkata kepadanya: Kamu diperintahkan, aku juga diperintahkan. Kemudian Yūsha' berdo'a kepada Allah: Ya Allah, tahanlah ia untuk kami. Lalu Allah mengabulkan permintaannya dan menunda terbenamnya matahari sehingga kemenangannya diwujudkan.²⁷⁴

Hal ini menunjukkan adanya kudrat Allah SWT dan dukungan-Nya kepada Rasul-rasul-Nya beserta orang-orang saleh yang berjihad *fī sabīlillāh*, Allah SWT menolong dan memberi kemenangan kepada mereka dengan kehendak-Nya.

Adapun harta rampasan perang, diharamkan atas umat-umat terdahulu. Dan Allah SWT telah memberi kekhususan kepada umat ini dengan menghalalkannya bagi mereka harta rampasan. Sedangkan dosa mengambil harta rampasan perang, Rasulullah SAW telah menyampaikan bahawa seorang lelaki mengambil selimut, maka ia membakarnya di kuburnya.²⁷⁵ Orang yang menggelapkan harta rampasan perang, maka dia akan memikulnya di hari kiamat.

²⁷³ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 6, h. 227.

²⁷⁴ *Ibid*, j. 6, h. 228.

²⁷⁵ *Ibid*, j. 12, h. 50.

4.3.3 Berlaku adil

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كَانَتْ
امْرَأَتَانِ مَعَهُمَا ابْنَاهُمَا جَاءَ الذَّبُّ فَذَهَبَ بِابْنِ إِحْدَاهُمَا فَقَالَتْ صَاحِبَتُهَا إِنَّمَا
ذَهَبَ بِابْنِكَ وَقَالَتِ الْأُخْرَى إِنَّمَا ذَهَبَ بِابْنِكَ فَتَحَاكَمَتَا إِلَى دَاوُدَ فَقَضَى بِهِ
لِلْكُبْرَى فَخَرَجَتَا عَلَى سُلَيْمَانَ بْنِ دَاوُدَ فَأَخْبَرَتْهُ فَقَالَ أَتُونِي بِالسَّكِينِ أَشَقُّهُ
بَيْنَهُمَا فَقَالَتِ الصُّغْرَى لَا تَفْعَلْ يَرَحِمُكَ اللَّهُ هُوَ ابْنُهَا فَقَضَى بِهِ لِلصُّغْرَى²⁷⁶

Maksud hadith adalah :

Dari Abū Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Ada dua orang wanita masing-masing dengan anaknya. Datanglah seekor serigala dan mencuri anak salah seorang dari keduanya berkata kepada yang lain: Serigala itu mencuri anakmu. Yang lain menjawab: Anakmulah yang dicuri oleh serigala. Keduanya mengadukan hal itu kepada Dāwud, maka Dāwud memutuskan anak itu milik wanita yang lebih tua. Keduanya pergi kepada Sulaymān dan menyamakan hal itu. Sulaymān berkata: Ambillah untukku pisau. Aku akan membelahnya untuk mereka berdua. Wanita muda berkata: Jangan, semoga Allah merahmatimu. Anak ini adalah anaknya. Maka Sulaymān memutuskan anak ini adalah anak si wanita muda.

Kisah ini terjadi pada zaman Nabi Dāwud AS, di mana ada dua orang wanita yang berhadapan kepadanya ketika seekor serigala membawa kabur anak salah seorang daripada keduanya. Keduanya memperebutkan anak yang selamat, masing-masing mengaku bahawa ia adalah anaknya. Maka Nabi Dāwud AS berusaha untuk memberi hukum kepada keduanya. Usahanya membimbingnya kepada suatu hukum bahawa anak ini adalah anak wanita yang tua, berdasarkan kepada dalil-dalil yang digunakan oleh Nabi Dāwud AS.

Keduanya keluar dari hadapan Nabi Dāwud AS dan melalui Nabi Sulaymān AS. Nabi Sulaymān melihat bahawa persoalan ini boleh diselesaikan dengan suatu cara

²⁷⁶ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 3527, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā’*, *Bāb Tarjamah Sulaymān*, j. 6, h. 458, hadith no. 6769, *Kitāb al-Farā’id*, *Idhā’ida ‘at al-Mar’ah Ibnan*, j. 12, h. 55.

untuk mengetahui ibu anak tersebut yang sebenarnya. Nabi Sulaymān AS meminta pisau kepada orang-orang yang ada di sekelilingnya, hal ini untuk digunakan sebagai alat yang membelah tubuh anak ini menjadi dua bagian, sehingga masing-masing mendapatkan separuhnya. Inilah hukum yang adil di antara keduanya, kedua wanita ini menyangka Nabi Sulaymān AS serius dan pasti melakukan hukum itu.

Melalui kebijakan inilah terlihat respon dari kedua wanita tersebut. Ibu yang sebenarnya, yaitu si ibu muda, di mana ia bersedih terhadap hukum ini. Kerana hal itu sama dengan membunuh anaknya, maka dia merelakan anaknya di ambil oleh lawannya sehingga anaknya boleh tetap hidup, walaupun dia tidak dapat menjaga dan mendidiknya. Sedangkan seterunya, yang tidak terkait oleh ikatan keibuan dengan anak itu, dia bahkan menerima hukum yang hendak dilaksanakan oleh Nabi Sulaymān tersebut. Dengan inilah Nabi Sulaymān AS berdalil bahawa ibu anak ini adalah yang sebenarnya. Maka dia memutuskan bahawa ibu yang berhak terhadap anak itu adalah si ibu muda, walaupun dia mengakui bahawa anak itu adalah anak seterunya.²⁷⁷

Imam al-Nawawī berkata:

"Nabi Sulaymān menggunakan cara berpura-pura dan sedikit tipu daya untuk mengetahui perkara yang sebenarnya. Dia menunjukkan kepada keduanya seolah-olah dia ingin membelah anak itu untuk mengetahui siapa yang bersedih jika anak itu dibelah, maka dialah ibu yang sebenarnya. Ketika wanita yang lebih tua menyetujui jika anak ini dibelah, terbuktilah bahawa dia bukan ibu yang sebenarnya. Ketika yang muda berkata seperti apa yang dikatakannya, maka diketahui bahawa dialah ibunya. Sulaymān tidak ingin benar-benar membelah, dia ingin menguji kasih sayang mereka berdua untuk membezakan mana ibu yang sebenarnya. Ketika ia boleh dibezakan dengan ucapannya, maka Sulaymān mengetahuinya."²⁷⁸

²⁷⁷ Al-Qurtubī, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abī Bakar al-Anṣārī (1385H / 1966M), *op.cit.*, j. 11, h. 313.

²⁷⁸ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Yahyā ibn Sharaf al-Haurānī al-Syāfi‘i (1995), *op.cit.*, j. 12, h. 381.

Cara yang digunakan Nabi Sulaymān AS ini untuk mengetahui kebenaran adalah semacam firasat. Dia memutuskan hukum dengan berdasarkan alibi dan tanda-tanda pendukung, tidak terpaku hanya kepada keterangan dan keadaan maklumat semasa sahaja atau realiti yang ada.

Para pengadil di kalangan kaum Muslimin menggunakan beberapa dalil dan bukti-bukti yang unik untuk mengungkap kebenaran. Para pemakainya hanyalah orang-orang yang benar-benar pandai dan bijak. Di antara pengadil yang terkenal dalam urusan ini adalah ‘Alī ibn Abī Tālib, Hakim Shuraikh, dan hakim Iyās. Ibnu al-Qayyim telah menyebutkan banyak contoh penggunaan cara ini oleh beberapa hakim untuk membuka kebenaran, iaitu dengan firasat dan tanda-tanda.²⁷⁹

Kisah ini menunjukkan bahawa hakim yang adil akan diberi pahala, sama ada dia benar mahupun salah. Allah SWT telah menetapkan bahawa Sulaymān yang mengerti rahasia keputusan hukum, walaupun demikian Allah tetap memuji Dāwud AS dan Sulaymān AS, dan tidak mencela Dāwud kerana dia salah dalam mengambil keputusan, seperti dalam dalil berikut ini:

فَفَهَّمْنَاهَا سُلَيْمَانَ ۚ وَكُلًّا ءَاتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ وَسَخَّرْنَا مَعَ

دَاوُدَ الْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَالطَّيْرَ ۚ وَكُنَّا فَاعِلِينَ ﴿٧٨﴾

Maksudnya :

Maka Kami telah memberi Sulaymān memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan Dāwud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu”.

Surah al-Anbiya’ (21) : 79

²⁷⁹ Ibn al-Qayyim (tt), *Al-Turuq al-Hukmiyah fī al-Siyāsah al-Syar’iyyah*, Beirut: Dār al-Islāmiyyah, h. 27, Ibn al-Qayyim (tt), *Ighāthah al-Lahfān min Maṣāid al-Syaytān*, Beirut: Dār al-ma‘rifah, j. 2, h. 66.

Rasulullah SAW telah secara jelas menyatakan bahawa hakim yang benar keputusannya akan mendapatkan dua pahala. Adapun yang salah, maka hanya satu pahala sahaja. Hakim atau pengadil boleh menampakkan kepada orang yang bertikai sesuatu perbuatan yang (sebenarnya) dia tidak ingin melaksanakannya, sebagaimana Nabi Sulaymān AS meminta pisau untuk membelah anak itu menjadi dua, padahal sebenarnya dia tidak menginginkan hal itu terjadi. Tujuannya adalah untuk mengungkap kebenaran yang sebenarnya.

Imam al-Nasā'i telah membuat tajuk khas untuk hadith ini, "Keluasan bagi Hakim untuk berkata kepada sesuatu yang tidak dilakukannya, 'Lakukanlah'," agar terungkap kebenaran.²⁸⁰ Dengan berdalil kepada hadith ini Imam al-Nasā'i membolehkan seorang hakim membatalkan keputusan hakim lain, walaupun dia sama dengannya dalam hal ilmu atau lebih afdal darinya. Ini mungkin kurang tepat, kerana Sulaymān tidak memutuskan dan menetapkan. Dia hanya mengembalikan urusan kepada Dāwud, lalu Dāwud membatalkan keputusannya sendiri kerana saran dari Sulaymān.

Mengambil hukum peradilan, dengan adanya faktor pendukung dan tanda-tanda untuk mengetahui kebenaran dalam suatu perkara, yang diperselisihkan adalah sesuatu yang dianjurkan pada saat tidak adanya dalil.

²⁸⁰ Al-Nasā'i, 'Abd al-Rahmān Ahmad ibn Shu'aib ibn 'Ali (tt), *al-Sunan al-Kubrā fī al-Hadīth*, Kaheerah: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā, j. 8, h. 236.

4.3.4 Memaafkan orang lain dan memberi kemudahan kepada mereka

عَنْ حُذَيْفَةَ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ رَجُلًا كَانَ
فِي مَن كَانَ قَبْلَكُمْ أَتَاهُ الْمَلَكُ لِيَقْبِضَ رُوحَهُ فَقِيلَ لَهُ هَلْ عَمِلْتَ مِنْ خَيْرٍ قَالَ
مَا أَعْلَمُ قِيلَ لَهُ أَنْظِرْ قَالَ مَا أَعْلَمُ شَيْئًا غَيْرَ أَنِّي كُنْتُ أُبَايِعُ النَّاسَ فِي الدُّنْيَا
وَأُجَازِيهِمْ فَأَنْظِرُ الْمَوْسِرَ وَأَتَجَاوِزُ عَنِ الْمَعْسِرِ فَأَدْخِلُهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ²⁸¹

Maksud hadits adalah :

Diwayatkan daripada Hudhaifah RA berkata, aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Ada seorang lelaki dari umat sebelum kalian yang didatangi oleh malaikat maut untuk mencabut nyawanya. Dia ditanya: Adakah kebaikan yang kamu lakukan? Dia menjawab: Aku tidak tahu. Dikatakan kepadanya: Lihatlah. Dia menjawab: Aku tidak mengetahui apapun. Hanya sahaja, di dunia aku berjual beli dengan orang-orang dan membalas mereka. Lalu aku memberi kesempatan kepada orang yang mampu dan memaafkan orang yang kesulitan. Maka Allah memasukkannya ke surga.

Allah SWT memberitahukan kepada hambanya, bahawa ketika kematian mendatangi seorang hamba dan ajalnya telah tiba, maka malaikat mendatangnya. Jika dia adalah orang yang beriman, maka malaikat memberinya khabar gembira. Jika dia adalah orang kafir, maka malaikat bertanya kepadanya, mencelanya, menyiksanya dan menyampaikan khabar menyedihkan iaitu neraka.²⁸²

Dalam hadits ini Rasulullah SAW menyampaikan berita tentang seorang lelaki daripada umat terdahulu, yang didatangi oleh malaikat maut untuk mencabut nyawanya. Malaikat bertanya kepadanya tentang amal kebaikan yang dilakukannya di dunia. Orang ini tidak menemukan amal kebaikan untuk dirinya. Ketika orang ini menjawab bahawa

²⁸¹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit.*, hadith no. 2077, *Kitāb al-Buyū* ‘, *Bāb Man Unzur Mu‘asīran*, j. 4, h. 307, Hadith no. 2078, *Kitāb al-Buyū* ‘, *Bāb Man Unzur Mu‘assiran*, j. 4, h. 308, hadith no. 3451, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā* ‘, *Bāb mā Zukira ‘An Banī Isrā’īl*, j. 6, h. 494.

²⁸² Sayyid Qutub (1400), *op.cit.*, j. 6, h. 294.

dirinya tidak memiliki kebaikan satupun, maka mereka meminta agar meneliti ulang. Dia tetap tidak menemukan amal kebaikan kecuali hanya perniagaan yang menjadi kerjayanya. Dia memerintahkan agar pegawai yang bekerja padanya supaya menanggungkan orang yang mampu dan memaafkan orang yang tidak mampu. Dia menerangkan alasannya kepada mereka dan berkata, "Semoga Allah memaafkan kita." Maka Allah memenuhi harapannya, memaafkan dan mengampuninya.²⁸³

Pemaaf merupakan sifat Allah SWT, dan berilah maaf kepada orang dalam bermuamalah. Allah berfirman, "Kami lebih berhak dengan itu daripada dia, maafkanlah dia."²⁸⁴

Muamalah seperti yang dicontohkan oleh lelaki ini, merupakan muamalah yang diharapkan oleh Islam. Ia didasarkan kepada kemudahan dalam jual-beli dan kelapangan dalam bermuamalah. Memudahkan urusannya kepada orang yang mampu dan memaafkan orang-orang yang tidak mampu. Rasulullah SAW telah berdo'a untuk orang yang bersifat demikian. Semoga Allah SWT merahmati seorang hamba yang berlapang dada jika menjual, berlapang dada jika membeli, berlapang dada jika membayar, dan berlapang dada jika menuntut.²⁸⁵

Keutamaan memberi kemudahan kepada orang yang mampu dan memaafkan orang yang tidak mampu. Perlakunya yang ikhlas sebegini mendapatkan ampunan daripada Allah SWT pada masa pertemuan dengan-Nya. Luasnya rahmat Allah SWT, hanya dengan amal sedikit, seorang hamba boleh mendapatkan pahala lebih besar.

²⁸³ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 6, h. 388.

²⁸⁴ Muslim, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Naisabūrī al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no. 2921, *Bāb Faḍl Intizār al-Mu'sir*, j. 8, h. 201.

²⁸⁵ Ibn Majah, Muhammad ibn Yazīd ibn Majah al-Qazwaynī (1395), *Al-Sunan*, Taqīq dan tarqīm: Muhammad Fuād 'Abd al-Bāqī, Beirut: Dār al-Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, hadith no. 2194, j. 6, h. 447.

Lelaki ini diampuni dan dimaafkan oleh Allah SWT kerana hanya dengan amalan yang kecil.

4.3.4 Membuang duri dari jalan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَيْنَمَا رَجُلٌ يَمْشِي
بِطَرِيقٍ وَجَدَ غُصْنَ شَوْكٍ عَلَى الطَّرِيقِ فَأَخَذَهُ فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ فَغَفَرَ لَهُ²⁸⁶

Maksud hadith adalah :

Imam al-Bukhārī meriwayatkan dalam kitab *Sahīh*nya dari Abū Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Ketika seorang lelaki berjalan di satu jalan, dia melihat ranting berduri di jalan, lalu dia menyingkirkannya. Maka Allah bersyukur kepadanya dan mengampuninya.

Menurut sebuah hadith yang di riwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW telah menyampaikan bahawa:

الْإِيمَانُ بَضْعٌ وَسَبْعُونَ أَوْ بَضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الْأَذَى
عَنِ الطَّرِيقِ وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ²⁸⁷

Maksudnya :

Bahawa iman memiliki tujuh puluh lebih, atau enam puluh lebih cawangan, dan paling tinggi adalah ucapan, "*Lā ilāha illallāh*", sedangkan yang paling rendah adalah membuang sesuatu yang mengganggu dari jalan, dan malu adalah sebahagian dari iman.

Sesuai dengan kisah ini, Rasulullah SAW menyampaikan tentang seorang lelaki yang dimasukkan ke surga oleh Allah SWT hanya kerana dia menyingkirkan dahan berduri daripada jalan kaum Muslimin sehingga tidak mengganggu mereka.

²⁸⁶ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 652, *Kitāb al-Adhān, Bāb Faḍl al-Tahjir Ilā Zahr*, j. 2, h. 139, Hadith no. 2472, *Kitāb al-Maḥālim, Bāb Man Akhad al-Ghasn wa mā Yuadhī al-Nas fī Ṭarīq Faramā bih*, j. 5, h. 118.

²⁸⁷ Muslim, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Naisabūrī al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no. 51, j. 1, h. 140.

Lelaki tersebut sedang berjalan di satu jalan, kemudian melihat dahan yang berduri di jalan yang selalu di lalui kaum Muslimin, maka orang-orang yang melewati merasa terganggu. Dia bertekad untuk menjauhkan dahan tersebut daripada jalan.

Tujuannya adalah seperti mana secara nyata dikatakannya, bahawa untuk menjauhkan sesuatu yang mengganggu daripada jalan kaum Muslimin. Melalui amalnya ini maka Allah SWT telah mengampuninya dan memasukkannya ke dalam surga-Nya. Bahkan Rasulullah SAW dapat melihatnya sedang menikmati kemegahan surga dengan perbuatannya ini.²⁸⁸

Sesungguhnya lelaki ini telah beramal sedikit akan tetapi dapat meraih pahala besar. Rahmat Allah SWT sangatlah luas, dan karunia-Nya sangatlah agung. Apa yang dilakukan oleh orang ini sangat dianjurkan oleh Nabi SAW. Baginda memerintahkan agar umatnya melakukan seperti yang dilakukan oleh orang ini. Beliau bersabda: Jauhkanlah sesuatu yang mengganggu daripada jalan kaum Muslimin.²⁸⁹

Beliau memberi peringatan keras agar tidak mengganggu jalan kaum Muslimin. Tentang hal ini beliau bersabda, Barangsiapa mengganggu kaum Muslimin di jalan mereka, maka dia memperoleh laknat mereka.²⁹⁰

Banyak sekali dalil-dalil dalam bidang ini, sebagai tauladan yang dapat menunjukkan akhlak mulia sebagai ciri khas sifat asas kaum Muslimin dengan beramal dengan Islam. Mereka berusaha membersihkan jalan-jalan mereka, tidak mengotori dan membuatnya bersepah, serta membuang sesuatu yang dapat mengganggu daripadanya.

²⁸⁸ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 7, h. 401.

²⁸⁹ Muslim, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Naisabūrī al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no. 4747, j. 13, h. 49. Muhammad Nāsir al-Dīn al-Bānī (tt), *al-Silsilah Ahādīth al-Ṣahīhah*, c. I, Damashqus: al-Maktab al-Islāmī, hadith no. 2373, j. 5, h. 487.

²⁹⁰ Muhammad Nāsir al-Dīn al-Bānī (tt), *op.cit*, hadith no. 2294, j. 5, h. 732.

Mereka menjadikannya sebagai tuntunan hidup, berharap daripadanya pahala tanpa bersikap secara berlebih-lebihan.

4.3.5 Wara'

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى رَجُلٌ مِنْ رَجُلٍ عَقَارًا لَهُ فَوَجَدَ الرَّجُلُ الَّذِي اشْتَرَى الْعَقَارَ فِي عَقَارِهِ جَرَّةً فِيهَا ذَهَبٌ فَقَالَ لَهُ الَّذِي اشْتَرَى الْعَقَارَ خُذْ ذَهَبَكَ مِنِّي إِنَّمَا اشْتَرَيْتُ مِنْكَ الْأَرْضَ وَلَمْ أَبْتَغِ مِنْكَ الذَّهَبَ وَقَالَ الَّذِي لَهُ الْأَرْضُ إِنَّمَا بَعْتِكَ الْأَرْضَ وَمَا فِيهَا فَتَحَاكَمَا إِلَى رَجُلٍ فَقَالَ الَّذِي تَحَاكَمَا إِلَيْهِ أَلَكُمَا وَلَدٌ قَالَ أَحَدُهُمَا لِي غُلَامٌ وَقَالَ الْآخَرُ لِي جَارِيَةٌ قَالَ أَنْكِحُوا الْغُلَامَ الْجَارِيَةَ وَأَنْفِقُوا عَلَيَّ أَنْفُسَهُمَا مِنْهُ وَتَصَدَّقَا²⁹¹

Maksud hadith:

Dari Abū Hurairah RA berkata: bahawa Rasulullah SAW bersabda: Seorang lelaki membeli sebidang tanah dari lelaki lain. Lelaki pembeli tanah itu menemukan gelen air berisi emas di tanah tersebut. Pembeli berkata kepada penjual: Ambillah emasmu dariku. Aku hanya membeli tanah darimu dan tidak membeli emasmu.

Pemilik tanah sekaligus penjual menjawab: Aku menjual tanah dengan apa yang ada padanya kepadamu. Lalu keduanya berhakim kepada seorang lelaki. Hakim tersebut bertanya: Apakah kalian berdua mempunyai anak? Salah satu menjawab: Aku mempunyai anak lelaki. Yang lain menjawab: Aku mempunyai anak perempuan. Pengadil berkata: Nikahkan anak lelakimu dengan anak perempuannya. Infakkan kepada keduanya daripada harta itu dan bersedekahlah.

Huraian dalam hadith ini Rasulullah SAW ingin menyampaikan kepada umatnya, tentang dua orang lelaki di mana salah seorang daripada keduanya membeli tanah dari yang lain, dan menemukan gelen air yang berisi emas. Kedua orang ini

²⁹¹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 3472, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā*, *Bāb min Ghair Tarjamah*, j. 6, h. 512.

memang pelik, kerana keduanya tidak mau memilikinya. Bagi yang membeli, maka dia hanya membeli tanah, sedangkan si penjual, ianya menjual tanah dan apa yang ada padanya.

Keterangan ini menjadi jelas sekali, bahawa kedua orang ini adalah orang-orang yang saleh dan wara'. Iman yang kuat, taqwa dan kesalehan yang tersimpan di balik kezuhudan dalam urusan harta. Apalagi didapati jika harta itu haram atau pemiliknya tidak yakin bahawa harta itu adalah miliknya. Orang-orang yang saleh lagi bertaqwa, telah menyadari bahawa harta yang haram boleh membinasakan harta yang halal, justeru dapat mendatangkan murka dan azab Allah SWT, selain dapat menjadi sebab terjerumusnya ke dalam siksaan api Neraka. Ditambah lagi bahawa orang-orang yang hartanya mereka ambil, akan mengambil kebaikan orang yang mengambilnya sesuai dengan harta mereka yang terambil. Mereka juga berusaha menunaikan harta kepada pemiliknya.²⁹²

Sebagaimana kisah kedua orang ini adalah sesuatu yang ajaib, begitu pula keputusan hakim di antara keduanya menambah keunikannya. Hakim justeru menanyakan apakah ada keturunan masing-masing. Yang pertama menjawab bahawa dia mempunyai anak lelaki, sementara yang satu lagi menjawab bahawa dia mempunyai anak perempuan. Hakim tersebut menyarankan agar anak lelaki dan perempuan mereka tersebut dinikahkan, dan keduanya diberi infak daripada harta yang ditemukan tersebut.

Hakim ini dengan keputusannya, telah menyambung kedua keluarga dengan tali perkahwinan yang suci. Tali perkahwinan di antara orang baik akan menguatkan lagi ikatan iman dan taqwa, selain dapat mengeratkan lagi hubungan di antara orang saleh.

²⁹² Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 275.

Suami-isteri yang saleh adalah keluarga yang saleh dan boleh diharapkan melahirkan keturunan yang saleh pula.²⁹³

Huraian ini adalah merupakan kisah dua orang lelaki yang saling menolak emas penuh dalam gelen. Masing-masing menuntut bahawa itu adalah milik temannya dan bukan miliknya sendiri. Hakim yang mereka angkat memutuskan dengan keputusan yang unik, dengan mengisyaratkan agar menikahkan putra salah seorang daripada keduanya dengan putri seorang lagi dan membiayai keduanya daripada harta tersebut.

Selain itu, kisah ini dapat menggambarkan kezuhudan dua orang lelaki, yang tidak mau mengambil kesempatan atas peluang yang terbuka luas di hadapan mereka. mereka tidak tamak untuk mendapatkan harta kekayaan tersebut.

4.4 Kisah Dalam Penerapan Akhlak Kepada Binatang

Huraian berikut adalah penerapan akhlak yang dilakukan untuk persekitaran, sekaligus paparan dan contoh dalam perbahasan berikut ini:

4.4.1 Amaran mencuaikan binatang peliharaan

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
عُذِّبَتْ امْرَأَةٌ فِي هِرَّةٍ سَجَنَتْهَا حَتَّى مَاتَتْ فَدَخَلَتْ فِيهَا النَّارَ لِأَنَّهَا هِيَ أَطْعَمَتْهَا
وَلَا سَقَتْهَا إِذْ حَبَسَتْهَا وَلَا هِيَ تَرَكَتْهَا تَأْكُلُ مِنْ خَشَاشِ الْأَرْضِ²⁹⁴

²⁹³ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), j. 9, 117.

²⁹⁴ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 2365, *Kitāb al-Masaqqah, Bāb Faḍl Saqy al-Mā’*, j. 5, h. 41, hadith no. 3318, *Kitāb Bad’ al-Khalq, Bāb Idhā Waqa’ al-Dhubab fī Inā’ Ahadikum*, j. 6, h. 356, hadith no. 3483, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā’*.

Maksud hadith adalah :

Diriwayatkan dari ‘Abd Allah ibn Umar dari Nabi SAW bersabda, Seorang wanita masuk neraka kerana seekor kucing yang dikurung sampai mati. Dia masuk neraka kerananya. Dia tidak memberinya makan, dan minum sewaktu mengurungnya. Tidak pula membiarkannya makan serangga bumi.

Kandungan hadith ini, adalah kisah mengenai wanita Himyariyah Isra’iliyah yang mengurung seekor kucing,²⁹⁵ tetapi dia tidak memberinya makan dan minum sehingga kucing itu mati kerana kelaparan dan kehausan. Ini menunjukkan kerasnya tabiat itu, betapa buruk akhlakunya, serta tiadanya belas kasihan di hatinya, bahkan dengan sengaja telah menyakitinya.

Apabila wanita ini ingin agar kucing ini tetap di rumahnya, dia mungkin sahaja memberinya makan dan minum yang boleh menjaga hidupnya. Rasulullah SAW telah menyampaikan, bahawa manusia meraih pahala dengan berbuat baik kepada haiwan.²⁹⁶ Jika dia enggan memberinya makan dan menjaga hidupnya, maka dia harus melepaskan dan membiarkannya bebas di bumi Allah yang luas ini. Ia pasti mendapatkan makanan yang boleh menjaga hidupnya sendiri. Terlebih lagi kerana Allah SWT telah menyediakan rezeki bagi kucing tersebut daripada sisa-sisa makanan yang ada, begitu pula serangga-serangga yang ditangkapnya.²⁹⁷

Perbuatan ini telah mencelakakan wanita tersebut, sehingga dia masuk neraka. Rasulullah SAW melihat kucing itu memburu wanita yang menahannya di neraka.

²⁹⁵ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 2, h. 19, dan Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Aīnī (tt), j. 1, h. 216.

²⁹⁶ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 2, h. 21.

²⁹⁷ Al-Ashqār, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allah (tt), *op.cit*, h. 347.

Bekas-bekas goresan cakarnya di wajah dan tubuhnya. Beliau melihat itu manakala syurga dan neraka diperlihatkan kepadanya pada masa salat gerhana.²⁹⁸

Besarnya dosa orang yang menyiksa haiwan dan menyakitinya dengan memukul dan membunuhnya. Wanita ini masuk ke neraka kerana dia menjadi sebab kematian seekor kucing.

Boleh memelihara haiwan seperti kucing, burung, dan sebagainya, jika tetap diberikan makan dan minum. Jika tidak mampu atau tidak mau, maka hendaklah melepaskannya dan membiarkannya pergi di bumi Allah yang luas ini untuk mencari rezekinya sendiri.

4.4.2 Keutamaan memberi minum pada binatang

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَيْنَا رَجُلٌ يَمْشِي فَأَشْتَدَّ عَلَيْهِ الْعَطَشُ فَنَزَلَ بَيْتْرًا فَشَرِبَ مِنْهَا ثُمَّ خَرَجَ فَإِذَا هُوَ بِكَلْبٍ يَلْهَثُ يَأْكُلُ الثَّرَى مِنَ الْعَطَشِ فَقَالَ لَقَدْ بَلَغَ هَذَا مِثْلَ الَّذِي بَلَغَ بِي فَمَلَأَ خُفَّهُ ثُمَّ أَمْسَكَهُ بِيَدِهِ ثُمَّ رَقِيَ فَسَقَى الْكَلْبَ فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ فَعَفَرَ لَهُ . قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَإِن لَنَا فِي الْبَهَائِمِ أَجْرًا ؟ قَالَ فِي كُلِّ رَطْبَةٍ أَجْرٌ²⁹⁹.

Maksud hadith adalah:

Dari Abū Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda, Ketika seorang lelaki sedang berjalan, dia merasakan kehausan yang sangat, lalu dia turun ke perigi dan minum. Ketika dia keluar, ternyata ada seekor anjing sedang menjulurkan lidahnya menjilati tanah basah kerana kehausan. Dia berkata, Anjing ini kehausan seperti diriku. Maka dia mengisi sepatunya dan memegangnya dengan mulutnya, kemudian dia naik dan memberi minum anjing itu. Allah berterima kasih kepadanya dan

²⁹⁸ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 745, *Kitāb al-Adhān ‘An Asmā’ bint Abī Bakar*, j. 2, h. 231.

²⁹⁹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 2363, *Kitāb al-Masaqqah, Bāb Faḍl Saqy al-Mā’*, j. 5, h. 40, hadith no. 2466, *Kitāb al-Mazālim, Bāb al-Ābār allat ‘alā al-Tariq Idhā Lam Yata’adha Bihā al-Nas*, j. 5, h. 113.

mengampuninya. Para sahabat bertanya: Ya Rasulullah, apakah kita boleh meraih pahala daripada haiwan? Beliau menjawab: Pada setiap hati yang basah terhadap pahala.

Diriwayatkan daripada Abū Hurairah, Seorang wanita pezina diampuni. Dia melalui seekor anjing di bibir sumur yang sedang menjulurkan lidahnya. Nabi SAW bersabda: Ia hampir mati kerana haus. Lalu wanita itu melepas kasutnya dan mengikat dengan tudungnya dan menimba air dengannya untuk anjing itu. Dia diampuni kerananya.³⁰⁰

Huraian ini adalah merupakan dua kisah tentang seorang lelaki dan seorang wanita. Keduanya memberi minum anjing yang kehausan, maka keduanya diampuni dosa-dosanya kerana kasih sayang mereka berdua, kepada anjing kehausan yang mereka beri minum.

Adapun salah satu diantaranya adalah seorang lelaki, ketika itu sedang berjalan di luar daripada kampungnya, jauh daripada rumah-rumah, lalu tertimpa kehausan yang sangat. Ketika melalui sebuah perigi, maka dia turun ke dalam perigi tersebut, dan minum sampai hausnya hilang lalu naik. Ketika sesampainya diatas, dia melihat seekor anjing yang sangat kehausan. Kerana hausnya, anjing ini menjulurkan lidahnya dengan menjilati tanah basah di sekitar sumur tersebut untuk meringankan hausnya.

Lelaki tersebut melihat anjing yang kehausan ini. Dia ingat keadaan dirinya sebelum minum. Hausnya anjing ini sama dengan apa yang ia sendiri rasakan. Akan tetapi, mungkinkah memberi minum anjing ini, sementara tidak ada timba yang boleh di gunakan untuk mengambil air. Ketika dirinya haus, maka turun ke perigi untuk minum, sedang anjing ini tidak boleh minum kecuali jika airnya dihidangkan di hadapannya. Tidak ada jalan lain untuk mengambil air ini, kecuali melepaskan kasutnya dan turun ke perigi tersebut lalu membawanya naik kepada anjing ini. Akan tetapi bagaimanapun, dia

³⁰⁰ *Ibid*, hadith no. 3321, *Kitāb Bad' al-Khalq, Bab Idhā Waqa' al-Dhubab Fī Inā' Ahadikum*, j. 6, h. 359.

tetap tidak akan dapat memegang kasut itu dengan kedua tangannya, kerana dia sendiri memerlukan keduanya untuk boleh turun dan naik perigi.³⁰¹

Seseorang tidak mau membawa kasut dengan menggunakan mulutnya. Kerana kasut adalah pakaian di kaki dan dengannya seseorang boleh menginjakkan kaki di atas tanah. Boleh jadi ia kotor, mungkin pula baunya tidak sedap. Pada umumnya, seseorang tidak mendekati kasut atau seliparnya ke mulut atau hidung, terlebih-lebih membawanya dengan mulut.

Akan tetapi belas kasih yang kuat di dalam hatinya, telah mendorongnya untuk melakukan apa yang dia mesti lakukan. Dengan cara ini, dia dapat memberi air kepada anjing tersebut. Maka Allah SWT berterima kasih kepadanya, mengampuni dosanya, dan memasukkannya ke dalam rahmat-Nya.³⁰²

Adapun wanita yang memberi minum anjing, lalu dosanya diampuni, dia adalah salah seorang wanita dari Bani Isra'īl yang melakukan perzinaan dan menjadikannya sebagai kerjaya dan menjadi sumber penghasilan. Walaupun wanita ini diampuni dosanya oleh Allah kerana itu, akan tetapi terdapat perbezaan yang nyata di antara keduanya.

Wanita tersebut lebih besar dosanya daripada lelaki itu, kerana dia adalah seorang pezina. Sementara lelaki itu tidak dinyatakan demikian. Dari segi dosa wanita itu lebih besar dan berat. Wanita itu sebelum memberi minum anjing, dia tidak merasakan haus seperti yang dirasakan oleh lelaki itu. Perbezaan antara keduanya ini menjadi pendorong secara pribadi pada diri wanita itu untuk memberi minum. Karena, lelaki itu pada masa dia melihat anjing kehausan, dia merasakan sedang merasakan apa

³⁰¹ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn 'Alī (1420H/2000M), *op.cit.*, j. 7, h. 226.

³⁰² Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-'Ainī (tt), j. 6, h. 131.

yang telah dirasakan oleh anjing. Lain halnya dengan wanita tersebut. Jadi, pendorong pada diri wanita itu adalah kepedihan dan belas kasihan kerana melihat anjing yang kehausan.³⁰³ Dia belum mengalami sendiri keadaan seperti keadaan lelaki dan anjing tersebut.

Akan tetapi, tingkat kesusahan lelaki ini lebih tinggi daripada kesulitan yang dirasai oleh wanita itu. Wanita tersebut datang ke perigi yang airnya berdekatan. Manakala dia tidak menemukan timba untuk mengambil air, dia melepas kasutnya dan mengikatnya dengan tudungnya. Itulah timba yang digunakannya untuk mengambil air daripada perigi. Dengan cara inilah dia dapat memberi minum kepada anjing tersebut.

Adapun lelaki itu, sepertinya air perigi masa itu sangat dalam. Dia tidak mempunyai pakaian yang cukup untuk mengikat kasutnya, dan dia mengambil air dengan cara seperti dalam hadith. Lelaki tersebut mengeluarkan usaha yang berlipat ganda, di samping itu dia mengeluarkan air dengan cara yang banyak orang lain menolak untuk melakukannya.

Walaupun terdapat perbezaan antara keadaan lelaki dengan wanita itu, tetapi hanya sahaja Allah telah mengampuni keduanya. Keduanya telah melakukan perbuatan yang sama. Keduanya berbelas kasih kepada anjing yang kehausan dan memberinya minum. Kerananya, Allah mengampuni dan merahmati keduanya.

Besarnya pahala orang yang berbuat baik kepada haiwan. Kedua orang yang disebutkan di dalam hadith ini telah diampuni dosanya, di keranakan telah memberi minum kepada anjing yang kehausan. Jika ampunan ini diperolehi kerana memberi minum seekor anjing, lalu bagaimana dengan orang yang memberi minum manusia

³⁰³ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 7, h. 228.

yang haus, memberi makan manusia yang lapar, dan bahkan memberi pakaian manusia yang telanjang.

Besarnya kurnia Allah dan keluasan rahmat-Nya. Dia membalas dengan balasan yang besar atas perbuatan yang sedikit. Allah mengampuni dosa orang tersebut hanya dengan sedikit perbuatan, yaitu dengan memberi minum anjing. Begitulah, berbuat baik kepada binatang bisa menjadi sebab diampuninya dosa-dosa dan mendekatkan seorang hamba kepada Allah.

4.4.3 Menggunakan binatang tunggangan sesuai dengan fungsinya

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
صَلَاةَ الصُّبْحِ ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ فَقَالَ بَيْنَا رَجُلٌ يَسُوقُ بَقْرَةً إِذْ رَكِبَهَا
فَضْرَبَهَا فَقَالَتْ إِنَّا لَمْ نُخْلَقْ لِهَذَا إِنَّمَا خُلِقْنَا لِلْحَرْثِ فَقَالَ النَّاسُ سُبْحَانَ اللَّهِ
بَقْرَةٌ تَكَلِّمُ فَقَالَ فَإِنِّي أُوْمِنُ بِهَذَا أَنَا وَأَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ وَمَا هُمَا ثُمَّ
وَبَيْنَمَا رَجُلٌ فِي غَنَمِهِ إِذْ عَدَا الذِّئْبُ فَذَهَبَ مِنْهَا بِشَاةٍ فَطَلَبَ حَتَّى كَانَتْهُ
اسْتَنْقَذَهَا مِنْهُ فَقَالَ لَهُ الذِّئْبُ هَذَا اسْتَنْقَذْتَهَا مِنِّي فَمَنْ لَهَا يَوْمَ السَّبْعِ يَوْمَ لَا
رَاعِيَ لَهَا غَيْرِي فَقَالَ النَّاسُ سُبْحَانَ اللَّهِ ذِئْبٌ يَتَكَلَّمُ قَالَ فَإِنِّي أُوْمِنُ بِهَذَا أَنَا
وَأَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ وَمَا هُمَا ثُمَّ³⁰⁴

Maksud hadith adalah:

Dari Abū Hurairah RA berkata: Rasulullah salat subuh, kemudian beliau menghadap kepada orang-orang. Beliau bersabda: Seorang lelaki membimbing seekor lembu, tiba-tiba menaikinya dan memukulnya. Lembu itu berkata: Kami tidak diciptakan untuk ini, tetapi kami diciptakan untuk membajak sawah. Maka orang-orang berkata: Subhanallah, seekor lembu berbicara'. Nabi bersabda: Sesungguhnya aku beriman kepadanya, begitu pula Abū Bakar dan Umar. Padahal keduanya tidak ada di tempat.

³⁰⁴ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 3471, *Kitāb Ahādīth al-Anbiyā’*, j. 6, h. 512, hadith no. 2663, *Kitāb Fā’il al-Ṣahābah*, j. 7, h. 18, hadith no. 2324, *Kitāb al-Harṭh wa al-Muzāra’ah, Bāb Isti’mal al-Baqārah li al-harṭh*, j. 5, h. 8, hadith no. 3690, *Kitāb Fā’il al-Sahābah Qiṣṣah al-Dhi’b al-Mutakallim ma’a al-Ra’i Dūna al-Baqārah, Bāb Fā’il ‘Umar*, j. 7, h. 42.

Ketika seorang menggembala biri-birinya, tiba-tiba seekor serigala menyerang dan membawa lari seekor biri-biri. Penggembala itu mengejanya, sehingga seolah-olah dia menyelamatkan dirinya. Serigala itu berkata kepada penggembala: Kamu menyelamatkannya dariku. Lalu siapa yang menyelamatkannya pada hari datangnya binatang buas, pada hari itu tidak ada penggembala kecuali aku? Orang-orang berkata: Subhanallah, serigala berbicara. Nabi bersabda: Aku beriman kepada hal ini, begitu pula Abū Bakar dan Umar. Padahal keduanya tidak ada di tempat.

Kisah ini adalah berita daripada orang yang jujur dan dipercaya, yang tidak bercakap dari hawa nafsunya tentang sebuah perkara yang unik, dikeranakan ia menyalahi kebiasaan tabiat manusia. Beliau memberitakan bahawa seekor lembu bercakap kepada pemiliknya, manakala dia menyalahi adat kebiasaan umum. Penunggang itu menaiki punggungnya, dan lembu itu mengingkarinya kerana dia menyalahi *sunatullah* pada dirinya.

Nabi SAW juga menyampaikan tentang seekor serigala yang bercakap kepada penggembala yang mengambil seekor biri-biri daripadanya ketika ia hampir memangsanya.

Percaya kepada berita seperti ini adalah wajib, kerana ia termasuk iman kepada yang ghaib, di mana orang-orangnya dipuji oleh Allah SWT.³⁰⁵

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya :

Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Surah al-Baqarah (2) : 3

³⁰⁵ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 12, h. 403.

Melalui hadith ini Rasulullah SAW menyampaikan kepada umatnya tentang sebahagian keajaiban dan keunikan yang terjadi pada sebagian orang pada masa umat sebelumnya. Beliau menyampaikan tentang seorang lelaki yang menaiki punggung seekor lembu sebagaimana orang menunggang punggung kuda, keledai, dan baghl.

Lembu ini agak lambat berjalan, maka penunggangnya memukulinya agar berjalan lebih pantas.

Tiba-tiba lembu itu menoleh kepadanya, lalu berkata kepadanya dengan ucapan manusia yang mengingkari perbuatannya yang menyalahi sunnatullah pada makhluknya: Kami tidak diciptakan untuk ini, tetapi kami diutamakan untuk membajak sawah. Seolah-olah lembu ini berkata kepada pengendaranya: Kamu telah berbuat zalim kepadaku dengan mengendaraiiku, kerana kamu telah menggunakanku untuk sesuatu di mana Allah menciptakanku bukan untuk hal itu. Kezaliman adalah meletakkan sesuatu yang tidak pada tempatnya.³⁰⁶

Pemaparan kisah ini membuat para sahabat takjub, kisah ini memang mengundang ketakjuban. Sehingga mereka berkata: Subhānallah, seekor lembu mampu bercakap. Ucapan mereka ini bukan merupakan sikap mendustakan Rasulullah SAW. Tidak mungkin mereka berdusta. Akan tetapi, para sahabat mendengar sesuatu di luar daripada kebiasaan yang berlaku. Maka Nabi SAW menjelaskan lagi berita ini, dan menetapkannya dengan mengatakan bahawa dirinya beriman kepada hal itu, begitu pula Abū Bakar dan Umar. Pada saat beliau menyampaikan hadith ini, Abū Bakar RA dan Umar sedang tidak hadir di masjid bersamanya. Nabi SAW menyampaikan hal ini ketika keduanya tidak hadir. Baginda mengetahui besarnya kepercayaan keduanya

³⁰⁶ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 274.

kepada Allah SAW, dan besarnya keyakinan dan keimanan keduanya terhadap kuasa Allah di atas segala sesuatu, termasuk atas sapi yang mampu bercakap ini.³⁰⁷

Nabi juga menceritakan kisah lain di mana pelakunya adalah seekor serigala. Serigala ini telah menyerang biri-biri milik seorang penggembala, lalu ia memangsa seekor biri-biri daripada. Penggembala ini adalah seorang yang kuat dan berani. Iapun mengejar serigala tersebut dan menyelamatkan biri-biri itu daripadanya. Maka serigala itu memandang penggembala dan mengingkari perbuatannya yang mengambil biri-biri daripadanya. Serigala ini berkata: Kamu menyelamatkan biri-biri ini dariku. Lalu siapa yang akan menyelamatkannya pada hari datangnya binatang buas di mana pada hari itu tidak ada penggembala selainku? serigala ini mengisyaratkan hari datangnya binatang buas di masa yang akan datang.³⁰⁸ Pada hari itu di mana binatang-binatang ternak dibiarkan bebas, maka binatang-binatang buas menyerangnya dan merusaknya, kerana tidak ada yang menjaga dan melindunginya. Sepertinya hal ini terjadi menjelang datangnya kiamat pada masa memuncaknya fitnah di mana-mana.

Kemudian para sahabatpun kembali takjub terhadap seekor serigala yang mampu bercakap benar, sebagaimana takjubnya mereka setelah mendengar kisah seekor lembu yang dapat bercakap. Mereka mengucapkan apa yang mereka ucapkan dan Nabi SAW menjawab mereka dengan jawaban yang sama.

Ada sesuatu yang aneh bagi para sahabat, ialah bercakapnya haiwan kepada manusia dengan bahasa manusia. Adapun manusia bercakap dengan haiwan dengan bahasanya, ini perkara lain daripada yang lain. Sebagai contoh di mana Nabi Sulayman AS dapat mengerti bahasa burung dan haiwan lainnya.

³⁰⁷ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), j. 8, h. 111, ◉Al-Ashqār, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allah (tt), *op.cit*, h. 193.

³⁰⁸ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 279.

Ternyata ada juga sebahagian haiwan yang mampu bercakap kepada Rasulullah SAW dan beliau mengerti apa yang mereka katakan kepada Baginda. Contoh lain misalnya seekor onta pernah mengadu kepada Baginda tentang perlakuan buruk majikannya yang selalu memukulinya.³⁰⁹

Oleh kerana itu, walaupun para sahabat takjub, bahawa ada sebahagian haiwan yang boleh bercakap kepada manusia dengan bahasanya sendiri, manusia tetap beriman dan mempercayai berita Nabi SAW sebagai orang jujur dan terpercaya. Selain itu, tetap percaya kepada kekuasaan Allah SWT dan Allah telah memberitakan juga bahawa anggota tubuh badan manusia apabila sudah sampai hari kiamat akan bercakap dan menjadi saksi atas semua amal-amalnya.

وَقَالُوا لَجُلُودِهِمْ لِمَ شَهِدْتُمْ عَلَيْنَا ^ص قَالُوا أَنْطَقَنَا اللَّهُ الَّذِي
أَنْطَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

Dan (setelah berlaku yang demikian), berkatalah mereka kepada kulit-kulit badan mereka: Mengapa kamu menjadi saksi terhadap kami? kulit-kulit badan mereka menjawab: Allah yang berkuasa menjadikan tiap-tiap sesuatu pandai berkata telah menjadikan kami dapat bercakap; dan Dia lah yang menciptakan kamu pada mulanya, dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan (untuk menerima balasan).

Surah al-Fussilat (41) : 21

Adapun pelajaran daripada kisah di atas, adalah tidak boleh menggunakan haiwan untuk sesuatu di mana Allah SWT tidak menciptakannya untuk itu, seperti menggunakan kambing untuk membajak sawah atau sapi untuk ditunggangi dan membawa beban berat. Allah SWT telah menciptakan haiwan ini untuk menunaikan

³⁰⁹ Al-Ashqār, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allah (tt), *op.cit.*, h. 194.

tugas yang sesuai dengan penciptaannya dan sesuai dengan kemampuannya masing-masing.

4.4.4 Larangan membunuh semut

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ نَزَلَ نَبِيٌّ مِنْ الْأَنْبِيَاءِ تَحْتَ شَجَرَةٍ فَلَدَغَتْهُ نَمَلَةٌ فَأَمَرَ بِجَهَازِهِ فَأَخْرَجَ مِنْ تَحْتِهَا ثُمَّ أَمَرَ بِبَيْتِهَا فَأَحْرَقَ بِالنَّارِ فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِ فَهَلَّا نَمَلَةٌ وَاحِدَةٌ³¹⁰

Maksud hadith adalah:

Diriwayatkan daripada Abū Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: Seorang Nabi singgah berteduh di bawah pokok, dia digigit oleh seekor semut. Dia memerintahkan agar barang bawaannya dijauhkan dari bawah pokok itu. Lalu memerintahkan agar rumah semut itu dibakar. Maka Allah SWT telah mewahyukan kepadanya: Mengapa tidak hanya satu ekor semut sahaja?.

Pengajaran hadith ini, menggambarkan bahawa merusak adalah sesuatu yang tidak disukai oleh Allah SWT, bahkan merusak pokok-pokok dan haiwan-haiwan juga tidak dibolehkan. Oleh kerana itu, Allah SWT melarang berbuat kerusakan di muka bumi ini. Akibat perusakan hal tersebut, adalah menunjukkan perusakan terhadap tanam-tanaman dan haiwan-haiwan. Bahkan pada hari kiamat, seorang hamba pasti akan ditanya tentang burung kecil sekalipun yang dibunuhnya tanpa alasan yang benar.

Termasuk dalam hal ini, adalah apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW tentang teguran Allah SWT kepada salah seorang Nabi-Nya. Allah menegurnya atas tindakannya yang membakar sebuah sarang semut, hanya kerana seekor semut yang telah menggigitnya.

³¹⁰ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no. 3219, *Kitāb Bad’ al-Khalq, Bāb Idhā Waqa’ al-Zubāb fī Inā’ Ahadikum*, j. 6, h. 356.

Oleh kerana itu, bersumber daripada kisah tersebut, Rasulullah SAW telah menyampaikan pada umatnya bahawa salah seorang Nabi Allah yang singgah berteduh di bawah pokok, berteduh daripada panasnya matahari, selain untuk beristirahat menghilangkan sedikit penat lelahnya selama di perjalanan. Kebetulan dekat tempat ia berteduh terdapat sebuah sarang semut, dan merasa terganggu dengan seekor semut yang datang dan menggigit Nabi tersebut.

Seorang Nabi adalah juga manusia, diapun marah kepada seekor semut beserta kawan-kawannya, dia bertekad menghukum seluruh gerombolan semut, bahkan memerintahkan pengikutnya agar menjauhkan barangnya dari bawah pokok itu, kemudian dia menyuruh untuk menyalakan api di sarang semut tersebut. Maka semut-semut yang sedang berjalan-jalan di tempatnya dan bahkan di sekelilingnya habis terbakar dan panasnya api itu sampai kepada semut-semut lainnya yang berada di lubangnya sehingga ke dalam tanah.³¹¹

Keadilan telah menuntut orang yang tidak bersalah, tidak boleh dihukum kerana kesalahan orang lain. Yang menggigit Nabi ini hanyalah seekor semut, jika memang mesti dihukum, maka semestinya yang dihukum hanyalah semut tersebut dan bukan yang lain. Nabi SAW mengajarkan kepada umatnya bahawa seseorang berhak melawan orang atau haiwan yang menyerangnya, walaupun haiwan itu adalah haiwan yang jinak. Semut ini menyerang dan menggigit, jika orang yang digigitnya menghukumnya, maka dia tidak dipersalahkan. Adapun menghukum semua semut yang ada di dalam sarangnya itu dan bahkan membakarnya dengan api, ini bukanlah sesuatu keadilan.

³¹¹ Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad ibn ‘Alī (1420H/2000M), *op.cit*, j. 10, h. 97.

Semut adalah makhluk ciptaan Allah SWT. Mereka bertasbih dan mensucikan Allah seperti haiwan-haiwan yang lainnya.³¹² Manusia tidak boleh menyerangnya, kecuali jika mereka menyakitinya. Oleh kerana itu, Allah SWT menyalahkan Nabi itu, dan mencelanya kerana dia menghukum melampaui batas. Dia menghukum semut yang tidak bersalah kerana kesalahan seekor semut. Dia membunuh makhluk yang bertasbih kepada Allah SWT. Dan Allah telah berfirman kepadanya untuk menegurnya: Mengapa tidak hanya satu semut sahaja? Hanya kerana kamu digigit oleh seekor semut, kamu membinasakan makhluk yang bertasbih kepada Allah.³¹³

Melalui pemaparan kisah ini, orang dapat terdidik untuk merasa bersalah jika membunuh seekor semut, dia tidak mungkin setelah itu membunuh manusia tanpa salah dan tanpa alasan yang benar. Dia akan menjadi contoh mulia yang menjaga nyawa hamba-hamba Allah SWT sebagaimana dia menjaga tanaman dan haiwan lainnya.

Pembelajaran daripada kisah ini adalah tidak boleh membunuh semut, sebagaimana tidak boleh membunuh haiwan lainnya, kecuali haiwan yang menyerang dan mengganggu. Dalam sebuah hadith terdapat larangan membunuh semut, lebah, hud-hud, dan *shurad*. *Shurad* adalah burung berkepala besar dan berparuh besar, perutnya putih, punggungnya hijau, pemangsa serangga dan burung kecil.³¹⁴

Dalam hal ini, dikecualikan daripada larangan membunuh haiwan adalah haiwan *fawāsiq* yang berjumlah lima, samada dibunuh di daerah halal maupun di daerah haram. Fawāsiq yang berjumlah lima ini sebagaimana dalam hadith riwayat Imam Bukhārī

³¹² *Ibid*, j. 10, h. 99.

³¹³ Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā al-‘Ainī (tt), j. 8, h. 204.

³¹⁴ Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā yahyā ibn Sharaf (tt), *op.cit*, j. 14, h. 399.

dalam *ṣ ahih*-nya adalah tikus, kala jengking, burung gagak, rajawali, dan anjing penggigit.³¹⁵

Selain kelima haiwan *fawāsiq* ini Rasulullah SAW, juga memerintahkan membunuh cicak. Baginda SAW menyatakan bahawa membunuhnya adalah berpahala.³¹⁶ Begitu juga beliau memerintahkan membunuh ular, kecuali ular rumah yang tidak dibunuh hingga diperingatkan tiga kali; jika setelah itu masih terlihat di rumah, maka bunuhlah. Dan dikecualikan dari ini adalah dua macam ular, iaitu ular berekor pendek dan ular dengan dua garis putih di punggungnya. Keduanya dibunuh secara mutlak walaupun tinggal di rumah, kerana keduanya boleh menyebabkan keguguran dan kebutaan.³¹⁷

Membakar makhluk hidup tidak dibolehkan dalam syariat Islam. Nabi SAW menjelaskan alasan larangan ini, bahawa yang berhak mengazab dengan api hanyalah pemilik api iaitu Allah SWT. Dan ini mungkin dibolehkan di dalam syariat sebelum Nabi SAW di utus, kerana terjadi pada Nabi lain yang membakar sarang semut. Sementara semut adalah makhluk yang bertasbih kepada Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam hadith. Allah SWT telah memberitakan gambaran bahawa segala sesuatu itu bertasbih dengan memuji Allah, seperti dalam ayat berikut ini:

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ
إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ
حَلِيمًا غَفُورًا

³¹⁵ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ismā‘īl (1315), *op.cit*, hadith no, 3314, j. 6, h. 355.

³¹⁶ Muslim, Abū al-Hasan ibn Hajjāj al-Naisabūrī al-Qushairī (tt), *op.cit*, hadith no. 2237-2240, j. 4, h. 1757.

³¹⁷ *Ibid.*, j. 4, h. 1754.

Maksudnya :

Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, senantiasa mengucap tasbih bagi Allah; dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya; akan tetapi kamu sekalian tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun.

Surah al-Isra' (17) : 44

Dalil ini ingin menyampaikan mesejnya kepada kita bahawa semut adalah sebuah umat. Allah SWT telah memberitakan juga bahawa makhluk-makhluk, burung-burung dan haiwan-haiwan, semuanya adalah umat seperti manusia yang ta'at dan bertasbih kepada Tuhannya. Firman Allah yang lain dalam Surah al-An'am:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَّمٌ
أَمْثَلُكُمْ^ج مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ^ج ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ
مُحْشَرُونَ

Maksudnya:

Dan tidak seekor pun haiwan yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Qur'an ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).

Surah al-An'am (6) : 38

Demikianlah beberapa paparan lengkap dan terperinci sebagai sub bahagian kajian-kajian modern yang telah penulis sampaikan. Pada hakikatnya huraian ini adalah merupakan hasil penelitian secara mendalam dan mendasar dengan melalui pengamatan, penelitian dan pemikiran. Semoga melalui perbincangan dan perbahasan ini dapat melengkapkan lagi objek kajian yang ingin dicapai.

4.5 Rumusan

Sebagai hasil rumusan dalam bab ini, bahawa hadith-hadith yang telah dipaparkan dalam perbincangan adalah mengandungi kisah-kisah mengenai akhlak. Samada kisah yang disampaikan berupa kisah tentang umat-umat terdahulu, mahupun yang berkenaan dengan akhlak kepada Allah, manusia dan persekitarannya.

Hurain hadith-hadith ini juga mengandungi kisah dalam penerapan akhlak manusia sebagai hamba kepada Allah SWT. Hal ini berkaitan dengan keharusan beramal secara ikhlas dalam beribadah dan berdo'a kepada Allah SWT, keharusan rasa ta'at ketika memenuhi perintah, mesti bersifat tawakkal kepada Allah SWT, mesti disertai syukur dalam menerima segala nikmat dan karunia Allah SWT.

Penerapan akhlak seorang makhluk kepada Khaliknya juga mesti disertai rasa malu ketika berbuat maksiat di hadapan pencipta-Nya, perlu adanya sifat tawadu, mesti ada kerelaan menerima taqdir dan bahkan juga perlu adanya rasa takut kepada Allah SWT ketika berbuat dosa kepada-Nya. Selepas itu dianjurkan untuk berhijrah daripada perbuatan maksiat lalu diiringi dengan taubat nasuha kepada-Nya.

Adapun penerapan akhlak yang dilakukan oleh seorang manusia kepada sesama makhluk, dapat dipaparkan pula dalam perbincangan mesti bersegera dalam memenuhi panggilan ibu bapa ketika dipanggil oleh keduanya. Keutamaan Berjihad di Jalan Allah SWT dan perlunya berlaku adil apabila mengambil satu keputusan. Berakhlak dengan senantiasa memaafkan orang lain dan memberinya kemudahan daripada segala kemudahan. Mahu membuang duri daripada jalan yang dijumpainya demi keselesaan orang lain, perlu adanya sifat wara' dan bersifat qana'ah terhadap kenikmatan yang

telah ada. Selain itu perlu bersifat menjaga segala persekitaran sebagai wujud kepedulian terhadap ciptaan Allah SWT.

Oleh sebab itu, berdakwah dengan mengungkapkan kisah-kisah mengenai perilaku dan akhlak kepada Allah SWT sangat diperlukan, kerana ia sangat baik dan terus berkesan. Kerana dengan kisah seseorang dapat mendengarkan dan dapat melihat contoh sekaligus tauladan daripada umat-umat sebelumnya, sehingga ianya akan senang mengamalkan dalam kehidupan mereka sehari-sehari sesuai dengan yang disyariatkan tanpa adanya paksaan.

BAB V

BAB V

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Perbincangan dalam kajian disertasi ini telah sampai ke penghujungnya. Secara keseluruhannya, penulis beranggapan bahawa penelitian, pengamatan dan penganalisan ini telah berusaha mencapai kejayaan daripada maksud, matlamat dan objektif kajian yang diinginkan, walaupun penulis sedari bahawa masih banyak kekurangan di sana sini, selain ianya masih jauh daripada harapan. Tetapi penulis masih berusaha pada bab terakhir ini, untuk menyimpulkan beberapa kesimpulan penting, selain dapat memberikan beberapa dapatan yang dijumpai, cadangan yang relevan bagi pengkaji-pengkaji seterusnya selain akan ditutup dengan kata penutup.

5.2 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan akhir daripada kajian yang telah dipaparkan di atas, maka dapat dirumuskan beberapa perkara yang merupakan kesimpulan penting dalam memenuhi objektif kajian, iaitu:

Objektif yang pertama ialah: Untuk mengetahui metode dakwah yang diguna pakai Nabi Muhammad SAW, peranan dan kepentingannya, dan untuk mengetahui metode penerapan akhlak Nabi Muhammad SAW. Objektif tersebut telah tercapai hasil kajiannya ialah:

1. Metode dakwah adalah cara-cara yang dilakukan oleh pendakwah kepada objek dakwah, untuk menghidupkan peraturan-peraturan Islam dengan maksud agar

manusia beriman kepada Allah dan mengerjakan kebaikan, bahagia di dunia dan akhirat.

2. Islam adalah agama dakwah artinya agama yang selalu mendorong pemeluknya untuk senantiasa aktif melakukan kegiatan dakwah, bahkan maju mundurnya umat Islam sangat tergantung dan berkaitan erat dengan kegiatan dakwah yang dilakukan.
3. Dakwah Nabi SAW meliputi tiga hal yang merupakan asas utama kepada metode dakwah, yaitu: *Al-Hikmah*, *al-Maw'izah al-Hasanah*, dan *al-Mujādalah bi allatī Hiya Ahsan*. Ketiga asas diaplikasikan oleh Nabi SAW dalam berbagai metode dakwah.
4. Peranan dakwah ini menfokus pada kepemimpinan manhaj ini, menyerukan kepadanya, menampilkannya dalam kehidupan nyata, mengukuhkannya di muka bumi, memimpin manusia dengannya, sehingga menikmati dan berbahagia dengan keberadaannya. Di antara peranan dakwah ialah : *Al-Rabbaniyah*, pemuliaan dan peningkatan nilai manusia ini karena Allah swt telah memuliakannya, penetapan balasan, ukhuwwah dan persamaan, dan kebersamaan lelaki wanita.
5. Saat ini masuknya berbagai ajaran dan pemahaman yang tidak sesuai dengan nilai agama, membuat agama tidak berdaya dan tidak lagi dijadikan *manhaj al-hayah* dalam berbagai-bagai bidang kehidupan. Kehidupan umat manusia telah terpengaruh oleh modernisme yang membawa nilai-nilai baru yang bertentangan dengan nilai Islam. Solusi terbaik yang dikehendaki Islam yaitu melaksanakan dakwah secara baik serta berkesinambungan.
6. Matlamat dakwah merupakan persoalan yang penting. Tanpa mengetahui matlamat dakwah dengan jelas, setiap dakwah itu tidak akan dapat berjalan dengan baik dan akan merugikan. Setiap orang Islam khususnya pendakwah

mesti mengetahui sejelas-jelasnya ke manakah matlamat dakwah yang hendak dituju dan peringkat-peringkatnya.

7. Matlamat dakwah ialah menyeru atau mengembalikan manusia ke arah pengabdian yang mutlak atau menyeluruh hanya kepada Allah SWT. Ini bermaksud segala yang dirangka dalam gerak kerja dakwah perlu bermatlamatkan perkara ini iaitu mengajak manusia ke arah *ubudiah* atau bertakwa kepada Allah dan menolak *thaghut* yang mana merupakan intipati dalam dakwah.
8. Metode penerapan akhlak yang dilakukan oleh Nabi SAW diantaranya adalah : *Mujahadah*, perumpamaan, nasihat dalam bergaul, penerapan Akhlak melalui uswah hasanah (keteladanan), melihat sifat-sifat terpuji, penerapan akhlak melalui kisah.

Objektif yang kedua ialah : Untuk mengenal pasti penggunaan uslub kisah dalam gaya persembahan dakwah Nabi Muhammad SAW. Objektif ini telah tercapai dengan hasil kajian sebagai berikut:

1. Allah SWT memerintahkan Nabi SAW untuk menceritakan kepada manusia kisah-kisah yang diketahuinya, agar manusia merenung dan memikirkan keadaan orang-orang terdahulu. Maka dalam berdakwahnya Baginda menggunakan metode rabbani ini.
2. Kisah atau cerita telah banyak memainkan peranan penting dalam membentuk kepribadian manusia agar dapat berakhlak mulia dan bersopan santun sehingga mampu mengamalkan nilai-nilai murni dalam mengarungi kehidupan di dunia mahupun kelak di akherat nanti. Oleh sebab itu, isi pesanan Baginda SAW

bukan setakat satu warna. Namun meliputi banyak pesan, mencakup akidah, ibadah dan akhlak dan lain sebagainya.

3. Keunikan lain dalam kisah Nabi Muhammad SAW adalah bahawa isi pesanan baginda SAW bukan setakat satu mesej sahaja. Akan tetapi meliputi banyak pesan, mencakup akidah, ibadah dan akhlak.

Sebagai rumusan dalam bab ini ialah kisah mempunyai keistimewaan kerana ia menggambarkan aspek-aspek kehidupan. Selain ia dapat melahirkan watak-watak, perilaku dan moral, fikiran-fikiran, sasaran hidup, persekitaran, tabiat dan zaman, seolah-olah dapat diperhatikan keadaan mereka itu semua dengan mata kepala sendiri, bahkan terasa berada ditengah-tengah mereka.

Melalui kisah boleh menggerakkan kehangatan perasaan, membangkit semangat dan gerak dalam jiwa manusia, dengannya akan memperbaharui tekad selaras dengan tuntutan dan arah kisah.

Memberi nasehat dengan menggunakan kisah dapat meninggalkan kesan yang mendalam ke dalam jiwa pendengarnya.

Nilai-nilai akhlak antara nilai terpenting yang terkandung dalam kisah-kisah Nabi SAW. Kerana tarbiyah akhlak ialah antara matlamat *tarbiyah Islamiyah* yang terpenting. Ianya akan menjaga manusia daripada apa yang tidak patut bagi dirinya samada akidah mahupun akhlak.

Dakwah melalui kisah boleh menggerakkan kehangatan perasaan, membangkit semangat dan gerak dalam jiwa manusia, dengannya akan memperbaharui tekad selaras dengan tuntutan dan arah kisah.

Ciri-ciri kisah diantaranya : Menggambarkan aspek kehidupan, mengasyikkan, media yang tepat untuk menanamkan nilai-nilai, tidak terkesan menggurui, melunakkan jiwa, meresap ke dalam hati.

Objektif yang ketiga ialah Untuk mengetahui hadith-hadith yang mengandungi metode kisah dalam penerapan akhlak yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Objektif ini telah berhasil dengan hasil sebagai berikut:

1. Hadith-hadith yang telah dipaparkan dalam perbahasan adalah mengandungi kisah-kisah mengenai akhlak. Samada kisah yang disampaikan berupa kisah tentang umat-umat terdahulu, mahupun yang berkenaan dengan akhlak kepada Allah, manusia dan persekitarannya.
2. Huraian hadith-hadith ini juga mengandungi kisah dalam penerapan akhlak manusia sebagai hamba kepada Allah SWT. Hal ini berkaitan dengan keharusan beramal secara ikhlas dalam beribadah dan berdo'a kepada Allah SWT, keharusan rasa ta'at ketika memenuhi perintah, mesti bersifat tawakkal kepada Allah SWT, mesti disertai syukur dalam menerima segala nikmat dan karunia Allah SWT.
3. Penerapan akhlak seorang makhluk kepada Khaliknya juga mesti disertai rasa malu ketika berbuat maksiat di hadapan pencipta-Nya, perlu adanya sifat

tawadu, mesti ada kerelaan menerima taqdir dan bahkan juga perlu adanya rasa takut kepada Allah SWT ketika berbuat dosa kepada-Nya. Selepas itu dianjurkan untuk berhijrah daripada perbuatan maksiat lalu diiringi dengan taubat nasuha kepada-Nya.

4. Adapun penerapan akhlak yang dilakukan oleh seorang manusia kepada sesama makhluk, dapat dipaparkan pula dalam perbahasan mesti bersegera dalam memenuhi panggilan ibu bapa ketika dipanggil oleh keduanya. Keutamaan Berjihad di Jalan Allah SWT dan perlunya berlaku adil apabila mengambil satu keputusan. Berakhlak dengan senantiasa memaafkan orang lain dan memberinya kemudahan daripada segala kemudahan. Mau membuang duri daripada jalan yang dijumpainya demi keselesaan orang lain, perlu adanya sifat wara' dan bersifat qana'ah terhadap kenikmatan yang telah ada. Selain itu perlu bersifat menjaga segala persekitaran sebagai wujud kepedulian terhadap ciptaan Allah SWT.
5. Berdakwah dengan mengungkapkan kisah-kisah mengenai perilaku dan akhlak kepada Allah SWT sangat diperlukan, kerana ia sangat baik dan terus berkesan. Kerana dengan kisah seseorang dapat mendengarkan dan dapat melihat contoh sekaligus tauladan daripada umat-umat sebelumnya, sehingga ianya akan senang mengamalkan dalam kehidupan mereka sehari-sehari sesuai dengan yang disyariatkan tanpa adanya paksaan.
6. Hadith-hadith yang telah dipaparkan dalam perbahasan adalah mengandungi kisah-kisah mengenai akhlak. Samada kisah yang disampaikan berupa kisah tentang umat-umat terdahulu, mahupun yang berkenaan dengan akhlak kepada Allah, manusia dan persekitarannya.

5.3 Cadangan

Kajian ini merupakan salah satu usaha kerdil untuk mengangkat khazanah Islam, selain untuk mengangkat satu kitab hadith yang sangat agung *Ṣahīh al-Bukhārī*. Melalui kajian ini, penulis secara jujur dan tulus akui, selain penulis sedar bahawa selama menjalankan kajian ini penulis banyak mendapati banyak kekurangan pada diri dan kajian ini, samada pada isi kajian yang dihidangkan kepada pembaca mahupun cara pengolahannya. Oleh sebab itu, penulis memberi cadangan untuk dikaji, iaitu:

1. Metodologi dakwah Nabi Muhammad SAW melalui pengkisahan : kajian tentang penerapan akidah dan ibadah dalam *Ṣahīl al-Bukhārī*.
2. Metodologi dakwah Nabi Muhammad SAW melalui pengkisahan : kajian tentang penerapan akidah dan ibadah dalam *Kutub al-Sittah*.
3. Metodologi dakwah Nabi Muhammad SAW melalui pengkisahan : kajian tentang penerapan akidah, ibadah dan akhlak periode makkah.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Buku Dalam Bahasa Arab

- ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah (1997), *Al-Rasūl al-Mu‘allim Wa Asālibuh fī al-Ta‘ṣīm*.
Beirut : Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān, Dr (2000), *Al-Mustafād min Qaṣaṣ al-Qur’ān li al-Da‘wah wa al-Du‘āt*, Beirut : Muassasah al-Risālah, Lebanon.
- ‘Abd al-Karīm Zaidān, Dr (2004), *Al-Da‘wah bi al-Hikmah*, Beirut : Muassasah al-Risālah.
- ‘Abd al-Hamīd al-Bilālī (1989), *Fiqh al-Da‘wah fī ingkar al-Mungkar*, Kuwait : Dar al-Dawah
- ‘Abd al-Salām Muhammad Hārūn (1418), *Al-Alf al-Mukhtarah min Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, c. 3, Kaherah : Maktabah al-Qur’ān
- Abū Dāwud, Sulaymān ibn al-As‘ath al-Sijistānī (1990), *Al-Sunan*, c. 1, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Imiyah.
- Abū Muhammad ‘Abd al-Mālik ibn Hishām (tt), *Al-Sīrah al-Nabawiyah*, tahqīq: Muṣāfā al-Saqā dkk, j. 2, Riyad: Al-Muassasah al-‘Ammah li Idārah al-Buhūth al-‘Ilmiyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah wa al-Irshād
- ‘Ādil al-Furaidan (1417), *Al-Muntaqā min Fatawā Fadīlah Syekh Sālih Fawzān*,
Kaherah: Maktabah al-Gurabā
- ‘Abd al-Rahmān Hasan (1999), *Akhlaq al-Islāmiyyah*, c. V, Beirut : Dār al-Qalam

Ahmad Ahmad Ghalūsh (1978), *Al-Da'wah al-Islāmiyyah Usūluhā Wa Wasāiluhā*,
Kaheerah : Dār al-Kitāb al-Misrī.

Ahmad Ibn 'Abd al-'Azīz al-Khalaf, Dr (1997), *Manhāj Ibn al-Qayyim Fī al-Da'wah
Ilā Allah Ta'ālā*, Beirut : Aḍwā al-Salaf.

Ahmad Ibn Munīr al-Muqri al-Fayūmī (1995), *Al-Miṣbāh al-Munīr*, Beirut : Dār al-Fikr

Ahmad Mahmūd Abū Zaid (1996), *Minhaj al-Dā'iyyah*, Makkah : Rabi'ah 'Alam
Islāmī

Al-'Ainī, Badr al-Dīn Mahmūd ibn Ahmad ibn Mūsā (tt), *'Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīh
al-Bukhārī*, Kaheerah : Dār al-Misriyah.

Al-Albānī, Muhammad Nāsir al-Dīn (1999), *Al-Silsilah Ahādīth al-Ṣaḥīhah*, c. I,
Damaskus : al-Maktab al-Islāmī.

Al-Ashqar, 'Umar Sulaymān 'Abd Allah (tt), *Ṣaḥīḥ al-Qaṣaṣ al-Nabawī*, Jordan : Dār
al-Nafāis li al-Nasr wa al-Tawzi'.

Al-Ashqar, 'Umar Sulaymān 'Abd Allah (2005), *Qaṣaṣ al-Ghayb fī Qaṣaṣ Ṣaḥīḥ
al-Hadīth al-Nabawī*, Jordan : Dār al-Nafāis li al-Nasr wa al-Tawzi'.

Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn Ismā'il (1315), *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*,
Istanbul: Al-Maktabah al-Islāmī.

Al-Dhahabī, Muhammad ibn Ahmad ibn 'Uthmān (1413H/1992), *Man Lahu Riwayāyah fī
Kutub al-Sittah*, c. 1, Jedah : Dār al-Thaqāfah al-Islāmiyyah Muassasah 'Ulūm
al-Qur'ān.

Al-Dhahabī, Muhammad ibn Ahmad ibn 'Uthmān (1401H/1981M), *Siyar A'lām al-
Nubalā*, Beirut : Muassasah al-Risālah.

Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad ibn Muhammad (1967), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*,
Kaheerah: Muassasah al-Halabī wa Shirkah li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Al-Hadrī, Khālil ibn ‘Abd Allah (1418H), *Al-Tarbiyah al-Waqāiyah fī al-Islām*, Mekah : Ma‘had al-Buhūth al-Ilmiyah wa Ihyā’ al-Turāth al-Islāmī.

Al-Hākim (1977), *Ma‘rifat ‘Ulūm al-Hadīth*, c. II, Beirut : al-Maktab al-Tijārī.

Al-Haythamī (1982), *Majma‘ al-Zawāid wa Manba‘ al-Fawāid*, c. III, Beirut : Muassasah al-Risālah.

Al-Husaynī, ‘Abd al-Majīd (tt), *Al-Imām al-Bukhārī Muhaddithan wa Faqīhan*, Kaherah : Dār al-Qawmiyyah.

Al-Kandahlawī, Muhammad Yūsuf (1965), *Hayāh al-Şahābah*, Beirut: Muassasah al-Risālah.

Al-Khatīb al-Baghdādī (1350), *Tārikh Baghdād*, Kaherah : Dār al-Kutub al-Misriyyah.

Al-Kḥāṭib al-Ṭabrīzī (1380), *Mishkāt al-Masābih*, c. I, Damsiq : Al-Maktabah al-Islāmiyyah.

Al-Mizzī, Abū al-Hujjaj Yūsuf ibn ‘Abd al-Rahmān (1400), *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, c. I, Tahqīq : Dr. Basar ‘Awad Ma‘rūf, Kaherah : Dār al-Kutub al-Misriyyah.

Al-Mubārak Fūrī (1996), *‘Aun al-Ma‘būd*, Beirut : Dar al-Fikr

Al-Nahlāwī, ‘Abd al-Rahmān (1999), *Uşūl al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Asālibuhā Fī al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujma‘*, Beirut : Dār al-Fikr.

Al-Naisabūrī (1989), *Al-Madkhal fī ‘Ulūm Al-Hadīth*, Aleppo : Maṭba‘ah ‘Ilmiyah.

Al-Nasā’i, Abū ① ‘Abd al-Rahmān Ahmad ibn Shu‘aib ibn ‘Ali (tt), *Al-Sunan al-Kubrā fī al-Hadīth*, Kaherah : Al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.

Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abī Zakariyā yahyā ibn Sharaf (tt), *Riyāḍ al-Sālihīn Min Kalām Sayyid al-Mursalīn*, Kaherah : Maktabah al-Qayyimah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘

Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Yahyā ibn Sharaf (1995), *Al-Manhāj fī Sharh Muslim*, Kaherah : al-Maṭba‘ah al-Misriyyah.

Al-Nawawī, Muhy al-Dīn Abū Zakariya yahyā ibn Syaraf (1995), *Syarh Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Ihya’ Al-Turath Al-‘Arabī

Al-Rāzī, Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn ‘Umar ibn al-Hasan ibn al-Husen al-Tamīmī (tt), *Rūh al-Ma‘ānī*, Beirut : Dār al-Ma‘rifah.

Al-Shaybanī, Ahmad ibn Hambal (1377), *Musnad*, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.

Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muhammad ibn Jarīr ibn Yazīd ibn Kathīr ibn Ghālib al-Āmālī (1420H/2000M), *Jami ‘al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, c. I, taḥqīq : Ahmad Muhammad Shukūr, Saudi Arabia : Muassasah al-Risālah.

Al-Tirmidhī, Muhammad ibn ‘Isā ibn Sūrah (1937), *Al-Jāmi‘*, taḥqīq : Ahmad Shākir dan kawan-kawan, Kaherah : Maktabah Mustafā al-Bānī al-Halabī.

āl-Qāṭṭān, Mannān āl-Qāṭṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Beirut: Muassah al-Risālah.

Al-Qurtubī, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abī Bakar al-Anṣārī (1385H / 1966M), *Al-Jāmi‘ Li Ahkām al-Qur’ān al-Karīm*, c. 1, Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī.

Al-Zīr, Muhammad Hasan (1398H), *al-Qaṣaṣ fī al-Hadīth al-Nabawī*, Saudi Arabia: Dār al-Maṭba‘ah al-Salafiyah.

‘Alī al-Jarīṣah (1998), *Adab al-Hiwār wa al-Muhāḍarah*, c. I, Mekkah : Dār al-Wafā

‘Alī Mahfūḥ (1975), *Hidāyah al-Murshidīn*, Kaherah : Dār al-Salām li al-Ṭibā‘ah wa

al-Nashr wa al-Tawzi‘

‘Amr Muhammad Khālid (2002), *Akhlāq al-Mu‘min*, Kaherah : Dār al-Tawzi‘.

‘Amr Khālid (2006), *Qira‘ah Jayyidah wa Ru‘yah Fī Qāṣāṣ al-Anbiyā*. Beirut : Dār al-Ma‘rifah.

Ahmad Amin (1969M), *Kitāb al-Akhlāk*, Beirut : Dār al-Kutūb al-‘Arabī.

Batras ‘Abd. Malik (tt), *Qāmūs al-Kutub al-Muqaddas*, c. IX, Kaherah: Hai‘ah al-Tahrīr.

Fathī yakan (1987), *Kayfa Nad‘ū al-Nās*, Beirut : Dār al-Fikr

Fawwāz ibn Hulayyil ibn Rabah (tt), *Usus Manhāj al-Salaf fī Da‘wah Ilā Allah*, Saudi Arabia : Dār Ibn Qayyim al-Jauziyah

Hājī Khalīfah (1969), *Kashf al-Zunūn ‘An Asāmī al-Kutub wa al-Funūn* , Baghdad : Maktabah al-Mutannā.

Ibn Abī Ya‘ (1952), *Tabaqāt al-Hanābilah*,c.1, Kaherah : Dār al-Tawz‘

Ibn al-Athīr (1967), *Jāmi‘ al-Usūl fī Ahādīth al-Rasūl*, Tahqīq : ‘Abd al-Qādir, Kaherah : Maktabah al-Helwānī.

Ibn al-Qayyim (tt), *Al-Turuq al-Hukmiyah fī al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, Beirut : Dār al-Islamiyah.

_____ (tt), *Ighāthah al-Lahfān Min Maṣā‘id al-Syaitān*, Beirut : Dār al-ma‘rifah.

Ibn Baṭal, Abū al-Hasan ‘Alī ibn Khalaf ibn Baṭal al-Qurtubī (tt), *Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kaherah : Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyah.

Ibn Hajar, Ahmad ibn ‘Alī Al-Asqalānī, (1420H/2000M), *Fath al- Bārī*, c. I, Beirut :
Dār al-Fikr, Li al-Tibḥah, wa al-Nashr wa al-Tawzi‘

_____ (1379H), *Hady al-Sārī*, Riyad : Dār Nasr wa Tawzi‘

_____ (tt), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Beirut : Dār Ṣādir.

Ibn Hishām, Abū Muhammad ‘Abd al- Mālik (tt), *Al-Sīrah Al-Nabawiyyah*, Kaherah :
Al-Bānī al-Halabī.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ism‘īl ibn ‘Umar al-Qurasyī al-Damsiqī (2001), *Al-
Bidāyah Wa al-Nihāyah*, Kaherah : Maktabah Dār al-Salām.

_____ (2003), *Qaṣaṣ al-Qur’an*, c. I, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

_____ (1420H/1999M), *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*, c. II, Tahqiq : Sāmī ibn
Muhammad salamah, Saudi Arabia : Dār Tayyibah li al-Nasr wa al-Tawzi‘

Ibn Majah, Muhammad ibn Yazīd ibn Majah al-Qazwaynī (1395), *Al-Sunan*, Taqīq dan
tarqīm : Muhammad Fuād ‘Abd al-Bāqī, Beirut : Dār al-Ihyā al-Turāth al-‘Arabī.

Ibn Manzūr, Muhammad ibn Mukarram ibn Manzūr al-Afriqī al-Misrī (1990), *Lisān
al-‘Arab*, Beirut : Dār al-Fikr.

Ibn Maskawaih (1995), *Tahdhīb al-Akhlāq*, Beirut : Dār al-Fikr

Ibn Qayyim (tt), *al-Tafsīr al-Qayyim*, Kaherah: tp

Ibn Taymiyah (1398), *Majmū’ Fatāwā*, c. 1, Beirut: Dār al-Iftā’.

_____ (tt), *Qaidah Jalīlah fī al-Tawassul wa al-Wasīlah*, c. 1, Beirut: Dār
al-Fikr.

Ibn Uthaymin, Syekh(2003), *Al-Lajnah al-Dāimah li al-Buhūth wa al-Fatwā*, Mekkah:

Maṭbu'ah Majma' al-Buhūts wa al-Fatwā

Ibtisām binti Ahmad ibn Nāsir al-Hamd (1426), *al-Qaym al-Khalqiyah al-Mustanbiṭah min Qaṣaṣ al-Nabawī*, Riyad: Maktabah al-Rashād.

Muhammad al-Dālī (1993), *Al-Wihdah al-Faniyyah fī al-Qiṣṣah al-Qur'āniyyah*, c. I, Beirut : Muassasah al-Risālah.

Muhammad al-Dusārī (2006), *Aḥmah al-Qur'ān al-Karīm*, c. I, Beirut : Dār al-Salām.

Muhammad al-Ghazālī (tt), *Al-Mahāwir al-Khamsah li al-Qur'ān al-Karīm*, c. I, Beirut : tp.

Muhammad Ibn Luṭfī al-Ṣibaghī (2006), *al-Jānib al-Da'awī fī Sīrah al-Nabawiyah*, Riyad : al-Maktab al-Ta'āwuni li al-Da'wah wa al-Taw'iyah al-Jāliyat bi al-Rabwah

Muhammad Ibn Ṣālih al-Uthaymin (tt), *Makārim al-Akhlāq*, Mekkah: Dār al-Amānah

Muhammad Ṣāleh al-Munjid (tt), *al-Tarbiyah bi al-Qiṣṣah, Qaṣaṣ Munāsabah li al-Atfāl*, Kaherah : Maktabah Sultan.

Muhammad Qutub (1409H), *Manhāj al-Tarbiyah al-Islāmiyah*, c 12, Kaherah : Dār al-Shurūq.

Muslim Al-Naisabūrī, Abū al-Hasan ibn Hajjaj al-Qushairī (tt), *Al-Jāmi' al-Ḥaḥīh*, j. 12, taḥqīq: Muhammad Fuād 'Abd al-Bāqī, Kaherah : Dār al-Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Mustafā Muhammad Sulaymān (1994), *Al-Qiṣṣah fī al-Qurān al-Karīm*, Kaherah: Maktabah al-Amānah.

Muṣṭafā al-Sibā'ī (1972), *Al-Sīrah al-Nabawiyah Durus wa 'Ibr*, Beirut : Maktabah al-Islāmī.

Rozbi ‘Abd al-Raūf al-Zawawī (tt), *Min ‘Ajā’ib al-Awwalīn*, Kaherah : Maktabah al-Farūq.

Sa‘ad Abū Habīb (tt), *al-Qamūs al-Fiqh*, Beirut : Dar Ifta’

Sa‘d al-Dīn, Aymān ‘Abd al-Mukmin (1424H), *al-Akhlāq fī al-Islām*, c. 1, Riyad : Maktabah al-Rushd

Şālih Ibn ‘Abd Allah Ibn Humayd (tt), *Mawsū‘ah Naḍrah al-Na‘īm*, Mekkah : Dar al-Risalah.

Sayyid Muhammad Ṭanṭawī (2000), *Adab al-Hiwār fī Islām*, Kaherah : Dār al-Nahḍah

Sayyid Qutub (1400), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, j. 1, c. 9, Beirut: Dār al-Shurūq.

Taufīq al-Wā‘ī (1999), *Al-Da‘wah ilā Allah*, Beirut : Maktabah al-Amānah

‘Uthmān Qadrī Makānīsī (2001), *Min Asālīb al-Tarbiyah fī al-Qur’ān al-Karīm*, c. I, Beirut : Dār Ibn Hazm

WAMY (2001), *Fī Usūl al-Hiwār*, Kaherah : Maktabah Wahbah

Zayn al-Dīn Ahmad ibn Ahmad ibn ‘Abd al-Laṭīf al-Zabīdī (2007), *Mukhtaṣar Ṣaḥīh al-Bukhārī wa al-Musammā al-Tajrid al-Şarīh li Ahādīth al-Jamī‘*, I‘tana bih : al-Syekh Khalīl Syayha, Beirut : Dār al-Ma‘ārif li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘

Rujukan Buku Dalam Bahasa Inggeris:

Adam (1965), *New Masters Pictorial Encyclopaedia*, England

Bertens (2004), *The science of moral philosophy*, England : tp

Encyclopedia Britannica (1998), USA : *Encyclopedia Britannica, Inc.*

I.N. Anderson (1963), *The World's Religions*, Michigan

Peter A. Angeles (1981), *A Dictionary of Philosophy*, Harper and Row Publishers.

Rujukan Buku Dalam Bahasa Melayu dan Indonesia :

Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Metodologi Dakwah*, c. III, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

_____ (1999), *Psikologi Dakwah*, c. I, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.

Abd al-Aziz Abdul Majid (2005), *Mendidik Anak Lewat Cerita*, Jakarta : Mustaqim.

‘Abd Allah Sihata, DR (1978), *Dakwah Islam*, c. I, Jakarta: Bulan Bintang.

‘Abd al-Hassan (2002), *Komunikasi Untuk Pendakwah, Panduan Mengubah Sikap dan Tingkah Laku Orang Lain*, Pahang Darul Makmur : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.

‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah (2001), *Menghuraikan 40 Teknik Cara Mengajar Oleh Rasulullah*, Kuala Lumpur : Al-Azhar media & M. Khari Ent.

‘Abbās Mahmūd al-‘Aqqad (2001), *Kejeniusan Rasulullah SAW*, Jakarta : Penerbit Pustaka Azzam.

Abdurrahman Saleh Abdullah (1994), *Teori-teori Pendidikan Berdasarkan al-Quran*, c. II, Jakarta : Rineka Cipta

A. Hasjmy (1974), *Dustur Dakwah Menurut al-Quran*, c. I, Jakarta : Penerbit Bulan Bintang.

Achmad Mubarak (2002), *Psikologi Dakwah*, c. III, Jakarta : Pustaka Firdaus.

Ahmad Mahmud Abu Zaid (2003), *Pendakwah Masa Kini Sikap dan Pendekatan*, c. II, Kuala Lumpur : YADIM.

Ahmad Rafi ‘Usmānī (2007), *Wangi Akhlak Nabi*, c. I, Bandung : Mizania.

Ahmad Warson al-Munawwir (1997), *Al-Munawwir*, c. 14, Jakarta : Pustaka Progresif

‘Aid ‘Abd Allah al-Qarnī (2007), *1001 Hikmah Sepanjang Zaman*, c. I, Kuala Lumpur : Jasmine Enterprise.

Al-Bahī al-Khulī (tt), *Panduan Para Pendakwah*, Ismail bin Mohd. Hassan (terj.), Kuala Lumpur : Penerbit Yayasan Islam Terengganu.

Barmawi Umary (1987) *Azas-azas Ilmu Dakwah* , c. II, Solo : CV. Ramadhani.

Barry dan Ya’kub (2003), *Kamus Induk Istilah Ilmiah*, Jakarta : Firdaus

Dewan Bahasa dan Pustaka (1985), *Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur: DBP.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan*, c. III, Kuala Lumpur: DBP.

Dewan Bahasa dan Pustaka (1958), *Panduan Mengajar*, Kuala Lumpur : Art Printing Works.

Didin Hafiduddin (1988), M.Sc, *Dakwah Aktual*, Jakarta : Gema Insani Press

Djatnika (tt), *Etika dan Moral*, Bandung : Mizania

Fuad bin Abdul Aziz Al-Syalhub (2005), *Quantum Teaching 38 Langkah Belajar Mengajar EQ Cara Nabi SAW, Panduan Praktis Bagi Para Pendidik*, penterjemah Abu Haekal, Jakarta : Zikrul Hakim.

H. Hamzah Ya’qub, Drs (1983), *Etika*, Bandung : tp

Hasan Langgulong, Prof. Dr(1985), *Pendidikan dan Peradaban Islam*, Jakarta : Pustaka Al-Husna.

Hasanuddin (1996), *Hukum Dakwah*, Jakarta : Pedoman Ilmu Jaya

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn 'Umar al-Qurasyī al-Damsiqī (tt), *Kisah Para Nabi Edisi Lengkap*. penerjemah : Harun Arrasyid Hj. Tuskan, Kuala Lumpur : Darul Fajr Sdn. Bhd.

Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP.

Ishak Baharom, Datok (2009), *Kisah-kisah daripada Rasulullah*, Kuala Lumpur : Penerbit Kemilau Publika.

Jamaluddin Chafe (1993), *Psikologi Dakwah*, Surabaya: Penerbit, Surabaya Indah

James L. Mursell, Prof. I. P. Simandjuntak M. A & Drs. Soeitoe (1975), *Pengajaran Berhasil*. Jakarta : Yayasan Penerbit Universitas Indonesia.

Koentjaraningrat, ed. (1997), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia.

M. Masyhur Amin (1997), *Dakwah Islam dan Pesan Moral*, Jakarta : Al-Amin Press

M. Munir, S.Ag, dkk (2003), *Metode Dakwah*, c. I, Jakarta : Kencana Fajar Interpretama.

M. Natsir (1996), *Fiqh al-Da'wah*, Jakarta: Yayasan Capita Selecta.

M. Saleh Saad (1972), *Pedoman Menjusun Skripsi*, Jakarta : Penerbit Djambatan.

Mohd. Napiah Abdullah (1989), *Ikhtisar Sejarah Perkembangan dan Kaedah Penyusunan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Mohd Nawi Ab Rahman (2000), *Teras Penyelidikan*, Penerbit UPM Serdang.
- Mohd Shaffie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan*, Penerbit UKM, Bangi.
- Mohammad Shatar Sabran, Jasni Sabri dan Azali Mohamed (2006), *Tip Pendidik Cemerlang*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad A. Khalafullah (2002), *Al-Quran Bukan 'Kitab Sejarah', Seni Sastra dan Moralitas dalam Kisah-kisah Al-Quran*, Jakarta : Penerbit Paramadina.
- Muhammad Imarah (2002), *Saripati Hadith al-Bukhārī*, Jakarta : Pustaka al-Kauthar.
- Mustafā al-Rafī'ī (2004), *Dakwah dan Keunggulan Para Da'ī*, c. I, diterjemahkan oleh Abd. Wahab Latif, Badlihisam Mohd Nasir, Mashita Ismail, Shah Alam : Penerbit Karisma Publications Sdn Bhd.
- Mustafa Haji Daud, DR (1995), *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Poerwardarminta (1982), *Kamus Indonesia*, Jakarta : Pustaka Firdaus
- Qurais Shihab (2000), *Tafsir al-Misbah*, c. I, Jakarta : Lentera Hati
- Ẓāfi'udīn dan Maman Abdul Djaliel (2001), *Prinsip Dan Strategi Dakwah*, c. II, Bandung : CV. Pustaka Setia.
- Sa'īd Ibn 'Alī al-Qahthānī (1994), *Dakwah Islam Dakwah Bijak*, c. 1, Jakarta: Gema Insani Press.
- Ṣālah al-Khālīdī (1999), *Kisah-kisah Al-Quran Pelajaran dari Orang-orang Dahulu*, Jakarta : Gema Insani Press.
- Samarudin Rejab & Nazri Abdullah (1982), *Panduan Menulis Tesis*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajar Malaysia.

- Sastrapradja (1981) , *kamus Ensiklopedia Pendidikan*, Surabaya : CV. Aman ah Press
- Siti Muriah (2000), *Metodologi Dakwah Kontemporer*, c. 10, Yogyakarta: Mitra Pustaka.
- Sugiyono (2006), *Metode Penulisan Karya Ilmiah*, Yogyakarta: Tp.
- Surachmad (1970), *Dasar dan Tehnik Research*, Bandung : Penerbit C.V. Tarsito.
- Tesis Sarjana Islam (tt), *Himpunan al-Amthal al-Nabawiyah : Kajian Terhadap Uslub Nabi Ke Arah Peningkatan Tarbiyah Ruhiah*, Kuala Lumpur : FPI UKM.
- Toha Jahja Umar (tt), *Ilmu Dakwah*, Jakarta : Penerbit Widjaya Djakarta
- Toto Tasmara, Drs, (1997), *Komunikasi Dakwah*, Jakarta : Gaya Media Pratama.
- W. James Popham, Eva L. Baker (1992), *Teknik Mengajar Secara Sistematis*. Jakarta : Rineka Cipta.
- Yusūf al-Qaraḍawī (1989), *Al-Quran Berbicara Tentang Akal dan Pengetahuan*, Jakarta: Gema Insani Press.
- Zaenal Arifin dan Abu Ezzat al-Mubarak (2008), *Pesan Maha Kasih Dalam Kisah*, c. I, Kuala lumpur : Pustaka Jiwa.

Rujukan daripada laman web

- Muhammad Jamīl Zaynū (tt), *Min Badāi 'i al-Qaṣaṣ al-Nabawī al-Ṣahīh*, diambil daripada www.sultan/a.org.